

Jilid I
Bil. 81



Hari Khamis
5hb November, 1987

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KETUJUJUH

Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 13409]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1988 [Ruangan 13466]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1988 [Ruangan 13466]

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- ” Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN HAJI TUN ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- ” Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- ” Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- ” Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- ” Menteri Perusahaan Awam, DATO' NAPISAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- ” Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- ” Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- ” Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VJANDRAN (Kapar).
- ” Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- ” Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N (Paloh).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Macang).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- ” Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- ” Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Wang Choon Wing, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T. K.M.N., F.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN. S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lampir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR, (Kuantan).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).

- Yang Berhormat DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N.,
B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam)
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGA,
P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N.,
A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

- Yang Berhormat TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).

- Yang Berhormat TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATUK JOSPEH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (MAS GADING).
- „ TUAN P. PATTO (IPOH).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y. B. M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

- Yang Berhormat **TUAN TIEN SUNG SENG** *alias* **TIU SIING SENG** (Sibu).
- „ **TUAN TING CHEK MING** (Batu Gajah).
- „ **DR TING CHEW PEH** (Gopeng).
- „ **TUAN TING LING KIEW** (Bintulu).
- „ **TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID**, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ **DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE** (Tambun).
- „ **PUAN SITI ZAINABON** *alias* **Zainab binti Abu Bakar** (Tebrau).
- „ **DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI**, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ **DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN**, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ **DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN**, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ **TUAN ZUBIR BIN EMBONG** (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suher bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BETARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 5hb November, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PENYELUDUPAN BERAS DI
SEMPADAN**

1. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah benar penyeludupan di kawasan sempadan terutama penyeludupan beras sudah menjadi satu budaya hidup bagi mereka yang terlibat. Sekiranya benar, maka apakah cara-cara lain yang boleh diperkenalkan selain dari kuatkuasa undang-undang untuk membanteras penyeludupan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat penyeludupan adalah merupakan sebagai salah satu mata pencarian bagi mereka yang terlibat di kawasan sempadan.

Selain daripada kuatkuasa undang-undang, Kerajaan juga berusaha membanteras aktiviti penyeludupan dengan cara membina pagar keselamatan di sempadan Malaysia/Thailand serta meminta rakyat, terutamanya penduduk tempatan di kawasan tersebut supaya sama-sama membanteras kegiatan penyeludupan ini.

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin meminta penjelasan daripada Timbalan Menteri Dalam Negeri berkenaan apakah sebab-sebab penyeludupan beras begitu berleluasa dan adakah Kerajaan bercadang untuk melatih sekumpulan petugas khas untuk memerangi penyeludupan beras itu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada beras, banyak lagi bahan-bahan lain yang telah pun diseludapkan kerana barang-barang itu didapati lebih murah di Thailand daripada di negara kita iaitu beras, bahan pakaian, plastik, ternakan dan juga dadah.

Untuk menentukan bahawa adakah Kerajaan benar-benar memandang serius atas perkara ini, kita mempunyai empat agensi yang mengambil berat tentang penyeludupan ini iaitu Unit Pencegah Penyeludupan, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan juga pihak LPN. Dan keempat-empat agensi ini bekerjasama sekeras-kerasnya dengan bantuan rakyat jelata untuk menentukan bahawa penyeludupan beras ini dapat kita bendung dan dapat kita kurangkan dan kalau kita lihat beras sahaja yang telah diseludup dan ditangkap, memang angkanya meningkat, seperti berikut:

Tahun	Kuantiti Beras	Nilai Harga
1985 ..	50,695 kg.	\$160,506
1986 ..	55,352 kg.	\$200,000
1987 ..	240,594 kg.	\$326,000

Dengan itu, pihak keempat-empat agensi itu akan cuba seberapa daya berusaha untuk menentukan penyeludupan beras itu tidak berkembang lebih besar dan tindakan lain ialah memberhentikan perkhidmatan keretapi yang seringkali digunakan untuk penyeludupan seperti Rantau Panjang-Bandar Sungai Golok, Thailand yang telah di tutup pada tahun 1976; Rantau Panjang—Pasir Mas-Rantau Panjang ditutup pada tahun 1985 dan Rantau Panjang-Arau-Padang Besar ditutup pada tahun 1987.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dua perkara—oleh kerana kita tahu negeri Kelantan itu merupakan kawasan yang menjadi pengkalan untuk penyeludupan sama ada beras dan sebagainya. Oleh sebab itu, ada beberapa perkara yang saya ingin tahu daripada pihak Kementerian yang berkenaan.

Pertamanya, sejak dahulu sampai hari ini berlaku usaha penyeludupan beras yang dilakukan oleh peniaga-peniaga besar ataupun yang disebut taukeh-taukeh, tetapi mereka selalu terlepas dengan begitu sahaja dengan tidak ada apa-apa tindakan, boleh jadi kerana ada budi bicara di antara kedua pihak.

Yang kedua, selalunya orang-orang miskin ataupun orang kampung menjadi mangsa berkenaan dengan beras itu, bila didapati mereka membawa segantang-dua atau sekampit-dua beras itu dan mereka melintasi tempat-tempat kawalan, selalunya beras itu dirampas dan sebagainya, sedangkan mereka itu bukan dari golongan peniaga, sebaliknya hanya orang biasa yang kais pagi makan pagi sahaja, tetapi mengapakah orang-orang yang betul-betul boleh disifatkan sebagai taukeh, mereka itu terlepas dengan begitu sahaja dan amalan ini berlaku terus

menerus. Adakah Kerajaan tidak sedar di atas perkara ini ataupun kalau sedar bagaimanakah cara untuk mengambil suatu tindakan tegas supaya perkara ini tidak berlaku lagi?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Wakil Rakyat Pengkalan Chepa. Pihak Kerajaan atau pihak berkuasa tidak memilih bulu di atas penangkapan walaupun besar atau kecil. Apa yang menyusahkan pihak Kerajaan atau agensi-agensi yang bertanggungjawab ialah orang besar-besar atau yang kaya-kaya ini melakukan perkara ini dengan begitu licin dan pandai sehingga sukar untuk dikesan dan rakyat pula tidak mahu memberi kerjasama terhadap penyeludupan yang besar-besar ini termasuklah setengah-setengah Wakil Rakyat, mereka lihat sahaja tetapi tidak mahu melaporkan kepada pihak yang berkenaan.

Saya mendapat banyak surat daripada Kelantan baru-baru ini bila kita menghantar seorang pegawai Polis yang tegas, yang berani, yang mahu bertindak; kita menerima surat begitu banyak daripada pihak-pihak tertentu di Kelantan, complaint, dengan izin, mengapakah Ketua Polis ini terlalu keras mengambil tindakan-tindakan terhadap penyeludupan. Inilah masalah yang kita hadapi hari ini. Kalaulah Yang Berhormat sebagai Wakil Rakyat dari Kelantan dapat menerangkan keadaan ini, beri kerjasama, bila ada pegawai Polis yang kita hantar itu tegas sedikit, beri sokongan, insya Allah perkara ini dapat kita membenteraskan.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya bahawa saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Timbalan

Menteri tadi untuk membanteraskan penyeludupan ini mestilah mendapat kerjasama daripada semua pihak. Sebab Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa telah menerangkan banyak taukeh-taukeh besar, saya ingin bertanya, adakah pernah Kementerian Yang Berhormat menerima surat aduan Wakil Rakyat dari Pengkalan Chepa?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada. *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Gooi Hock Seng.

(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Gooi Hock Seng tidak hadir).

PENANGKAPAN IKAN LAUT DALAM DI ZON EKONOMI EKSKLUSIF

3. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) syarat-syarat dan susunan antara pengusaha-pegusaha penangkapan ikan laut dalam di Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia di antara Thailand dan Malaysia yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia dan Perdana Menteri Thailand baru-baru ini di Kuantan;
- (b) adakah usahasama ini akan membawa kepada satu perjanjian kerjasama penangkapan ikan di Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia di antara Negara Thailand dan Malaysia; dan
- (c) apakah faedah-faedah jangka panjang yang akan dinikmati oleh nelayan-nelayan Malaysia daripada usahasama ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Oleh kerana tiada perjanjian usahasama perikanan wujud di antara dua buah Kerajaan yang berkenaan, maka tiada syarat-syarat tertentu dikenakan oleh Kerajaan ke atas bot-bot yang dilancarkan operasinya baru-baru ini. Walau bagaimanapun, syarat-syarat perlesenan yang dikenakan kepada mereka adalah sama seperti syarat bot-bot menangkap ikan tempatan.
- (b) Setakat ini tiada projek usahasama perikanan dijalankan di antara Kerajaan Malaysia dengan mana-mana Kerajaan negara asing. Oleh itu soalan sama ada perjanjian usahasama perikanan akan membawa kepada perjanjian kerjasama tidak timbul.
- (c) Faedah-faedah jangka panjang yang akan dinikmati oleh nelayan-nelayan Malaysia daripada kerjasama ini adalah seperti berikut:
 - (i) nelayan-nelayan tempatan akan dapat mempelajari teknik moden operasi menangkap ikan di laut dalam melalui projek kerjasama perikanan;
 - (ii) menyediakan peluang-peluang pekerjaan di perikanan laut dalam dan pelaburan bagi nelayan-nelayan tempatan melalui persatuan mereka; dan
 - (iii) kehadiran nelayan-nelayan tempatan di laut dalam akan dapat menghindarkan bot-bot asing daripada mencero bohi perairan penangkapan ikan di Malaysia.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya diberitahu bahawa ada segolongan nelayan yang telah menyuarakan rasa bimbang mereka terhadap usahasama yang dibuat di antara pihak swasta di Malaysia dengan pihak swasta di Thailand kerana katanya perusahaan ini telah pun melanggar beberapa syarat yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pertanian, misalnya mereka tidak menangkap ikan di laut dalam tetapi mereka datang lebih kurang 30 batu dari pantai. Kalau benar, apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Pertanian untuk menentukan perkara yang sedemikian tidak berlaku?

Soalan yang kedua, apakah usaha-usaha yang bersungguh-sungguh yang dilakukan oleh Kementerian Pertanian untuk mewujudkan supaya penyertaan nelayan-nelayan tempatan lebih ramai kerana saya difahamkan bilangan sekarang ialah lebih kurang 40-50 orang sahaja daripada seribu lebih yang diperlukan untuk usahasama di laut dalam ini—usaha bersungguh-sungguh, bukan sekadar iklan atau sekadar kempen sahaja?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya ingin saya membetulkan keadaan yang mana pada hari itu kebanyakan daripada kita tidak memahami dengan sebenarnya perjalanan Syarikat K & I. Sebenarnya tiada usahasama. Yang ada pada hari ini ialah kerjasama. Berbeza di antara usahasama dengan kerjasama.

Yang kedua, berhubung dengan penyertaan nelayan tempatan hari ini. Kita ingin mereka menyertai dengan lebih ramai. Kerajaan bukanlah berpura-pura. Kita sebenarnya menjemput sesiapa sahaja yang ingin menjadi nelayan untuk menyertai sama, khususnya dalam Syarikat K & I ini. Kita juga telah mewujudkan suatu

pusat, bahkan telah lama mewujudkan pusat latihan, yang mana kita berupaya melatih nelayan-nelayan kita iaitu di Batu Maung, Pulau Pinang yang mana namanya ialah Institut Perikanan Malaysia. Kita mengadakan kursus-kursus tertentu dan bagi setiap kursus, kita mengambil sekurang-kurangnya 20 orang peserta. Kita mengadakan lebih kurang dua “intake” dalam setahun dan tempoh kursus itu adalah lima bulan. Kursus-kursus ini ialah kursus Jeragan, kursus Penjaga Injin, kursus Teknologi Peralatan Perikanan. Semuanya ini bertujuan untuk melatih nelayan-nelayan kita supaya dapat berkecimpung atau dapat menceburi di dalam kegiatan perikanan khususnya perikanan laut dalam.

Di antara itu, kita juga merangka latihan yang melibatkan pihak swasta untuk mereka menimba pengetahuan dan memperolehi pengalaman perikanan laut dalam secara komersial. Kita juga membuka kursus “Bina Insan” untuk mereka iaitu untuk nelayan kita ataupun pelatih-pelatih nelayan kita, menjadi segolongan yang tahan lasak yang boleh benar-benar berhadapan dengan apa juga suasana dan cabaran di tengah laut.

Suka saya nyatakan di sini berhubung dengan penangkapan ikan laut dalam ini. Kadangkala nelayan kita takut, terutama sekali, apabila mereka keluar ke tengah laut; pukatnya sahaja, panjang sebatu. Apakala pukak itu hendak ditarik masa yang terlibat adalah tidak kurang daripada enam sehingga lapan jam. Ini, satu daripada masalah yang dihadapi oleh nelayan kita yang menyebabkan mereka tidak ingin bersama-sama menangkap ikan dengan nelayan Thailand. Saya berharap dengan kenyataan saya ini, Yang Berhormat dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain memberitahu nelayan kita supaya

jikalau mereka ingin mencebur diri dalam bidang perikanan laut dalam, supaya tampil ke hadapan. Latihan memang wujud; pendek kata, sudah sedia ada pada masa dulu lagi pun.

Tuan Hashim bin Safin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Mengenai program latihan, kita difahamkan tadi bahawa di antaranya akan dilatih secara lasak untuk menentukan nelayan-nelayan kita dapat bekerja lebih lama di laut. Saya ingin tahu apakah akan dilatih ala-tentera untuk menjamin nelayan-nelayan kita boleh bekerja kuat dan lama kerana di antara masalah yang dihadapi oleh nelayan kita ialah mereka tidak sanggup tinggalkan lama rumah ataupun isteri mereka, tetapi bila dilatih ala-tentera seperti kelasi-kelasi Tentera Laut, mereka boleh tinggalkan lebih lama di laut.

Kedua, saya ingin tahu bilakah target untuk mengeluarkan armada nelayan laut dalam ini dan bilakah kapal besar untuk armada nelayan laut dalam ini dapat bergerak di perairan laut dalam di dalam usaha penangkapan ikan ini.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal tahan lasak, saya sudah nyata sekejap tadi. Salah satu daripada kursus yang dikendalikan ialah "Bina Insan". Bina insan ini membawa erti memperkuatkan diri kita, bukan sahaja dari segi jasmani malah rohani bersama.

Yang kedua, berhubung dengan armada. Saya tidak faham apa maksud "armada" di sini. Pada hari ini, kalau kita melihat kepada bot; kini, jumlahnya 40 buah. Bot ini besar semuanya; tidak kurang daripada 70 GRT beratnya. Pada hemat saya, ini merupakan armada; barangkali, sebagaimana yang dimaksudkan, Oleh Yang Berhormat itu. Jadi, yang perlu saya nyatakan di sini, ialah

kesanggupan dan keinginan nelayan kita, untuk menceburi dalam bidang ini, pada hari ini.

DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

4. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) adakah kebudayaan yang berlainan di Negeri Sabah dan Sarawak telah diambil kira apabila Dasar Kebudayaan Kebangsaan dibentuk; dan
- (b) jika tidak, mengapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Rahman bin Suliman): Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Dasar Kebudayaan Kebangsaan memang telah digubal dengan mengambil kira warisan kebudayaan dan realiti rakyat bumiputera Malaysia yang terdiri dari berbagai suku bangsa itu. Prinsip pertama yang berbunyi "Kebudayaan Kebangsaan hendaklah berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal rantau ini" adalah menentukan bahawa rakyat asal rantau ini adalah menjadi teras kepada wujudnya Kebudayaan Kebangsaan. Rakyat asal yang dimaksudkan itu yang terdiri daripada suku bangsa Melayu, Kadazan, Iban, Murut dan pelbagai sukuan kecil lain yang ada di negara kita adalah rakyat yang mewakili sejarah dan kehidupan budaya yang lama dalam satu wilayah yang sama di rantau ini. Suku bangsa itu termasuklah suku bangsa Bugis, Jawa, Minang dan Banjar mewakili sebahagian besar suku bangsa yang sama rasnya. Mereka ini yang dinamakan rakyat asal. Soal tidak ambil kira, tidak timbul kerana dengan istilah "rantau" ini adalah merujuk kepada satu wilayah yang mempunyai ilmu alam yang sama, iklim, haiwan dan tumbuh-tumbuhan tanah-tanah dan bahan-bahan yang juga sama.

Rantau ini mempunyai sejarah dan hubungan kebudayaan yang lama sejak dari dahulu dan atas sifat budaya dinamis, Dasar Kebudayaan Kebangsaan juga memberi ruang yang liberal kepada perubahan budaya yang lebih luas dengan menekankan identiti kebangsaan sebagai salah satu matlamat utama selain daripada cita-cita, perpaduan dan meningkatkan kualiti kehidupan kemanusiaan.

Tuan Yang di-Pertua, kebudayaan itu hendaklah dilihat dalam perspektif yang luas.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menyebut tentang Kebudayaan Kebangsaan, saya ingin mendapat tahu, benarkah ada pihak-pihak yang mendesak supaya Tarian Singa dimasukkan dalam perarakan menyambut Hari Kebangsaan sebagai satu daripada kebudayaan orang-orang Cina. Kalau ianya tidak termasuk dalam Kebudayaan Kebangsaan, kenapa perkara ini dituntut?

Yang kedua, apakah usaha-usaha Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan untuk memperkenalkan kebudayaan Malaysia di luar negeri supaya pelancong-pelancong luar negeri dapat mengenali kebudayaan kita lebih dekat lagi dan mereka tidak akan tertipu apabila sampai kemari?

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang pertama, memang benar bahawa ada pihak-pihak yang tertentu yang mendesak supaya Tarian Singa dipertunjukkan ketika Hari Kebangsaan. Tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa pihak Kementerian tidaklah akan tunduk kepada mana-mana pihak di dalam mengadakan sesuatu sambutan. Kerana Hari Kebangsaan adalah merupakan sebagai satu hari

sambutan mengenang kemerdekaan negara dengan tujuan mengembalikan ingatan rakyat dan kenangan kepada sejarah perjuangan untuk mencapai kemerdekaan dan juga sambutan-sambutan lain yang mana dengan tujuan untuk mengenangkan pemimpin-pemimpin, maka sudah tentulah upacara sambutan itu dibuat dengan teliti. Tarian Singa adalah bukan merupakan sebagai salah satu cabang kesenian di dalam kebudayaan negara kita. Maka dengan demikian ia tidaklah dapat dimasukkan di dalam sambutan dengan tujuan yang saya maksud tadi, Tuan Yang di-Pertua. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidaklah menghalang pihak-pihak tertentu untuk mengadakan Tarian Singa bagi acara-acara sambutan khasnya di peringkat kaum masing-masing.

Mengenai usaha untuk memperkenalkan kebudayaan ataupun kesenian Malaysia di luar negeri, Tuan Yang di-Pertua, pertamanya dengan wujudnya Kementerian yang baru ini di peringkat Kementerian, kita telah menubuhkan beberapa jawatankuasa untuk mengkaji serta melaksanakan program-program memperkenalkan kesenian Malaysia kepada pelancong-pelancong di luar negeri di samping Kerajaan—mungkin jika diluluskan untuk Kementerian ini, telah diperuntukkan sejumlah besar bagi tujuan promosi kepada pelancong-pelancong. Di peringkat pelaksanaan di dalam negeri di mana kalau pada masa-masa yang lepas untuk mengelakkan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, soal penipuan, di mana apabila pelancong datang di negara kita, tidak dapat melihat, umpamanya kalau kita iklankan di luar negeri ada pertunjukan wayang kulit umpamanya, bila datang ke sini tidak ada wayang kulit, maka pihak Kementerian sedang merancang mulai

Januari tahun 1988 untuk mengadakan mungkin pertunjukan-pertunjukan kesenian yang berjadual.

Dalam ertikata yang lain, kita akan menentukan supaya pertunjukan-pertunjukan kesenian itu diadakan pada waktu dan pada tempat yang tertentu supaya apabila pelancong-pelancong datang ke negara kita, mereka sudah tentu dapat melihat kesenian serta kebudayaan negara kita. Sama ada pelancong ada ataupun tidak, penonton ada ataupun tidak, kita akan mengadakan pertunjukkan-pertunjukkan kesenian di tempat-tempat yang tertentu dan mungkin kita telah kenalpasti beberapa tempat seperti Dewan Bandaraya, Dewan Tuanku Abdul Rahman dan sebagainya. Galakan-galakan seperti ini akan kita minta kerjasama daripada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk melaksanakannya dalam bentuk dan program yang sama.

Yang kedua, Kementerian juga akan mengadakan jadual tahunan. Maknanya Kerajaan akan menentukan pertunjukan-pertunjukan itu ataupun sambutan-sambutan itu diadakan berjadual sepanjang tahun dan sekiranya Kerajaan-kerajaan Negeri hendak mengadakan sambutan-sambutan tertentu ianya akan termasuk di dalam Calendar of Events, dengan izin, yang sedang dirangkaikan oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, adalah terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan negara kita 27 kaum-kaum asli di negeri Sarawak yang sudah diiktirafkan sebagai kaum bumiputera. Kebudayaan ramai bangsa-bangsa ini pun amat kaya seperti kebudayaan Murut, Iban, Bidayuh, Kelabit, Kayan, Kenyah, Ukit, Penan dan sebagainya dan kebudayaan mereka pun amat berbeza antara satu sama lain. Tadi Yang Berhormat Setiausaha

Parlimen sudah menjelaskan bahawa kebudayaan mereka pun telah diambil kira apabila Dasar Kebudayaan Negara digubalkan.

Soalan saya ialah apakah langkah konkrit yang telah diambil untuk memasuki semua warisan berhidup ini supaya dinikmati oleh semua bangsa di negara kita? Adakah cadangan telah dibuat untuk memperuntukkan satu ruang khas di Muzium Negara untuk memulihkan kebudayaan kaya ini ataupun adakah satu fakulti khas diwujudkan di dalam universiti tempatan untuk mengkaji bahasa, adat, cara hidup, struktur sosial kaum-kaum asli ini? Adakah langkah konkrit seperti ini diambil ataupun ini satu dasar am sahaja yang tidak pernah dilaksanakan?

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita semua maklum bahawa kebudayaan bukanlah satu yang static tetapi ia adalah berkembang. Maka peranan untuk memajukan unsur-unsur kebudayaan ini tidaklah harus diletakkan kepada Kementerian sahaja, sebaliknya semua pihak mestilah memainkan peranan bersama untuk memajukan kebudayaan itu.

Mengenai langkah-langkah yang diambil, memang Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan memberi galakan-galakan kepada semua pihak terutamanya apabila kita mengadakan upacara-upacara sambutan negara, maka pihak-pihak yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Bandar Kuching itu ataupun kebudayaan dan kesenian daripada pihak-pihak yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu memang diambil kira. Di dalam sebarang pertunjukan memang kita beri penekanan kepada kesenian daripada kaum bumiputera dan kita tidak pun kata "kaum asli" sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, mereka adalah "bumiputera" mengikut

Perlembagaan. Maka dengan keadaan demikian, mengikut prinsip-prinsip kebudayaan pun, memang mereka termasuk di dalam pertimbangan Kementerian.

Di samping itu, pihak Kementerian sendiri memang dari semasa ke semasa, umpamanya di Muzium Negara dan juga di tempat-tempat pertunjukan yang lain mengadakan pertunjukan-pertunjukan daripada kaum ataupun suku kaum yang berkenaan.

RUMAH ANGGOTA-ANGGOTA TENTERA

5. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Pertahanan menjelaskan adakah pihak Kementerianya mempunyai apa-apa rancangan untuk mendirikan rumah-rumah kediaman bagi Angkatan Tentera dalam tahun 1987 ini. Jika ada, nyatakan berapa unitkah dan di mana. Jika tidak, mengapa.

Menteri Pertahanan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddien Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, ingin saya jelaskan iaitu dalam tahun 1987 sejumlah 712 unit rumah keluarga dirancang untuk dibina bagi anggota-anggota tentera. Di samping pembinaan ini sejumlah 303 unit rumah lagi telah dibeli secara berkelompok dari pemaju-pemaju swasta.

Secara keseluruhannya, projek yang dikenalpasti dan dirancang dalam tahun 1987 mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Dibina</i>	<i>Unit</i>
Sarawak	190
Kuala Lumpur	40
Pahang	20
Perak	450

Dibina

Unit

Negeri Sembilan	12
Pahang	110
Perak	97
Kedah	96
Jumlah	303

Rancangan untuk menambah lagi unit-unit rumah kediaman Angkatan Tentera sepanjang tahun ini dan tahun berikutnya secara pembelian sedang dijalankan mengikut keperluan semasa, bersesuaian rumah dan kawasan serta harga yang berpatutan ditawarkan oleh pihak pemaju. Untuk menambahkan lagi bilangan rumah yang dibina oleh Angkatan Tentera, jumlahnya adalah bergantung kepada peruntukan yang diluluskan kepada Kementerian ini.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Soalan tambahan. Saya berterima kasih atas jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Pertahanan. Saya ingin mengetahui berapa peratuskah jumlah rumah yang dibeli itu jika dikira dari segi nisbah keperluan rumah bagi seluruh Angkatan Bersenjata?

Yang kedua, berapakah jumlah kos pembangunan yang ada sekarang ini?

Yang ketiga, memandangkan Angkatan Tentera mempunyai satu Unit Kejuruteraan, adakah bagi masa-masa yang akan datang projek pembangunan rumah ini, bagi mengurangkan kos pembangunan, akan diserahkan untuk dibina oleh pasukan atau Unit Kejuruteraan?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddien Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, keperluan rumah untuk Angkatan Tentera kita apa yang rasmi adalah 33,000. Kalau kita jumlahkan angka yang dibina dengan yang dibeli tahun ini ia berjumlah 1,681. ini bermakna

4.5%. Saya sukalah mengatakan keadaan ini kalau dikaji mungkin keperluan melebihi daripada 33,000.

Sukalah saya memberikan penjelasan saya iaitu di dalam anggaran kita dalam Rancangan Malaysia Kelima, kita rancang untuk membina sejumlah 9,900 unit rumah di dalam 5 tahun ini. Selepas kita mengkaji keadaan kewangan kita, maka kita perlu kurangkan daripada \$500 juta—pembinaan sebanyak 9,900 unit ini akan memakan belanja \$500 juta—kita terpaksa mengurangkan kepada \$190 juta. Jadi yang sebenarnya saya sedang mengkaji bagaimanakah kita mengatasi kesulitan rumah keluarga yang dikehendaki oleh Kementerian Pertahanan ini. Kita sedang mengkaji satu cara atau formula untuk mengatasi dengan kerjasama sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, Kor Kejuruteraan yang akan membina juga. Salah satu daripada rancangan baru kita iaitu Kor Kejuruteraan akan membina bangunan-bangunan yang diperlukan oleh Kementerian Pertahanan. Kemungkinan juga cadangan kita supaya pihak swasta juga mengadakan satu projek "integrated turnkey" dengan izin untuk mengatasi kesulitan ini.

Sepertimana saya sebutkan tadi, permohonan juga dibuat supaya peruntukan boleh ditambahkan pada 2 tahun yang akan datang ini di dalam Rancangan Malaysia Kelima dan kita harap seberapa cepat yang boleh keperluan rumah keluarga tidak kurang daripada 33,000 ini boleh diatasi secepat mungkin.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa satu jumlah \$507 juta akan diperuntukkan untuk sektor keselamatan pada tahun 1988, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan apakah keutamaan yang

akan diberi kepada pembinaan unit-unit rumah untuk Angkatan Tentera dan bolehkah Yang Berhormat dapat memberi angka mengenai berapa bilangan yang akan dibina untuk tahun yang akan datang ini?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya saya hendak kalau boleh seberapa tinggi dan seberapa banyak tetapi keperluan ini bergantung kepada kewangan yang akan diperuntukkan kepada Kementerian Pertahanan. Sepertimana yang saya sebutkan tadi, cadangan kita di dalam Rancangan Malaysia Kelima, lebih kurang 2,000 unit setahun akan dibina tetapi kita tidak dapat membina 2,000 unit ini dalam setahun. Jadi buat masa sekarang ini saya tidak dapat memberikan pandangan yang jelas dan tepat kerana kini kita sedang berhubung dengan pihak Treasury—dalam tahun hadapan ini berapakah unit, saya tidak memberi angka—tetapi kita hendaklah banyak yang boleh dalam 2 tahun yang akan datang, baki daripada Rancangan Malaysia Kelima itu, sepertimana saya sebutkan tadi kalau boleh 4,000 dalam masa 2 tahun yang akan datang ini.

Yang sebenarnya, peruntukan yang saya kata tadi ialah \$190 juta sahaja dalam masa Rancangan Malaysia Kelima, mula-mulanya \$500 juta.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita semua maklum bahawa ramai di antara perajurit-perajurit kita adalah datang daripada luar bandar dan ramai di antara mereka telah bersara dan tidak ada mempunyai tempat kediaman apabila pulang ke kampung masing-masing. Adakah pihak Yang Berhormat Mulia ada membuat apa-apa perancangan dengan Kerajaan Negeri supaya perajurit-perajurit kita yang bersara ini mendapat peruntukan rumah murah daripada Kerajaan Negeri ataupun diadakan kemudahan

mendapat rumah-rumah yang disediakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tengku Dato' Ahmad Rithaudddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, dari segi dasar untuk memberikan apa sahaja pertolongan kepada bekas-bekas perajurit baikpun dari segi rumah sama juga kerja dan kemudahan-kemudahan yang lain seperti lesen dan sebagainya. Sering kita memberikan pertolongan. Ada yang berjaya, ada yang tidak berjaya dari segi rumah yang kita minta pertolongan daripada Kerajaan-kerajaan Negeri. Keadaan ini sentiasalah, kalau hendak dikatakan 100% berjaya, itu tidaklah dapat saya menyatakan tetapi kita sentiasa melalui bahagian bekas perajurit memberikan pertolongan dan saya rasa hendak dikatakan tidak berjaya langsung, tidaklah.

JAMBATAN BATU KAWA

6. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Kerjaraya menerangkan sama ada satu Kajian Penyiasatan (Feasibility Study) telah dijalankan oleh Kerajaan untuk menentukan kemungkinan membina jambatan Batu Kawa serta menjadikan sistem jalan-jalan di kawasan Batu Kawa sebagai sebahagian First Trunk Road System Sarawak. Jika ya, minta memberi peratusannya.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan raya dari Semantan melalui Batu Kawa dan seterusnya ke Kuching memanglah merupakan sebahagian daripada sistem jalan raya utama negeri Sarawak yang telah diwartakan sebagai Jalan Persekutuan pada tahun 1986.

Sehubungan dengan jalan raya ini, Kerajaan telah melantik sebuah Firma Perunding untuk mengadakan kajian Lalulintas di negeri Sarawak dan juga

di negeri Sabah. Di antara bidang tugas Jurutera Perunding tersebut termasuklah mengadakan kajian kemungkinan ke atas pembinaan Batu Kawa, Laporan akhir mengenai kajian tersebut dijangka siap pada akhir tahun 1987. Oleh itu, keputusan mengenai pembinaan jalan Batu Kawa belum dapat ditentukan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk membina jambatan Batu Kawa telah diadakan pada tempoh 10 tahun lalu. Setiap pilihanraya datang isu ini dibangkitkan, tetapi sampai sekarang belum ada satu keputusan daripada feasibility studiesnya. Memandangkan bahawa jalan tunggal yang menghubungkan pasar Batu Kawa dengan Kuching adalah Jalan Dato Stephen Yong yang dibina pada zaman dahulu oleh kerana jalan ini diperlukan untuk memudahkan angkatan tentera untuk melawan komunis. Sampai sekarang jalan ini teruk dan sebelum jambatan Batu Kawa dibina, bolehkah Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian (take note) supaya mengkaji kemungkinan untuk memberi tar kepada jalan Dato' Stephen Yong ini supaya sekurang-kurangnya kawasan Batu Kawa tidak tidur seperti yang telah berlaku dalam tempoh 10—20 tahun yang lalu.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti apa yang saya katakan tadi, kita telah mengambil keputusan untuk mengadakan kajian keseluruhannya untuk membina dan juga membangun kawasan itu dengan jalan raya-jalan raya dan juga bersama-sama dengan jambatan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Saya boleh berjanji kepada Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh satu atau dua bulan akan datang, saya akan dapat semua laporan berkenaan dengan jalan raya itu. Selepas itu kita

mengambil tindakan. Tindakan kali ini bukanlah tindakan untuk pilihanraya sahaja, tetapi tindakan untuk memperbaiki keadaan jalan dan juga keadaan lalulintas dan juga masa depan penduduk-penduduk di negeri Sarawak itu.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, kualiti jalan raya di Sarawak mempunyai dua aspek iaitu kualiti jalan-jalan di kawasan bandar dan juga kualiti jalan-jalan di kawasan luar bandar. Kedapatan oleh saya sendiri dan oleh masyarakat umum bahawa kawasan luar bandar ini mempunyai kualiti jalan raya yang tidak baik. Adakah Yang Berhormat Menteri Kerjaraya bercadang untuk meletakkan kawasan luar bandar sebagai kawasan yang diutamakan dalam mendapatkan kualiti yang tinggi dalam jalan raya ini, kerana kawasan luar bandar yang kebetulannya diduduki oleh taukeh-taukeh dan sebagainya sudah menikmati begitu banyak kemudahan seperti ini tetapi kawasan luar bandar belum. Adakah cadangan atau perancangan terperinci dibuat untuk menentukan supaya mereka ini menikmati kemudahan-kemudahan yang sedemikian.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, dasar-dasar untuk membina jalan raya di negeri Sarawak atau negeri Sabah atau di Persekutuan bukanlah atas dasar taukeh-taukeh, tidak. Dasar itu ialah kemudahan-kemudahan yang kita akan beri kepada rakyat jelata. Seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Simunjan tadi, itu bukan ada dua kelas, tetapi ada tiga kelas. Kelas yang pertama ialah jalan yang bertaraf JKR 05 yang dibina di bandar-bandar yang mana digunakan lebih daripada di luar bandar. Kepada jalan-jalan di luar bandar itu khas untuk kegunaan rakyat jelata iaitu untuk pengeluaran dan lain-lain, dan kelas yang ketiga ialah di Jalan Negeri.

Jalan Negeri adalah mengikut peringkat atau JKR standard 05. Jalan-jalan yang sedia ada sekarang di negeri Sarawak itu ada dua jenis. Jenis yang pertama ialah jenis JKR 05 di bandar yang sedia ada, jalan yang lain di kawasan luar bandar, kita sudah mengadakan beberapa rancangan untuk membina semula jalan raya-jalan raya itu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tahun ini juga kita akan memperuntukkan lebih daripada \$125 juta kepada negeri Sarawak. Saya percaya dengan peruntukan ini tarafnya akan lebih baik dan Ahli Yang Berhormat boleh lebih sedap hati dan masa akan datang, insya Allah. Kita sembahyanglah kepada Tuhan. *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bukit Mas.

(Soalan No. 7 Y.B. Mutang Tagal tidak hadir).

KEMPEN MENCEGAH KEBAKARAN

8. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan iaitu memandangkan kepada kebakaran begitu kerap berlaku, apakah rancangan Kerajaan untuk mengurangkan kejadian itu terus berlaku. Nyatakan apakah faktor-faktor utama yang menyebabkan berlaku kebakaran itu.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar akan kerapnya berlaku kebakaran dan Kerajaan memandang berat akan hal ini. Oleh itu, berbagai-bagai langkah telah diambil bagi mengurangkan kadar kebakaran ini. Di antara lain adalah seperti berikut:

- (i) Mengadakan mingguan
Kempen Mencegah

- Kebakaran di seluruh negara sejak tahun 1984 untuk menyedarkan orang ramai terhadap keselamatan kebakaran;
- (ii) mempergiatkan penubuhan kadet bomba di sekolah-sekolah dan pasukan bomba sukarela di kampung-kampung dan pekan-pekan kecil;
 - (iii) berusaha menubuhkan pasukan-pasukan keselamatan kebakaran di bangunan-bangunan tinggi dan besar dan kilang-kilang perusahaan berbahaya;
 - (iv) berusaha menerapkan mata pelajaran mengenai kebombaannya di dalam kurikulum sekolah semoga generasi muda tahu langkah-langkah mencegah kebakaran;
 - (v) berusaha menghubungi orang ramai melalui media massa, radio, televisyen dan Unit Penerangan Bergerak, Jabatan Bomba;
 - (vi) mengadakan ceramah-ceramah penerangan ke institusi-institusi pejabat-pejabat, sekolah-sekolah dan kilang-kilang;
 - (vii) menjalankan pemeriksaan ke atas bangunan-bangunan dan memberi laporan kepada tuan-tuan punya semoga mereka akan mengambil langkah keselamatan;
 - (viii) mempertingkatkan kecakapan dan kemahiran anggota melalui latihan-latihan yang lebih giat; dan akhirnya
 - (ix) mengadakan rancangan "contingency" sekiranya berlaku kebakaran dan kawat kebombaannya dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, faktor-faktor utama yang menyebabkan kebakaran adalah kelalaian dan kejahilan terhadap bahaya-bahaya kebakaran. Mengikut rekod-rekod di Jabatan Bomba, punca-punca utama adalah seperti berikut:

- (a) kerosakan alat-alat elektrik 8.36%;
- (b) dapur gas, dapur minyak 6.48%;
- (c) Kelalaian menggunakan ubat nyamuk, lilin, colok 5.57%;
- (d) disyaki sengaja dilakukan (arson) 5.75%; dan
- (e) lain-lain punca ialah puntung rokok, percikan api, reaksi spontan, tindak balas kimia dan kanak-kanak bermain mancis.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya, apa yang saya dapat banyak pengaduan daripada pihak-pihak bomba yang mengatakan pili-pili bomba yang ada sekarang ini itulah salah satunya sebab-sebabnya tidak dapat mencegah dengan seberapa segera kebakaran berlaku. Oleh itu, apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian buat masa ini?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, perkara itu berlainan. Soalan asal ialah tentang rancangan-rancangan Kerajaan untuk mengurangkan kejadian kebakaran. Soalan Ahli Yang Berhormat ialah tentang melawan kebakaran.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita membaca satu laporan yang agak mendukacitakan di mana Hospital Besar, Kuala Lumpur dikatakan tidak mempunyai alat-alat mencegah kebakaran. Bolehkah Yang Berhormat memberi tahu Dewan yang mulia ini sama ada kajian telah dibuat untuk menentukan, memastikan

berapakah jumlah bangunan-bangunan Kerajaan, khasnya hospital-hospital yang tidak mempunyai alat-alat mencegah kebakaran dan apakah langkah-langkah segera yang diambil oleh Kementerian untuk menentukan supaya alat-alat pencegah kebakaran ini dilaksanakan secepat mungkin yang boleh?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa Hospital Besar, Kuala Lumpur dan juga beberapa bangunan-bangunan Kerajaan tidak mempunyai sistem mencegah kebakaran yang moden ataupun seperti dikehendaki oleh Jabatan Bomba. Ini adalah disebabkan kerana bangunan-bangunan ini telah dibina lama dan buat masa itu kita tidak mempunyai piawai-piawai seperti yang dikehendaki sekarang. Walau bagaimanapun, Jabatan Bomba telah pun menjalankan kajian kepada semua bangunan-bangunan Kerajaan dan kita telah maklumkan kajian tersebut kepada Kementerian-kementerian berkenaan, khususnya kepada Kementerian Kerjaraya supaya mereka dapat memperuntukkan peruntukan bagi mengadakan sistem mencegah kebakaran. Ini bukan bererti di bangunan-bangunan ini tidak mempunyai apa sahaja sistem, kebanyakan bangunan-bangunan mempunyai alat-alat, tetapi tidak mencukupi ataupun sistem yang lama yang tidak memenuhi piawai yang ada pada masa sekarang.

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui jumlah kes kebakaran tahun ini dan jumlah kerugian yang ditaksirkan serta juga jumlah nyawa yang terkorban dan memandangkan kekerapan kejadian kebakaran itu di samping langkah-langkah yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat tadi, adakah Kerajaan bercadang untuk menyediakan lebih banyak lagi

kemudahan bomba di seluruh negara khasnya di kawasan luar bandar?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, tentang soalan pertama, jumlah kebakaran dan kerugian yang telah berlaku, saya tidak mempunyai angka-angka. Walau bagaimanapun, sukacitalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa soalan yang sama seperti ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat adalah ditanyakan oleh seorang Ahli Yang Berhormat pada satu hari akan datang dan jawapan akan diberi dalam Dewan ini.

Tentang langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan bomba di seluruh negara khususnya di kawasan luar bandar, Kementerian saya telah pun mengadakan rancangan ataupun rancangan keseluruhannya tetapi buat masa sekarang peruntukan-peruntukan yang dimohon tidak diluluskan oleh Kerajaan oleh kerana keadaan kewangan tidak mengizinkan. Walau bagaimanapun, kita akan memberi perhatian dan juga terus akan berusaha untuk meningkatkan keadaan yang terdapat sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Chian Heng Kai.

(Soalan No. 9 Y.B. Tuan Chian Heng Kai tidak hadir).

Yang di-Pertua (Dato Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan.

PEKEBUN SAYUR DI CAMERON HIGHLANDS

10. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pertanian memberitahu setakat manakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian supaya penanam-penanam sayur di Cameron

Highlands tidak lagi mengeluarkan sayur-sayuran yang dikatakan bahaya (beracun) kepada pengguna-penggunanya.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi kesedaran serta kefahaman kepada pekebun-pekebun sayur supaya menggunakan racun makhluk perosak pada paras yang selamat telah dan masih diteruskan oleh Jabatan Pertanian. Langkah-langkah dan program-program yang dilaksanakan di Cameron Highlands adalah:

- (a) penambahan 2 orang pegawai;
- (b) ceramah/dialog dan latihan kepada pekebun sayur;
- (c) perbincangan dengan pengedar racun;
- (d) latihan kepada pegawai;
- (e) pengedaran penerbitan pertanian; dan
- (f) pengumpulan sampel dan penyampaian keputusan analisa.

Sebanyak 12 rombongan pegawai-pegawai dari ibu pejabat telah mengadakan majlis ceramah dengan pekebun sayur melalui persatuan mereka sejak bulan Mac, 1987. Perjumpaan diadakan di sebelah malam hari dan bilangan pekebun sayur yang hadir adalah seramai 1,172 orang.

Selain dari itu, mulai akhir bulan Mac, 1987, lawatan mingguan oleh rombongan pegawai-pegawai dari Ibu Pejabat, Cawangan Perlindungan Tanaman telah dijalankan bagi memastikan pekebun sayur sedar dan mengawal penggunaan racun makhluk perosak yang betul. Penerbitan pertanian adalah bahan sokongan yang digunakan oleh pegawai-pengembangan untuk membawa kesedaran kepada pekebun-pekebun sayur supaya mengikut amalan pertanian yang disyorkan.

Untuk memastikan pekebun-pekebun sayur tidak menggunakan racun yang berlebihan dan juga mematuhi tempoh lat atau dalam bahasa Inggerisnya, dengan izin, pre-harvest interval (P.H.I.) yang telah ditetapkan, pegawai-pegawai pengembangan telah mengumpul sampel dari pekebun-pekebun sayur untuk dianalisis. Semasa berita ketinggian paras sisabaki racun makhluk perosak sedang hangat hampir setiap hari sampel-sampel sayur dihantar ke Ibu Pejabat Kuala Lumpur. Pada keadaan biasa, kekerapan penghantaran ialah 2 kali seminggu. Keputusan-keputusan yang diperolehi dari analisa akan disampaikan kepada pekebun-pekebun dengan segera. Tindakan ini mengelakkan sayur-sayuran yang mempunyai paras sisabaki yang melebihi MRL (maximum residual limit) dari dipungut dan dipasarkan.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri berkenaan memberi tahu Dewan ini, apakah jenis-jenis penyakit ataupun akibatnya sekiranya pengguna-pengguna makan sayur-sayuran yang mengandungi racun berlebihan tersebut?

Kedua, apakah hukuman berat yang patut dikenakan kepada penanam-penanam sayur-sayuran tersebut yang mana mereka mahu mencari untung yang banyak tanpa mengira kesihatan orang ramai?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan hukuman berat. Ini adalah tugas Kementerian Kesihatan, iaitu di bawah penguatkuasaan Akta Makanan 1983 yang mana Kementerian, mengendali, boleh dikatakan di setiap negeri termasuk Sabah dan Sarawak, penganalisaan sample-sample sayur-sayuran dan ini dikutip setiap minggu untuk dikaji di

makmal Jabatan Kimia sama ada di Petaling Jaya, Ipoh, Pulau Pinang, Johor Bharu, Kuantan, Kuala Trengganu, Kuching, Bintulu atau Kota Kinabalu, yakni mengikut negeri masing-masing. Terserahlah kepada undang-undang yang tercatat berhubung dengannya untuk kita mengenakan tindakan yang tertentu. Berhubung dengan Kementerian sendiri, kami hanya bertujuan untuk memandu pekebun-pekebun sayur supaya tidak menggunakan pesticide ataupun racun makhluk perosak ini dengan banyaknya. Pihak kami hanya boleh bertindak secara menghindarkan mereka daripada mengeksport sayur-sayuran mereka jikalau didapati bahawa sayur-sayuran mereka itu mempunyai residue yang berlebihan.

Dalam soal residue ini, saya suka nyatakan di sini bahawa ianya mempunyai had yang tertentu. Tahap saki-baki racun makhluk perosak dalam sayur-sayuran yang diterima adalah sekadar five parts per—million dalam bahasa Ingerisnya dan dalam Bahasa Malaysia, lima bahagian bagi satu juta. Soal bahaya, racun ini terhadap insan, maka saya tidak dapat beri secara terperinci. Saya berharap saya akan dapat memberi jawapan yang bertulis kepada Yang Berhormat supaya penyakit itu dapat diketahui dengan sejelas-jelasnya.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Terima kasih, soalan tambahan. Saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa pihak pegawai di Kementerian ini telah mengadakan dailog dengan lebih 1,000 orang penanam-penanam sayur di Cameron Highlands. Saya ingin mengetahui apakah maklum balas yang diterima oleh Pegawai-pegawai ini di dalam dailog itu. Adakah didapati bahawa perbuatan penyalahgunaan racun perosak ini sengaja dilakukan ataupun kerana

mereka kurang pengetahuan di dalam menggunakannya dan jika sekiranya mereka kurang pengetahuan, apakah tindakan susulan supaya pengetahuan yang cukup dapat diberikan kepada penanam-penanam sayur dari masa ke semasa?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Mengikut laporan yang kita terima, Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dibangkit pada hari ini, ialah soal kurangnya pengetahuan pekebun-pekebun sayur berhubung dengan racun itu sendiri, oleh sebab perkara ini merupakan perkara teknikal. Itulah sebabnya kita mengambil satu langkah di mana kita mengadakan ceramah dan dailog sebagaimana saya nyatakan tadi. Kalau kita lihat dari segi ceramah, kita dapati bahawa kita menjalankan ceramah-ceramah ini dalam berbagai-bagai bahasa seperti bahasa Tamil, bahasa Mandarin, Bahasa Malaysia dan ada juga bahasa campuran supaya seluruh pekebun kecil yang terlibat mengetahui dan memahami keadaan yang sebenar. Kita juga berbincang lanjut tentang racun itu sendiri. Kita mengadakan kursus secara formal iaitu 2 kali di Jabatan Pertanian Cameron Highlands. Untuk langkah-langkah susulan, kita, yakni Jabatan Pertanian, akan mempergiat lagi, umpamanya latihan kepada pegawai-pegawai kita, supaya boleh memberitahu dengan sejelas-jelasnya kepada petani-petani ataupun para pekebun kecil. Juga, kita akan mengeluarkan penerbitan yang lebih banyak dalam berbagai bahasa supaya mereka memahami. Di samping itu kita juga akan mengeluarkan poster yang lebih banyak lagi dan setakat ini kita telah mengeluarkan 2 jenis poster yang bertajuk, pertama sekali "Elakkan Kelebihan Racun Dalam Hasil Tanaman Anda", dan yang kedua tajuknya "Jangan Gunakan Racun Berlebihan". Kita juga mengeluarkan selebaran dalam 3 bahasa bertajuk

“Cara-cara Mengelakkan Kelebihan Racun Dalam Hasil Tanaman Anda”. Tiga bahasa itu bermakna bahasa Tamil, bahasa Mandarin dan juga Bahasa Malaysia, kerana masyarakat pekebun kecil itu terdiri dari orang-orang Melayu, Cina dan juga India.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 7, 9 dan 11 hingga 35 adalah diberi di bawah ini).

KUMPULAN SIMPANAN PUSAT (CPF) SINGAPURA—CARUMAN

2. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah amaun wang di dalam Kumpulan Simpanan Pusat Singapura (CPF) yang dicarum oleh rakyat Malaysia yang pernah bekerja di Republik itu; dan
- (b) sama ada Kerajaan bercadang berbincang dengan Kerajaan Singapura tentang pengeluaran wang-wang tersebut oleh pencarum-pencarum. Jika tidak, kenapa.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow):

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ketika menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Ipoh pada 16hb Oktober 1987, saya telah pun menyatakan bahawa Kumpulan Simpanan Pusat (CPF) Singapura tidak menyimpan statistik mengenai jumlah caruman dan bilangan rakyat asing, termasuk rakyat Malaysia, di Kumpulan Simpanan tersebut. Oleh itu

angka-angka yang dikehendaki tidak dapat diperolehi.

- (b) Kerajaan Malaysia tidak bercadang mengadakan rundingan dengan Kerajaan Singapura bagi membolehkan rakyat Malaysia mengeluarkan caruman apabila berhenti bekerja di Singapura, memandangkan bahawa pada masa ini peruntukan-peruntukan pengeluaran di bawah Akta Kumpulan Simpanan Pusat adalah memuaskan. Menurut Akta Kumpulan Simpanan Pusat Singapura pencarum-pencarum rakyat Malaysia boleh mengeluarkan sepenuhnya caruman apabila mencapai umur 50 tahun, sudah bermastautin di Malaysia Barat dan telah berhenti bekerja di Singapura 2 tahun sebelumnya.

HAMPAS ISI RONG PALMA

7. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Pertanian menyatakan cara bagaimana Kementerian dapat pastikan hampas isi rong palma, enapcemar kelapa sawit dan saki ubi kayu dapat dibeli dan digunakan dengan berkesan oleh petani-petani kecil di luar bandar di seluruh negara. Nyatakan pusat-pusat pemerosesan makanan ternakan ini. Apakah jenis makan ternakan lain yang diproseskan oleh Kementerian setakat ini.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Hampas isi rong palma sedang digunakan dengan berkesan sebagai makanan ternakan lembu dan kerbau di kalangan penternak-penternak. Ia diguna sebagai makanan lengkap atau di dalam campuran dengan bahan-bahan mentah lain seperti kulit cocoa dan saki ubi kayu bagi ternakan pedaging atau tenusu.

Enapcemar kelapa sawit juga digunakan di dalam makanan

campuran terutamanya bagi ternakan pedaging feedlot. Walau bagaimanapun penggunaannya masakini tidak meluas di kalangan penternak-penternak.

Kementerian dapat memastikan bahan-bahan makanan ini dibeli dan digunakan oleh penternak-penternak dengan berkesan mengikut cara-cara berikut:

- (a) Menyediakan satu kontraks hampas isi rong palma bagi pihak penternak-penternak dalam rancangan ternakan tenusu supaya bahan-bahan ini dapat dibeli oleh mereka dari pembekal-pembekal swasta dengan harga yang berpatutan dan mutu bahan yang memuaskan.
- (b) Membantu penternak-penternak pembeli terus dari pembekal-pembekal swasta yang sesuai dengan harga yang berpatutan dan mutu bahan yang memuaskan. Cara ini sedang diikuti untuk menentukan bekalan hampas isi rong palma dan enapcemar kelapa sawit kepada mereka yang terlibat dalam rancangan pedaging secara feedlot.

Kedua-dua cara pembelian dipraktikkan untuk ketiga-tiga bahan yang dimaksudkan untuk sebarang program jika perlu. Dari segi penggunaan, Kementerian sentiasa memberi perkhidmatan latihan, pengembangan dan nasihat kepada penternak-penternak supaya bahan-bahan tersebut dapat diguna dengan berkesan. Dua buku panduan dan beberapa risalah-risalah dalam penggunaan hampas isi rong palma telah diterbitkan bagi maksud ini.

Semua pusat-pusat pemprosesan bahan-bahan tersebut dikendalikan oleh swasta. Negara ini sedia ada lebih kurang 266 buah kilang minyak kelapa sawit yang mengeluarkan enapcemar

kelapa sawit, 137 buah kilang minyak isi rong palma yang mengeluarkan hampas isi rong palma dan 21 buah kilang tepung ubi kayu yang mengeluarkan saki ubi kayu. Kementerian setakat ini tidak mempunyai pusat memproses makanan ternakan secara komersial.

SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (C) SEBERANG JAYA

9. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kementerian beliau bercadang meminta Kerajaan Negeri Pulau Pinang supaya diperuntukkan sebuah tapak tanah bagi mendirikan sebuah S.R.J.K. (C) di Seberang Jaya, jika tidak mengapa.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam hubungan ini, jawatankuasa yang berkenaan telah diberitahu supaya menghubungi Jabatan Pendidikan Negeri bagi mendapatkan tapak tanah untuk mendirikan sekolah tersebut.

TERUSAN BESAR DI SUNGAI TENGI KUALA SELANGOR

11. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Pertanian menjelaskan rancangan pembesaran Ban Kenal di Perit 4, Sungai Haji Dorani, Sabak Bernam hingga ke Sungai Tengi, Kuala Selangor:

- (a) berapakan luas pembesaran itu dilakukan;
- (b) adakah pembesaran itu (Ban Kenal) mencukupi bagi menyimpan air untuk kegunaan sawah padi di kawasan Tanjung Karang—Sabak Bernam; dan
- (c) berapakah kos projek tersebut dan adakah pemborong tempatan diberikan untuk melaksanakan projek tersebut.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:

- (a) Terusan Besar (Main Canal) akan dilebarkan sebanyak lebih kurang 10m di Sg. Tengi Kuala Selangor dan dilebarkan sebanyak lebih kurang 3m di Parit Cangkat. Tidak ada apa-apa kerja melebarkan Terusan Besar diperlukan antara Parit Cangkat dan Parit 4 Sg. Haji Dorani.
- (b) Ya. Pembrebaran Terusan Besar (Main Canal) seperti yang tersebut di atas adalah mencukupi untuk menyalurkan air dari Ibu Bekalan Sg. Bernam bagi kegunaan sawah padi di kawasan Tanjung Karang dan Sabak Bernam.
- (c) Kos projek adalah sebanyak \$1.173 juta dan kerja Kontrek telah pun ditawarkan pada 30hb Julai, 1987 kepada seorang pemborong tempatan.

**KWSP—KEUNTUNGAN
PELABURAN**

12. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah keuntungan yang diperolehi oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menerusi pelaburan dalam tempoh 9 bulan pertama tahun ini. Adakah KWSP bercadang hendak menaikkan kadar faedah daripada 8.5 peratus yang diberikan kepada pencarum sekarang kesuatu tahap yang lebih tinggi memandangkan keuntungan yang diperolehi oleh KWSP.

Tuan Loke Yuen Yow: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keuntungan yang diperolehi oleh KWSP menerusi pelaburannya dalam tempoh masa 9 bulan pertama tahun ini adalah sebanyak \$1,850 juta.

Seksyen 4 (3) Akta KWSP, 1951, memperuntukan bahawa pada atau selepas tahun kewangan berakhir pada

31hb Disember bagi setiap tahun, pihak Lembaga KWSP akan mengumumkan kadar dividen untuk tahun tersebut iaitu tidak kurang daripada 2½ setahun. Kadar dividen tahunan ditentukan oleh Lembaga pada setiap akhir tahun kewangan atas syor pihak Aktuari Kerajaan dan Kuantum ini bergantung kepada jumlah pendapatan bersih KWSP yang ada untuk diagihkan sebagai dividen kepada pencarum-pencarum KWSP. Setakat ini, kadar dividen untuk tahun 1987 masih belum diumumkan oleh pihak Lembaga.

**KESELAMATAN DI PERAIRAN
SABAH**

13. Datuk Bernard Giluk Dompok minta Menteri Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk memperkuatkan keselamatan di sepanjang perairan Sabah berikutan dengan satu serangan oleh lanun di bandar pantai timur, Lahad Datu, dalam tahun 1985 di mana seramai kira-kira sedozen orang awam telah terbunuh.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak peristiwa serangan lanun di Lahad Datu pada tahun 1985, Kerajaan telah berusaha meningkatkan lagi keselamatan di perairan Sabah. Langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (i) Mempertingkatkan rondaan, sekatan laut dan serbuan oleh bot-bot ronda di kawasan strategik dan sensitif;
- (ii) Menjalankan operasi-operasi khas di kawasan yang difikirkan sensitif mengikut keperluan semasa;
- (iii) Menjalankan rondaan bersama antara Unit Udara Polis sebagai "surveillance"

dan Polis Marin sebagai unit bertindak;

- (iv) Mengadakan rondaan berkoordinasi di antara Polis dan Tentera Laut Diraja Malaysia di sekitar perairan Sabah;
- (v) Menempatkan anggota Polis Hutan di pulau-pulau strategik bagi mengawasi pergerakan pengguna-pengguna laut, mengumpul maklumat serta mengambil tindakan jika berlaku kejadian yang tidak diingini;
- (vi) Menubuhkan Pasukan Petugas Khas terdiri dari Pasukan Polis Hutan, Pengakap Sempadan dan Cawangan Jenayah untuk merancang strategi serta tindakan bagi membanteras jenayah.

SEJARAH NEGARA

14. Dato' Dr Affiuddin bin Haji Omar minta Menteri Pendidikan menyatakan setakat manakah kejayaan usaha Kerajaan mengubah persepsi sejarah negara dari apa yang dicorakkan oleh pemerintahan kolonial kepada realiti yang sesuai untuk pembinaan negara; adakah wujud suatu program yang tertentu untuk melawan hujah-hujah Swettenham, Winstedt dan lain-lain yang memberi kesan negatif kepada persepsi sejarah dan budaya Malaysia sehingga ke hari ini.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah pun menjalankan usaha-usaha ke arah mengubah persepsi sejarah negara melalui pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sejarah di sekolah. Sukatan pelajaran yang sedang digunakan pada masa kini di peringkat sekolah menengah bercorak objektif

dan melihat perkembangan sejarah tempatan dari perspektif masyarakat Malaysia. Pengajaran dan pembelajaran sejarah ditumpukan kepada pemahaman tentang sejarah negara, sementara sejarah negara luar di rantau ini dan dunia amnya dipelajari untuk meluaskan pandangan dan sebagai perbandingan sahaja.

Dalam rancangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), pengajaran dan pembelajaran sejarah terus diperkukuhkan. Sejarah akan menjadi mata pelajaran teras dan wajib dipelajari daripada Tingkatan 1 hingga Tingkatan V.

Mata pelajaran sejarah dalam KBSM adalah pendukung utama pemupukan semangat kewarganegaraan. Oleh itu kandungan kurikulum ditumpukan kepada pengetahuan sejarah negara dan nilai-nilai yang dapat memupuk semangat patriotik, cintakan tanah air dan perasaan bangga sebagai warganegara Malaysia. Penekanan akan dibuat ke atas perubahan dan kesinambungan warisan tradisi kehidupan masyarakat dan negara dari segi politik, ekonomi dan sosial. Pengertian dan penghayatan terhadap sejarah negara diharap dapat membina kekuatan semangat cintakan negara di kalangan generasi muda kita.

PROJEK JALAN LUAR BANDAR DI SARIKEI

15. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan peruntukan kewangan sebenar untuk pembinaan jalan luar bandar bagi Bahagian Keenam, Sarikei sejak tahun 1984 hingga 1987.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Ng Cheng Kual): Untuk makluman Ahli

Yang Berhormat, sejak tahun 1984 hingga 1987 sejumlah \$2.073 juta peruntukan telah diluluskan untuk membiayai pelaksanaan projek jalan luar bandar di Bahagian Keenam yang sedang dilaksanakan. Dari jumlah tersebut sejumlah \$2.013 juta telah pun dikeluarkan untuk pembiayaan pelaksanaan projek, manakala bakinya sejumlah \$60,000 akan dikeluarkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima ini bagi menyiapkan projek-projek berkenaan.

HUKUMAN MATI KEPADA PENGEDAR DADAH

16. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan pengedar dadah yang telah didapati bersalah di mahkamah dan dijatuhkan hukuman mati sejak penguatkuasaan Akta Dadah Berbahaya 1983;
- (b) bilangan pengedar dadah yang menunggu perbicaraan sejak penguatkuasaan Akta Dadah Berbahaya 1983.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Sejak Akta Dadah Berbahaya, 1952 dipinda mulai 15-4-1983 sehingga 30-9-1987 seramai 71 orang pengedar dadah telah dijatuhkan hukuman gantung sampai mati oleh mahkamah.
- (b) Jumlah pengedar dadah yang masih menunggu untuk dibicarakan dalam tempoh yang sama adalah seramai 423 orang.

KURSUS KEFAHAMAN DASAR KERAJAAN

17. Tuan Nasruddin bin Alang Saidin minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Pegawai-pegawai Penerangan diberi kursus untuk menyebarkan dasar-dasar

Kerajaan serta berusaha mengeratkan perpaduan di kalangan rakyat serta berupaya menentang dakyah-dakyah anti perpaduan yang dijalankan oleh beberapa golongan rakyat dan juga orang asing.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Datuk Haji Dusuki bin Haji Ahmad): Kursus kefahaman dasar-dasar Kerajaan sentiasa diberikan kepada Pegawai-pegawai Penerangan dari masa ke semasa dan pada tahun ini sebanyak enam kursus telah diadakan melibatkan pegawai-pegawai di negeri-negeri di Semenanjung dan juga di Sabah dan Sarawak. Dalam Kursus-kursus tersebut, penekanan diberi kepada kefahaman sedalam-dalamnya terhadap dasar-dasar Kerajaan supaya mereka dapat menyebarkan dasar itu dengan seluas-luasnya kepada seluruh rakyat. Soal perpaduan di kalangan rakyat sentiasa menjadi salah satu bahan utama dalam kursus-kursus itu dan dalam taklimat-taklimat harian yang diberikan kepada kakitangan Jabatan Penerangan. Hasrat Kerajaan untuk meningkatkan perpaduan rakyat, mengeratkan tali persaudaraan, memupuk kesedaran sivik dan perasaan kenegaraan serta integrasi nasional, sentiasa menjadi keutamaan.

PENGALIRAN WANG KELUAR

18. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah rasmi pengaliran wang (capital flight) keluar dari Malaysia sejak tahun 1980 sehingga sekarang dengan menyatakan apakah sebab-sebabnya dan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi menyekat pengaliran wang keluar dari negara ini selanjutnya.

Tuan Loke Yuen Yow: Saya memohon menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Bukit

Bendera yang dijadualkan dijawab pada 17-11-1987.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Malaysia mengamalkan sistem kawalan pertukaran yang liberal di mana pengiriman wang keluar negeri dibenar secara bebas tertakluk hanya kepada pengisian borang perangkaan untuk tiap-tiap satu pengiriman yang melebihi \$10,000. Oleh yang demikian, data-data khusus mengenai jumlah pengaliran wang keluar (dengan izin, capital flight) tidak diperolehi.

Bagaimanapun, maklumat mengenai pengaliran keluar/masuk modal untuk tujuan pelaburan menunjukkan bahawa negara tidak menghadapi sebarang masalah pengaliran wang keluar. Bagi tempoh 7 bulan pertama tahun 1987, terdapat sejumlah M\$2.3 billion modal bersih mengalir masuk ke negara ini.

PENERBITAN MAJALAH— KEBENARAN

19. Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah majalah yang diberi kebenaran KDN di seluruh negara sekarang ini. Daripada jumlah tersebut beberapa buah majalah yang begitu diminati oleh pembaca yang berunsur kebudayaan kuning yang boleh mempengaruhi muda mudi dan mendorong mereka ke arah kurang bermoral. Apakah langkah KDN bagi menggalakkan majalah tersebut daripada menyiarkan tajuk-tajuk seumpama itu, serta adakah KDN menapis atau menatap semua majalah yang diberi kebenaran itu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Sehingga 31 Oktober, Kementerian Dalam Negeri telah mengeluarkan 578 permit penerbitan untuk menerbitkan majalah di seluruh negara. Setiap permit penerbitan itu dikenakan syarat-syarat tertentu, termasuklah

syarat bahawa sesuatu majalah itu tidak menyiarkan apa-apa bahan penerbitan yang boleh memudaratkan akhlak. Sekiranya terdapat aduan mana-mana majalah yang menerbitkan bahan-bahan yang boleh memudaratkan akhlak, Kementerian Dalam Negeri akan mengambil tindakan sewajarnya menyasiat aduan tersebut.

Jika aduan itu didapati benar, maka tindakan sesuai mengikut undang-undang akan diambil ke atas permit penerbitan majalah berkenaan. Di bawah undang-undang sekarang Menteri Dalam Negeri boleh mengambil tindakan untuk membatalkan atau menggantungkan permit itu bagi satu tempoh masa yang difikirkan sesuai. Semenjak tahun 1984 hingga akhir bulan Oktober 1987, permit penerbitan 3 buah majalah telah dibatalkan, manakala 4 buah permit penerbitan untuk majalah telah digantungkan.

UNIT RELA

20. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa banyakkah unit-unit RELA di seluruh negara dan berapa ramai ahlinya serta berapa banyak senapang patah yang telah dibekalkan kepada mereka. Unit-unit yang belum dibekalkan dengan senapang patah bilakah agaknya dapat dibekalkan kepada mereka.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Jumlah unit-unit RELA negara pada masa ini ialah 27,231 unit dengan keahliannya seramai 184,767 orang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 23,497 laras senapang patah telah dibekalkan kepada ahli Rela di seluruh negara. Pembekalan senapang patah kepada unit-unit RELA untuk kegunaan ahlinya secara bergilir-gilir adalah berdasarkan kepada keperluan dan keadaan keselamatan sesuatu

kawasan. Oleh itu tidaklah perlu setiap unit atau ahli RELA dibekalkan dengan senapang patah.

KURSUS PILIHAN UNIVERSITI MALAYA

21. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Pendidikan menyatakan bagaimana menyelesaikan masalah yang timbul dari keputusan yang dibuat oleh Senat Universiti Malaya mengenai Bahasa Malaysia dijadikan Bahasa Penghantaran Subjek Pilihan Tionghua.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kursus pilihan Universiti Malaya adalah urusan akademik universiti berkenaan. Oleh itu Kementerian Pendidikan telah menyerahkan perkara tersebut untuk pihak universiti menimbangkan keputusan yang dibuat oleh Senat universiti itu.

TOL JALAN KELANG—KUALA LUMPUR

22. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Kerjaraya menjelaskan adakah Kementerian Kerjaraya akan membatalkan rancangan mengadakan Tol Jalan Persekutuan Kelang—Kuala Lumpur di Shah Alam dan Batu Tiga berikutan dengan bantahan Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan baru-baru ini. Kalau tidak, mengapa.

Dato' S. Samy Vellu: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak ada cadangan untuk membatalkan kutipan Tol di Jalan raya Persekutuan II oleh kerana ia merupakan sebahagian daripada rancangan penswastan Lebuhraya Utara/Selatan. Dalam cadangan itu jalan raya daripada Subang Jaya ke Kelang akan dinaikan taraf daripada 4 lorong kepada 6 lorong. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, jalan raya tersebut mengalami

masalah kesesakan dan merupakan jalan raya utama ke Pelabuhan Kelang. Oleh itu untuk mengatasi masalah ini Kerajaan bercadang menaikkan taraf jalan raya tersebut dan mengenakan Tol. Walau bagaimanapun sukalah saya nyatakan bahawa keputusan penswastan tersebut ditangguhkan buat sementara waktu kerana perkara ini masih lagi dalam perbincangan.

Mengenai bantahan Kerajaan Negeri Selangor, sukalah saya nyatakan bahawa pihak Kerajaan Negeri tidak diberi penjelasan sebenar mengenai perkara tersebut sebelum ini. Walau bagaimanapun saya percaya soal bantahan itu dapat diselesaikan dengan semangat Barisan Nasional.

MA'AL HIJRAH—PELAKSANAAN

23. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Perdana Menteri menyatakan apakah rancangan-rancangan susulan dari pelaksanaan Ma'al Hijrah di dalam memberikan kesedaran dan manfaat kepada umat Islam khususnya dan rakyat Malaysia amnya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Ma'al Hijrah ialah nama baru yang diberikan bagi 1 haribulan Muharram iaitu tahun baru Islam. Seperti hari keputeraan Nabi Muhammad s.a.w., Israk dan Mikraj dan lain-lain seperti itu, satu haribulan Muharram itu adalah merupakan hari kebesaran dalam Islam yang disambut pada tiap-tiap tahun. Dalam semua sambutan atau perayaan hari-hari kebesaran itu dan juga hari-hari kebesaran lain seperti hari Kebangsaan tidak ada program atau rancangan susulan pernah diatur kecuali apa yang disebut kajian post-mortem mengenai perayaan yang telah dilaksanakan itu.

Walau bagaimanapun kegiatan-kegiatan yang ada hubungan dengan Ma'al Hijrah dan objektifnya dijalankan secara berterusan oleh berbagai-bagai pihak seperti di sekolah-sekolah dan Jabatan-jabatan Agama.

JUALAN PADI

24. Tuan Ghazali bin Ahmad minta Menteri Pertanian menyatakan mengapakah petani-petani yang membawa padi mereka ke kilang-kilang padi LPN di Kedah dengan Motosikal ringan sahaja secara kecilan tidak dilayan oleh separuh Kompleks LPN.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Lembaga Padi dan Beras Negara atau LPN membeli padi daripada semua petani, sama ada petani itu membawa dengan lori atau motosikal.

Penjualan padi dengan motosikal melibatkan aktiviti pemunggaan padi dari sawah ke Kompleks dan melonggokkan padi tersebut di tempat-tempat yang dikhaskan. Setelah semua padi bagi seseorang petani selesai dipunggah dari sawah, maka padi itu dipunggah untuk ditimbang dan pemuatan. Penjualan padi dengan motosikal melambat operasi belian di kompleks-kompleks. Oleh itu, ianya tidak digalakkan. Sungguhpun demikian, LPN sentiasa melayani semua petani sama ada mereka yang menjual padi dengan menggunakan lori ataupun motosikal.

KILANG PENGELUARAN JENTERA

25. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Pertahanan menyatakan bagi menjaga kepentingan awam dan keselamatan rantau ini, adakah negara kita Malaysia dan lain-lain negara ASEAN bercadang akan mengadakan kilang

pengeluaran alat-alat jentera dan kilang senjata di rantau ini.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, ASEAN diasaskan untuk kepentingan kerjasama dalam bidang politik, ekonomi dan kebudayaan bukannya untuk tujuan pertahanan. Dengan kata-kata lain ASEAN bukanlah satu "Military Pact" namun begitu dalam bidang pertahanan ASEAN sentiasa bekerjasama melalui hubungan dua hala dengan negara-negara anggota dalam aktiviti latihan, operasi serta bantuan Lojistik.

Malaysia dan lain-lain negara anggota ASEAN belum mempunyai kilang pengeluaran alat-alat jentera dan senjata untuk pertahanan secara usahasama. Walaupun demikian secara berasingan, tiap-tiap negara ASEAN (kecuali Brunei Darussalam) telah pun mempunyai industri pertahanan sendiri yang terhad keupayaannya dengan berasaskan keperluan negara masing-masing. Buat masa ini, adalah sukar bagi keenam-enam anggota ASEAN bersepakat untuk memilih sesuatu alat pertahanan yang dikeluarkan oleh sesebuah negara ASEAN kerana masing-masing mempunyai kehendak dan keperluan yang berbeza mengikut kemampuan perkembangan teknologi pertahanan.

PAS LAWATAN/PAS KERJA BAGI PELAWAT ASING

26. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapakah pegawai-pegawai Imigresen di Ibu Pejabat Imigresen begitu keras berkaitan dengan "Social Visit Pass" dan "Work Permit" untuk rakyat dari Negara India, khasnya orang-orang profesional dan orang-orang berkaitan dengan agama dan pembinaan kuil-kuil. Adakah beliau

sedar tindakan ini menjejaskan pembangunan kaum India di negara kita dari segi teknikal dan bukannya bantuan kepada agama mahupun agama Hindu ataupun Buddha atau Kristian, satu bantuan munasabah yang boleh menggalakkan rakyat Malaysia menjalankan kehidupan mereka dengan sempurna.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Pegawai-pegawai Imigresen di Ibu Pejabat, Jabatan Imigresen sebenarnya tidak bersikap kasar atau keras dalam mengendalikan permohonan-permohonan untuk Pas Lawatan atau Pas Kerja yang diterima dari pelawat-pelawat dan pekerja-pekerja asing, termasuk pelawat-pelawat dan pekerja agama dari India.

Pegawai-pegawai Imigresen menjalankan tugas mereka secara tekun dan tegas dengan berasaskan kepada undang-undang, dasar, arahan dan peraturan-peraturan yang dikeluarkan kepada mereka. Adalah menjadi tanggungjawab setiap pegawai Imigresen berkenaan untuk memastikan bahawa Pas-pas Lawatan dan Pas-pas Kerja hanya diberikan kepada mereka yang layak menerima kemudahan-kemudahan itu.

Mengikut peraturan pengeluaran visa secara tindakan timbalbalas dengan negara India yang diamalkan sekarang, seorang rakyat negara itu dikehendaki mendapatkan visa dari pejabat Perwakilan Malaysia di New Delhi atau Madras jika ia hendak melawat negara ini. Pejabat-pejabat Perwakilan Malaysia di negara itu boleh mengeluarkan visa kepada seseorang rakyat India yang hendak melawat Malaysia selama 1 bulan atas tujuan lawatan sosial atau bisnes. Bagi lawatan sosial atau bisnes yang melebihi 1 bulan atau untuk lawatan-lawatan jenis lain seperti mencari pekerjaan, permohonan visa adalah dipertimbangkan oleh Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia.

Pada hemat Jabatan Imigresen, terdapat sebilangan rakyat India yang memohon supaya Pas Lawatan mereka dilanjutkan setelah tamat tempoh 1 bulan mereka dibenarkan untuk berada di Malaysia. Dalam kes seperti ini, pegawai-pegawai Imigresen berkenaan terpaksa bersikap tegas untuk menolak permohonan itu kerana mereka tidak diberikan kuasa untuk melanjutkan tempoh lawatan tersebut yang diberikan kepada seseorang pelawat asing itu.

Seseorang warganegara asing hanya dibenarkan bekerja di Malaysia jika majikan tempatan gagal mendapatkan warganegara Malaysia untuk melaksanakan sesuatu pekerjaan itu. Peraturan ini dilaksanakan demi menjaga peluang pekerjaan dan kepentingan rakyat negara ini. Jabatan Imigresen menimbang setiap permohonan untuk menggaji pekerja asing dengan teliti dan simpati. Jika benar-benar orang tempatan tidak ada atau tidak dapat menjalankan sesuatu pekerjaan itu, termasuk kerja-kerja agama, maka Jabatan Imigresen akan membenarkan warganegara asing bekerja di negara ini. Setakat ini, beberapa orang rakyat India telah dibenarkan untuk bekerja sebagai sami dan pengukir kuil di Malaysia.

PASAR TANI—SAMBUTAN

27. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Pertanian menyatakan sebab apakah sistem pasar tani seperti yang diadakan di bandar-bandar di Negeri Selangor dan satu sistem yang telah menerima sambutan yang baik, tidak boleh digunakan di seluruh negara kita; adakah beliau sedar sistem ini boleh memberi satu saluran yang baik untuk pasaran bahan-bahan petani kita. Adakah beliau juga sedar beberapa masalah berkaitan dengan tanah yang dilakukan dari peringkat daerah dan negeri yang tidak

menggalakkan aktiviti-aktiviti petani-petani yang tidak mempunyai kemudahan tanah sendiri seperti di ladang-ladang dan kawasan-kawasan haram dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Pusat untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pasar tani bukan sahaja terhad di negeri Selangor malahan telah diguna dan diperluaskan keseluruh negara. Sehingga September 1987, sebanyak 48 buah pasar tani telah diwujudkan dikebanyakan bandar-bandar besar, ibu negeri dan daerah. Kementerian sedar pasar tani telah mendapat sambutan yang menggalakkan dan boleh menjadi saluran pemasaran hasil-hasil pertanian yang baik kepada para petani. Memandangkan sambutan yang sangat menggalakkan ini, adalah dijangka pasar tani akan terus dikembang dan dimajukan bagi melengkap dan memberi saingan sihat kepada sistem pemasaran yang ada sekarang.

Mengenai isu tanah pertanian yang dibangkitkan, adalah dasar Kerajaan Persekutuan bahawa petani-petani dan pengusaha-pengusaha digalakan untuk menceburkan diri dalam pengeluaran bahan-bahan makanan. Kawasan-kawasan di Semenanjung Malaysia yang sesuai di tanam dengan tanaman dari segi tanah, topografi dan iklim telah dikenalpasti dan maklumat berkenaan telah diedarkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun urusan tanah adalah kuasa mutlak Kerajaan Negeri dan secara umumnya dasar pemberian milik tanah oleh Kerajaan-kerajaan Negeri adalah berbeza di antara satu negeri dengan negeri yang lain. Selain daripada pemberian hakmilik oleh Kerajaan Negeri, tanah pertanian boleh diperolehi melalui memajak/menyewa tanah sawah terbiar melalui

bantuan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).

PENGGUBALAN DASAR NASIONAL

28. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan menggubal dasar nasional untuk semua setinggan bagi mengatasi masalah perumahan, jika tidak, sila berikan sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Penggubalan dasar nasional untuk semua setinggan tidak timbul, kerana Kerajaan sudah mempunyai dasar dan peraturan bagi membantu setinggan yang kebanyakannya miskin.

Kerajaan tidak menggalakkan setinggan, kerana mereka menduduki tanah sama ada tanah Kerajaan atau tanah persendirian secara haram dan ini menyalahi Undang-undang Kanun Tanah Negara.

Walaupun bagaimanapun bagi setinggan yang sedia ada, Kerajaan mempunyai program dan peraturan-peraturan untuk membantu mereka dari segi mengadakan perumahan dan kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik. Di samping itu Kerajaan telah dan sedang melaksanakan rancangan pembinaan rumah kos rendah secara besar-besaran di seluruh negara. Rancangan perumahan kos rendah ini adalah untuk memberi peluang kepada penduduk yang berpendapatan rendah memiliki rumah, termasuk setinggan-setinggan.

MAKMAL UBAT DAN STOR—PENSWASTAAN

29. Tuan Ngoi Thiam Woh minta Menteri Kesihatan menyatakan:

(a) adakah Kementeriannya mempunyai rancangan untuk

menswastakan Makmal Kawalan Kimia Ubat Kebangsaan dan Makmal Ubat & Setor, jika ya, sila beri alasan-alasan bagaimana penswastaaan ini dapat memenafaatkan rakyat;

- (b) adakah Kementerian telah menerima tawaran dari mana-mana pihak yang berminat dalam pengswastaaan ini dan namakan pihak-pihak ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Soalan mengenai kemungkinan penswastaaan Makmal Ubat & Stor Kementerian Kesihatan di Petaling Jaya telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kawasan Tanjung dan saya telah menjawabnya pada 16-10-87 dalam Dewan yang mulia ini.

Seperti yang disebutkan dalam jawapan saya tempoh hari, Kerajaan belum lagi membuat keputusan untuk menswastakan perbekalan ubat-ubatan Hospital Kerajaan. Perkara ini masih lagi dalam kajian oleh pihak United Engineers (M) Bhd. yang telah mencadangkan penswastaaan ini pada asalnya.

EKSPORT SAYUR KE SINGAPURA

30. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pertanian menyatakan sesungguhnya kadar penolakan sayur-sayuran tempatan oleh Kerajaan Singapura, pada keseluruhannya telah menstabil pada tahap 11%, mengapakah tingkat racun seranggan masih tinggi dalam sayur-sayuran dan bebawang. Berapa kerapkah sayur-sayuran yang dijual dalam negara diuji untuk menyukat tingkat ketinggalan racun seranggan berbanding dengan kekerapan menguji sayur-sayuran yang dijual kepada Singapura. Secara perbandingan, apakah tingkat ketinggalan racun seranggan di atas sayur-sayuran

berdaun dan bebawang yang dijual dalam negara dengan yang dijual dalam negara dengan yang ditolak oleh Kerajaan Singapura. Setakat ini, apakah kemajuan yang tercapai dalam usaha untuk mendirikan sebuah makmal menguji tahap ketinggalan racun seranggan di Cameron Highlands.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Pada keseluruhannya kuantiti sayur-sayuran yang dieksport ke Singapura yang mempunyai sisabaki racun kulat jenis dithiocarbamate yang melebihi had maksimum yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Singapura telah menurun. Bagi bulan Julai apabila analisa ini mula dibuat misalnya, hitung panjang berlakunya kelebihan ini ialah sebanyak 16 kes sehari, telah menurun pada kadar 8 kes sehari pada bulan Ogos, dan 4 kes pada bulan September. Melalui maklumat diperolehi daripada analisa sampel daripada Kerajaan Singapura, petani-petani di kawasan-kawasan Cameron Highlands yang masih mempunyai masalah telah pun dikenalpasti. Adalah difahamkan Kerajaan Singapura telah mengenakan sampel penganalisaan 100% kepada 3 jenis sayur-sayuran berdaun pada masa kini oleh kerana bahaya dari kelebihan sisabaki racun makhluk perosak pada sayur-sayuran berdaun adalah lebih tinggi.

Mengenai pertanyaan atas kekerapan sayur-sayuran yang dijual dalam negara diuji untuk menentukan paras sisabaki racun kulat, tugas ini adalah dijalankan oleh Kementerian Kesihatan.

Mengenai tahap sisabaki racun makhluk perosak dalam sayur-sayuran yang diterima oleh Peraturan Makanan 1985 berdasarkan CODEX Alimentarius adalah 5 bahagian dalam 1 juta (5 ppm) tetapi negara Singapura menetapkan tahap ini di peringkat 2 bahagian dalam 1 juta (2ppm).

Hasil daripada kerja-kerja pengembangan yang sangat pesat dijalankan di kawasan Cameron Highlands serta pertambahan kakitangan Jabatan untuk menyampaikan kepada pekebun-pekebun sayur maklumat-maklumat mengenai kelebihan had sisabaki racun ini, maka didapati kebanyakan penanam-penanam sayur di situ telah pun mengetahui cara-cara yang betul menggunakan racun perosak ke atas tanaman sayur-sayuran mereka. Berbagai aktiviti seperti melatih pekebun-pekebun sayur, memberi ceramah-ceramah, pertunjukan wayang gambar, lawatan ladang, risalah-risalah, petak-petak pemerhatian dan demonstrasi telah dijalankan pada waktu siang dan malam yang melibatkan semua kaum yang menanam sayur Cameron Highlands. Penanam-penanam sayur di Cameron Highlands boleh juga mendapatkan khidmat analisa sayur-sayuran mereka dalam usaha mereka mengurangkan tahap paras sisabaki. Dengan tahap pengetahuan yang meningkat ini, maka ramai di kalangan pekebun-pekebun sayur telah mengetahui cara-cara penggunaan racun yang selamat. Oleh yang demikian Kerajaan tidak bercadang mendirikan sebuah makmal di Cameron Highlands untuk maksud ini.

K & I INDUSTRIES— PEMILIKAN SAHAM

31. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Pertanian menyatakan perkara-perkara berikut:

- (a) siapakah pemilik-pemilik saham "Malaysia Offshore Fishing Company" selain daripada 10% yang telah diperuntukkan kepada NEKMAT; dan
- (b) berapakah jumlah saham tempatan dalam "K & I

Industries" yang telah menjalankan kerjasama penangkapan ikan dengan pihak nelayan Thai. Siapakah pemilik-pemilik saham tempatan dalam usahasama tersebut kerana 50 orang sahaja nelayan tempatan daripada 1,450 orang nelayan-nelayan negara Thai.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:

- (a) Saya difahamkan bahawa "K & I Industries (M) Sdn. Bhd." bercadang untuk memperuntukkan 10% syernya kepada syarikat yang "viable".
- (b) K & I Industries (M) Sdn. Bhd, adalah sebuah syarikat tempatan yang mana saham-sahamnya dimiliki sepenuhnya (100%) oleh Bumiputera.

BIASISWA SUKAN KEPADA MURID-MURID SEKOLAH

32. Tuan Hu Sepang minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah rancangan-rancangan dan program-program yang sedia ada untuk menggalakkan kecemerlangan kesukanan di sekolah-sekolah dan apakah telah terjadi kepada rancangan biasiswa sukan kepada murid-murid sekolah yang menunjukkan bakat dalam bidang kesukanan dan nyatakan jumlah penerima-penerima biasiswa yang menikmati biasiswa-biasiswa kini dan bagaimanakah mereka dipilih.

Setiausaha Perlimen Kementerian Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar): Kementerian Belia dan Sukan telah mempertingkatkan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan dalam usaha untuk memajukan sukan di negara ini melalui rancangan-rancangan khas yang melibatkan murid-murid sekolah yang mempunyai

potensi dalam bidang sukan. Mulai dari tahun 1987 ini tiga (3) jenis sukan iaitu renang, badminton dan olahraga telah dipilih melalui program yang dinamakan Program Bakat Sekolah yang melibatkan seramai 48 orang murid. Melalui program ini sekumpulan murid-murid sekolah yang berumur di antara 12 hingga 15 tahun telah dipilih untuk dilatih oleh jurulatih-jurulatih di tempat masing-masing. Selain dari mendapat kemudahan latihan murid-murid ini juga diberi bantuan sebanyak \$30.00 sebulan serta sejumlah alat-alat kelengkapan permainan masing-masing supaya mereka dapat menjalankan latihan dengan sempurna. Program ini akan dikembangkan dan meliputi sukan-sukan yang lain pada masa hadapan selepas sahaja penilaian dibuat tentang kelemahan yang terdapat setakat ini.

Secara khusus Kementerian Belia dan Sukan belum ada lagi mengeluarkan biasiswa kepada murid-murid yang menunjukkan kecemerlangan dalam bidang sukan. Walau bagaimanapun, Kementerian telah memperuntukkan tiga (3) biasiswa setahun untuk murid-murid yang mempunyai keupayaan dalam bidang sukan dan pelajaran bagi mengikuti kursus-kursus pengajian di samping meneruskan kegiatan sukan masing-masing di universiti-universiti luar negeri memandangkan bahawa universiti-universiti ini dapat menampung kehendak murid-murid sedemikian.

Di samping program-program tersebut, Kementerian Pendidikan juga menyediakan rancangan-rancangan dan program-program bagi menggalakan sukan ke arah kecemerlangan di sekolah-sekolah. Rancangan-rancangan yang sedia ada merangkumi dua bahagian iaitu Rancangan Kejohanan Permainan dan Rancangan Pembangunan Sukan MSSM.

Dalam Rancangan Pembangunan Sukan MSSM, kursus-kursus Jurulatih dan Pengadilan diadakan tiap-tiap tahun masa cuti persekolahan untuk meningkatkan lagi pengetahuan guru-guru sukan. MSSM telah memberi dermasiswa kepada murid-murid yang telah mencapai kejayaan dalam bidang sukan di peringkat MSSM dan antarabangsa seperti Hadiah Cemerlang, Anugerah Putera dan Puteri Sukan MSSM dan Pengkhususan Permainan Di Sekolah-sekolah Berasrama penuh.

DASAR PANDANG KE TIMUR

33. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil lawatan beliau ke Britain baru-baru ini. Apakah perubahan Dasar Luar Politik dan Ekonomi kita mungkin akibat dari lawatan itu, tidak menjejaskan hubungan kita dengan negara-negara Timur seperti Jepun dan Korea. Dan apakah "Dasar Pandang ke Timur" akan kita teruskan. Kalau masih, mengapa. Kalau tidakpun mengapa.

Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah pun dijawab pada 12 dan 29-10-87 pada soalan-soalan daripada Ahli-ahli yang Berhormat dari Bukit Bintang dan Padang Terap.

SURAT AL-KITAB—KEBENARAN

34. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah cadangan mengharamkan edaran buku agama Kristian Al-Kitab. Adakah cadangan Kerajaan mendorong semua buku-buku agama diterbitkan dalam Bahasa Malaysia sebagai satu langkah memperluaskan kegunaan Bahasa Kebangsaan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Surat Al-Kitab dalam Bahasa Indonesia adalah dibenar untuk

diimport ke negara ini oleh wakil-wakil gereja untuk digunakan di dalam gereja oleh orang-orang yang beragama Kristian. Walau bagaimanapun, suratan itu tidak dibenarkan untuk dicetak, diterbitkan, dikeluarkan, dijual, diedar atau dimiliki oleh orang ramai. Perkara ini telah diputuskan oleh pihak Kerajaan dan wakil-wakil gereja dalam tahun 1982.

Kerajaan tidak melarang mana-mana pihak mengeluarkan buku-buku Ujama Kristian dalam Bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun sepertimana yang telah dipersetujui oleh pihak Kerajaan dan wakil gereja, perkataan-perkataan yang lazim dikhususkan untuk ujama Islam tidak boleh digunakan dalam buku-buku itu. Buku-buku itu juga hendaklah mempunyai tanda-tanda yang mencukupi bagi menunjukkan ianya adalah untuk ujama Kristian. Ini adalah untuk mengelakkan berlakunya kekeliruan di kalangan pengikut ujama-ujama lain.

MALAYSIA FEST '87

35. **Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan sama ada cogan kata "Visit Malaysia Fest 1987 to Celebrate Many Cultures, Races and Heritage" membawa hasil lumayan pada tempoh kempen pelancongan pada 25 September hingga 3 Oktober.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Malaysia Fest '87 yang telah berlangsung dari 25 September hingga 3 Oktober 1987 telah dianjurkan untuk mengadakan satu rangkaian aktiviti-aktiviti tarikan pelancongan termasuk pertunjukan Tatu Angkatan Tentera Malaysia bagi menjadikannya satu tarikan di dalam kalendar pelancongan negara. Dengan adanya Malaysia Fest, satu acara tahunan utama bagi tarikan pelancongan dapat

ditonjolkan di samping menggalakkan dan menghidupkan semula aktiviti-aktiviti kesenian dan kebudayaan yang sedia ada di negara ini bagi menarik minat pelancong-pelancong.

Tahun ini merupakan kali pertama Malaysia Fest diadakan. Di dalam tempoh kempen tersebut, adalah didapati bahawa sambutan yang diberikan adalah menggalakkan. Ini dapat dilihat dari sambutan dan kejayaan acara kebudayaan dan makanan negeri-negeri Malaysia yang diadakan di hotel-hotel serta aktiviti-aktiviti di kompleks-kompleks membeli-belah. Di samping itu, Malaysia Fest juga telah dapat menarik perhatian bukan sahaja pelancong-pelancong dalam negeri tetapi juga pelancong-pelancong dalam melawat negara ini pada minggu berkenaan. Kementrian pasti bahawa cogan kata "Malaysia Fest" ini adalah tepat pada sasaran terutamanya di dalam menarik pelancong-pelancong dari luar negeri. Saya yakin bahawa Malaysia Fest akan memberi hasil dan sumbangan yang lebih lumayan kepada pelancong dan negara di tahun-tahun akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1988

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1988

Aturan urusan mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1988 dibacakan Kali Yang Kedua sekarang" dan "Bahawa Usul

yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$6,884,544,990 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1988, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1988 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 tahun 1987, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut". (3hb Oktober, 1987)

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Lembah Pantai dibenarkan menyambung tidak lebih dari 5 minit. Teruskan Yang Berhormat.

3.36 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Yang di-Pertua, masa selama 5 minit, rasa saya tidak cukup, tetapi saya cubalah.

Saya menyambung di atas ucapan yang telah saya buat pada hari Selasa yang lepas berhubung dengan masalah orang ramai, khasnya kaum miskin yang ada di bandar Kuala Lumpur ini. Berhubung dengan banjir yang berlaku, saya telah sebutkan dengan panjang lebar dan sekarang saya mengharapkan kepada pihak-pihak yang berkenaan kerana apa yang saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, apabila air hujan dan bah berlaku, pihak Kerajaan juga menanggung begitu banyak wang yang dibelanjakan bagi

menempatkan mereka ini, menyediakan makanan, pakaian dan di samping itu juga menempatkan mereka di tempat-tempat sementara bagi mereka ini. Oleh itu dalam masalah ini saya mengharapkan pihak Kementerian Kebajikan Masyarakat khasnya dan juga Jabatan Hal Ehwal Wilayah Persekutuan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan juga Dewan Bandaraya sendiri, oleh kerana mangsa-mangsa ini begitu susah untuk dipindahkan oleh kerana tempat tidak ada. Saya mencadangkan supaya diadakan lebih banyak lagi dewan-dewan ataupun dewan-dewan serbaguna yang boleh menempatkan mereka ini buat sementara waktu, oleh kerana sekarang ini kita menumpang di sekolah-sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, sedia maklum sekolah-sekolah hendak digunakan oleh murid-murid untuk belajar, tetapi terpaksa mangsa-mangsa ini kadangkala menduduki sehingga 3-4 hari dan kadangkala hingga seminggu, dan dengan keadaan ini kawasan-kawasan yang tersebut atau tempat-tempat yang disebutkan tadi menjadi kerumitan. Oleh itu saya mengharapkan supaya dewan-dewan diadakan dan di samping itu juga bagi mereka yang duduk di kawasan-kawasan tepi sungai yang selalu kena banjir dan juga keadaan keselamatan mereka tidak terjamin, umpamanya baru-baru ini 26 buah rumah di Kampung Bohol, yang mana mereka telah mendirikan rumah di tepi-tepi sungai ini habis, semua rumah-rumah itu masuk ke dalam sungai, tetapi nasib baik tidak ada orang yang mati. Keadaan ini sama juga, tidak ada tempat bagi mereka untuk ditempatkan. Oleh itu saya mencadangkan supaya Dewan Bandaraya ataupun Kementerian-kementerian yang berkenaan mendirikan beberapa rumah panjang buat sementara waktu bagi menempatkan mereka ini, Dengan demikian, dalam keadaan ini rasa kita

dapatlah mengelakkan sedikit sebanyak mengelakkan kesengsaraan kepada kaum-kaum yang miskin ini dan di samping itu juga dapat menjimatkan wang dan juga tenaga pihak pekerja yang lain bagi mengatasi masalah banjir di Kuala Lumpur ini.

Soal yang lain, Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyentuh ialah membangunkan industri kecil yang mana pihak Kerajaan sekarang ini telah pun memberi peruntukan yang begitu banyak dan memberikan peruntukan juga kepada kaum-kaum peniaga kecil iaitu daripada \$2,000 sekarang kepada \$5,000 untuk menanggung dan membuat perbelanjaan ataupun membuat modal pusingan. Dalam masalah ini banyak belia-belia dan beliawanis-beliawanis kita khasnya di Kuala Lumpur ini yang menganggur tidak dapat pekerjaan. Mereka ini memang ingin untuk berniaga, tetapi untuk mendapatkan modal, saya rasa masalah duit ini sudah ada perjanjian dari Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, tetapi masalahnya mereka tidak ada lesen. Untuk berniaga mestilah hendak lesen di Kuala Lumpur ini, kalau tidak pihak berkuasa Dewan Bandaraya dan pihak-pihak yang lain mengambil tindakan memecah kereta-kereta sorong, mengkompaun dan sebagainya kepada mereka ini. Dalam masalah ini saya mengharapkan dengan adanya Kerajaan memberikan peruntukan kepada peniaga-peniaga ini, saya harap juga pihak yang berkenaan sama ada Dewan Bandaraya dan juga pihak-pihak yang lain dapat bekerjasama supaya mereka ini diberi amaran tidak dipecah-pecahkan ataupun dimusnahkan perkakas-perkakas yang mereka gunakan.

Dalam masalah industri kecil di Kuala Lumpur khasnya dan juga di bandar-bandar besar dalam Malaysia ini memang banyak industri-industri kecil yang secara haram. Ini juga saya

mengharapkan oleh kerana dalam kawasan Kuala Lumpur ini beribu-ribu kilang-kilang haram, industri-industri kecil haram yang mana mereka ini tidak ada lesen, cara mereka mendirikan di kawasan-kawasan tanah tanpa izin. Sungguhpun apa yang saya dapat tahu mereka ini bersedia untuk membayar lesen, tetapi Pihak Berkuasa, pihak Kerajaan tidak membenarkan, oleh itu dalam masalah ini bagi mendapatkan sedikit sebanyak hasil kita dalam negeri ini, saya rasa tidak ada apa salahnya oleh kerana mereka ini tidak menjalankan industri-industri secara haram, lebih baik kita memberikan lesen sementara kepada mereka ini, dengan keadaan ini pihak Kerajaan juga mendapat sedikit sebanyak kewangan dalam negara kita ini.

Dari segi kesihatan sebanyak \$126 juta telah diperuntukkan, tujuan peruntukan ini ialah untuk peruntukan di luar bandar, sebagaimana yang diterangkan di dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan tempoh hari. Oleh itu saya menyokong penuh di atas Dasar ini kerana kita melihat di luar-luar bandar banyak klinik-klinik yang ada telah uzur, klinik-klinik bidan yang dahulunya ada kereta-kereta bergerak di kampung-kampung, tetapi sekarang sudah tidak ada lagi. Umpamanya di Kuala Lumpur di kawasan-kawasan pendalaman juga seperti di Sungai Penchala dan kawasan-kawasan yang lain dahulunya ada, tetapi sekarang ini sudah tidak ada lagi perkhidmatan yang diberi sebagaimana yang disebutkan ini. Oleh itu dalam masalah ini kita mengharapkan juga bahawa dengan keadaan hospital-hospital yang ada di dalam negara kita ini, kalau kita lihat di Kuala Lumpur atau di pekan-pekan besar kemungkinan keadaannya begitu elok, tetapi berlainan di kawasan-kawasan luar bandar dan di samping itu di

kawasan-kawasan Majlis Daerah dan Negeri rasa saya keadaan hospital-hospital ini masih lagi hospital yang ditinggalkan oleh penjajah dahulu dengan keadaan tandas yang kotor, keadaan dinding dan sebagainya.

Sepatutnya pihak Kementerian mengambil daya-usaha untuk menggantikan tempat-tempat ini termasuk juga tempat tidur.

Di samping itu juga, Tuan Yang di-Pertua, kita mendengar masalah-masalah urusan yang dijalankan oleh pegawai sama ada jururawat yang tidak begitu mengambil berat sangat ke atas keselamatan pesakit-pesakit. Umpamanya kita dengar ada kaum ibu yang bersalin di dalam tandas, ada bersalin di atas tangga dan seterusnya. Keadaan ini memang berlaku setiap masa oleh kerana tidak ada tanggungjawab yang begitu cekap dan amanah daripada pihak-pihak terutamanya jururawat-jururawat (nurses) yang tidak menjalankan tugasnya dengan baik. Dalam keadaan ini kita mengharapkanlah pihak Kementerian supaya dapat melatih mereka ini sebagai menjadikan atau mencerminkan keadaan negara kita ini dan juga rakyat akan datang berubat, mereka ini tidak segan silu dan tidak "cengil" dan sebagainya kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Dalam soal.

Tuan Yang di-Pertua: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Baik. Oleh kerana masa tidak mencukupi dalam masalah ini, saya dengan sukacitanya sama-sama menyokong di atas Rang Undang-undang Perbekalan dan Belanjawan 1988.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

3.47 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mengambil kesempatan ini untuk menyentuh sedikit sebanyak ke atas tindakan-tindakan Polis untuk menangkap, menahan sebanyak 93 orang di bawah ISA.

Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri dengan hati sedih kerana yang pertama, nampaknya perhatian tidak diberi kepada mesyuarat Parlimen lagi untuk membahaskan Belanjawan 1988. Yang dapat ditunjukkan di dalam Persidangan atau mesyuarat ini pada 7 hari lalu yang mana setiap hari tidak cukup kuorum sekurang-kurangnya satu kali. Pada hari Selasa lalu tiga kali tidak cukup kuorum. Ini menunjukkan bahawa walaupun media massa cuba mengemukakan satu gambaran seolah-olah "everything is all right", dengan izin, tetapi satu krisis kebangsaan masih wujud.

Sikap Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya dari Barisan Nasional pun tidak begitu baik kerana tidak mencuaikan Persidangan Parlimen, cuma kerana DAP ataupun 6 orang Ahli Parlimen dari DAP telah ditangkap maka kemudiannya tidak cukup kuorum. Ini satu sebab yang saya merasa sedih.

Yang keduanya, saya amat dukacita kerana saya tahu walaupun saya mahu membuat satu penjelasan bagi pihak DAP, walaupun demikian laporan media massa, dalam TV, dalam suratkhbar pun kurang penuh oleh kerana baru-baru ini tiga suratkhbar ditahan untuk dicetak dan Managing Director TV3 pun telah ditangkap dan ini satu reign of terror telah wujud dalam negara kita. Apa-apa penjelasan daripada pihak Pembangkang sudah

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun di belakang.

Tuan Sim Kwang Yang: Sila!

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Ini untuk peringatan kawan kita. Dalam ucapan beliau menumpu perhatiannya kepada sebelah sini, bukan Speaker, jadi saya dengan ikhlas mengingatkan. Terima kasih.

Tuan Sim Kwang Yang: Ini tidak penting sama sekali, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat dari Simunjan mahu kacau sahaja oleh kerana beliau tidak bertugas sebagai Timbalan Menteri Pendidikan lagi, kalau dia duduk sana memang beliau mahu membahaskan dengan saya, tetapi sekarang dia duduk di belakang saya tidak boleh nampak mukanya, dia mahu kacau, itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, operasi Polis untuk menangkap dan menahan ramai orang terkenal dalam negara kita di bawah "Operation Lalang", saya difahamkan nama "Operation Lalang" ataupun "Operation Olympia", ada sedikit keraguan di atas nama operasi ini.

Tangkapan dan penahanan seramai 93 orang sampai sekarang adalah menjadi suatu muka surat hitam dalam buku sejarah Malaysia ini, oleh kerana orang-orang yang ditahan termasuklah orang yang memainkan peranan penting dalam kehidupan negara kita, mereka yang telah menyumbangkan banyak kepada proses pembinaan negara kita seperti Ketua Pembangkang, Yang Berhormat dari Tanjong, Saudara Lim Kit Siang, seperti seorang peguam kanan dan seorang yang terkenal untuk mempertahankan hak-hak manusia, iaitu Saudara Karpal Singh dari Jelutong, seorang yang mempunyai kedudukan masyarakat

yang tinggi iaitu Saudara P. Pato, seorang yang selalu mengambil bahagian aktif dalam Dewan yang mulia ini, Saudara Tan Seng Giaw dari Kepong dan sebagainya.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun, Yang Berhormat.

Tuan Sim Kwang Yang: Bolehlah.

Tuan Hashim bin Safin: Minta penjelasan, Tuan Yang Di-Pertua. Yang Berhormat dari Bandar Kuching menyatakan pemimpin-pemimpin Pembangkang seperti nama-nama disebutkan tadi telah memberi sumbangan kepada pembangunan negara. Saya ingin tahu sejauh manakah kebenaran yang didakwa oleh Yang Berhormat itu dan sejauh mana pula dengan pendapat yang mengatakan pemimpin-pemimpin inilah yang memulakan ketegangan kaum di negara ini sehingga diikuti oleh MCA dan akhirnya UMNO terpaksa menari mengikut rentak, sejauh mana tanggungjawab yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin ini? Minta penjelasan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, ini tuduhan yang dibuat oleh pihak Barisan Nasional khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa pemimpin-pemimpin itu telah bertanggungjawab ke atas meningkatkan ketegangan politik dalam negara kita dan ingin saya menjelaskan dan menafikan semua tuduhan ini sama sekali, secara langsung, ini tidak benar, tidak berasas dan mysterious, sebab-sebab itu saya akan terus memberi penjelasan. Tunggu sekejap.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang bangun. Hendak beri jalan?

Tuan Sim Kwang Yang: Marang, garangkah? (*Ketawa*) Minta maaf, boleh beri jalan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, yang menimbulkan ketegangan ialah DAP itu sendiri. DAPlah yang memulakan satu perhimpunan besar yang mengajak MCA dan sebagainya untuk mengadakan perhimpunan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang, minta penjelasan?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Ya, saya minta penjelasan. Kalau DAP yang memulakan perarakan sebanyak 3,000 orang, itu membuktikan DAPlah yang memulakan ketegangan. DAPlah juga secara tidak langsung mengundang Pemuda UMNO dan juga UMNO yang lain untuk turut berhimpun. Siapa salah? Kata bersahut gayung tersambut, bukankah ini DAP yang kurang ajar yang mula sekali. Penjelasan.

Tuan Sim Kwang Yang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kalau hanya DAP bersalah, kalau hanya DAP satu pihak tunggal yang bertanggungjawab untuk polarisasi kaum, satu penyelesaian adalah senang. Mengharamkan DAP sahaja, menggantungkan pendaftaran DAP sahaja. Adakah masalah polarisasi kaum ini akan diselesaikan dengan tindakan kejam itu? Tidak sama sekali.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang, biarlah, kita hendak kena teruskan perbahasan ini.

Tuan Sim Kwang Yang: Ya, terima kasih oleh kerana masa sangat penting, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Takut?

Tuan Sim Kwang Yang: Jangan, sikap seperti itu tidak bagus.

Tuan Yang di-Pertua: Yang terhormat dari Marang, jangan kata begitu.

Tuan Sim Kwang Yang: Hormat menghormati, sikap yang bertanggungjawab. Anyway, Tunku Bapa Malaysia, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman telah mengatakan bahawa, dengan izin, "We are on our way to dictatorship" dengan tangkapan dan tahanan ini. Walaupun laporan massa media tidak dibuat dalam negeri ini tetapi saya baca cerita ini dalam *Bangkok Post* yang menunjukkan bahawa suratkhbar antarabangsa telah melaporkan teguran Tunku Abdul Rahman itu.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun DAP telah menerima banyak rayuan dan permintaan daripada rakyat, daripada DAP sendiri supaya boikot, supaya tidak menghadiri semua persidangan, mesyuarat Parlimen dan State Assembly lagi, walaupun demikian bagi pihak DAP saya ingin mengumumkan di sini, DAP tidak akan boikot persidangan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri, oleh kerana Parlimen dan Dewan Undangan Negeri bukanlah kepunyaan Barisan Nasional atau kepunyaan Kerajaan sahaja. bahkan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri adalah institusi legislative yang melambangkan kedaulatan rakyat.

Walaupun pihak Kerajaan, pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah bersalah tetapi Parlimen tidak bersalah, ini sebab pertama.

Sebab yang kedua kenapa kami tidak boikot Parlimen ialah supaya menunjukkan komitmen DAP kepada proses perjuangan secara sah, secara perjuangan Constitutional (berperlembagaan) sebagai suatu

hujah untuk membuktikan bahawa tuduhan DAP adalah melibatkan dalam kegiatan-kegiatan haram adalah salah.

Ketiganya untuk menunjukkan kepada UMNO bahawa cuma dengan tindakan untuk menahan, menangkap tokoh-tokoh terkenal, tokoh-tokoh terkemuka dalam DAP tidak akan memberhentikan perjuangan DAP dalam Parlimen ataupun luar. Ini tiga sebab kerana DAP tidak mahu.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang hendak apa?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
Point of order 36 (6).

Tuan Yang di-Pertua: Apa dia itu?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
Seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat. Dia kata tadi tindakan UMNO, ini bukan tindakan UMNO. Ini tindakan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidak kena dengan Peraturan Mesyuarat itu.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
Tetapi itu satu sangkaan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidak kena, sila duduk!

Tuan Sim Kwang Yang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun ingin mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan ataupun menjawab kepada beberapa soalan-soalan pokok, isu-isu yang penting dalam peristiwa ini.

Isu yang pertama untuk menjawab kepada Ahli Yang Berhormat dari Marang, Tanah Merah dan sebagainya. Soalannya ialah yang pertamanya adakah 93 orang yang

ditahan, ditangkap, adakah mereka bertanggungjawab untuk mempertingkatkan iklim dan suasana tegang, suasana perkauman dalam negara kita?

Saya sedar bahawa dalam satu minggu yang lalu ini massa media seperti televisyen, radio dan suratkhbar telah diberi tekanan untuk memberi gambaran bahawa tangkapan dan tahanan semua orang ini khususnya mereka dari pihak Pembangkang adalah disambut baik, oleh kerana tindakan tangkapan dan tahanan ini adalah baik untuk memulihkan keadaan tegang di dalam negara kita baru-baru ini. Soalan yang harus dibangkitkan ialah siapakah yang menyebabkan iklim tegang itu, adakah orang yang ditahan dan ditangkap ataupun lain?

Tuan Hashim bin Safin: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun.

Tuan Sim Kwang Yang: Bolehlah!

Tuan Hashim bin Safin: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat tadi mengatakan bahawa perbuatan ini tidak baik, itu kesimpulannya yang saya dapat buat, tetapi sejauh mana percanggahan dengan kenyataan yang dibuat oleh pemimpin daripada DAP sendiri, Pemangku Setiausaha DAP, tentang langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menjamin ketenteraman awam dalam perkara ini?

Tuan Sim Kwang Yang: Penjelasan adalah senang. Pihak DAP menyambut baik tindakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membatalkan rapat umum yang dijadualkan diadakan pada 1hb November, 1987 oleh UMNO. Ini kita menyambut baik. Tetapi semua baki tindakannya untuk menahan, menangkap orang yang tidak berdosa adalah disambut baik dan dikondem

oleh kerana ianya tidak berasas sama sekali dan faktor yang meningkatkan iklim tegang perkauman bukanlah orang itu, pihak yang berdosa adalah UMNO sendiri, khususnya dua rapat umum.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang bangun.

Tuan Sim Kwang Yang: Boleh.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, apakah pihak yang bercakap itu tidak menyedari bahawa ketegangan kaum, rasa gelisah dan resah itu adalah dibuat atas sikap tidak bertanggungjawab beberapa pihak terutama DAP yang membangkitkan isu-isu yang telah dipersetujui bersama seperti isu pribumi, isu pertuanan, isu songkok dan juga isu-isu yang menyentuh hak-hak istimewa orang Melayu.

Kalaulah kita bercakap secara rasional maka kita dapati bukan orang Melayu yang memulakannya dahulu tetapi orang lain yang memulakan dahulu. Jadi adalah tidak salah kalau orang Melayu bangkit berdiri untuk mempertahankan maruah dan kedaulatannya dengan cara cuba mengadakan perhimpunan, saya rasa tidak salah. Pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil satu tindakan yang bijak membatalkan perhimpunan 1 November itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat minta memberi penjelasan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Ya, jadi saya minta penjelasan tidak usahlah kita hendak mengabui Dewan ini dengan pandangan-pandangan sempit seolah-olah yang ditangkap itu merupakan juara-juara. Saya sokong tiga orang Pemuda itu untuk

dibebaskan kerana mereka terseret di dalam ini disebabkan oleh DAP juga, sebab mereka hendak sahut DAP punya ataupun orang bukan Melayu punya gerakan ataupun cara, maka kawan saya yang tiga orang itu terjerat dan tersepit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah cukuplah itu.

Tuan Sim Kwang Yang: Panjang angin, long-winded. Tuan Yang di-Pertua, DAP pada satu, dua, tiga, empat tahun dahulu pun tidak pernah mempersoalkan kedudukan Bahasa Malaysia, tidak pernah sama sekali. DAP sudah melakukan satu keputusan untuk melaksanakan rancangan-rancangan tertentu di bawah "Minggu Bahasa Kebangsaan". Ini sudah dibuat untuk menganjurkan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan. Apabila saya masuk ke Dewan yang mulia ini pada tahun 1982, satu ayat bahasa pun saya tidak tahu, tetapi saya belajar supaya menghormati Bahasa Malaysia dalam Dewan yang mulia ini, tetapi—ada lagi?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
(*Bangun*)

Tuan Sim Kwang Yang: Jangan memberi ucapan, minta penjelasan satu point sahaja. Satu dua ayat sudah cukup, jangan membuang masa saya.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Ini saya tak faham, kalau cakap pendek-pendek tak faham, kena cakap panjang-panjang sedikit. Kita bercakap bukan soal bahasa sahaja, soal yang dibangkitkan oleh DAP soal keseluruhan, hak istimewa dan kepertuanan. Kalau saya hendak bercakap memang banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sudah cukup.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, DAP tidak pernah mempersoalkan kedudukan Islam

sebagai agama rasmi negara kita, kami pun tak pernah mempersoalkan hak keistimewaan orang Melayu. DAP menyokong sepenuhnya apa-apa rancangan Kerajaan untuk membasmi kemiskinan, termasuklah peneroka-peneroka FELDA. Sebelum dia ditangkap, Ketua Pembangkang berdiri di sini untuk membangkitkan masalah yang dihadapi oleh peneroka-peneroka FELDA. Adakah ini tindakan yang menghina bangsa Melayu? Tidak sama sekali! Saya sendiri menghormati orang Melayu, kerana orang Melayu adalah satu bangsa yang selalu berbudi-bahasa, bersopan santun, menekankan kebersihan, orang yang beragama dengan ikhlas. Saya menghormati—tak pernah. . . . di samping itu DAP dan khususnya saya sendiri pun. . . .

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
(Bangun)

Tuan Sim Kwang Yang: Tunggu sekejap, sampai saya habis..... pun beberapa kali berdiri dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tak beri jalan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tunggu sekejap. . . . pun berdiri di Dewan yang mulia ini untuk mempertahankan hak-hak bukan orang Melayu atau Cina sahaja, tetapi juga orang-orang lain seperti Iban, Dayak, Dusun, Murut, Kelabit, Kayan, Kenyah dan kalau saya ada diberi peluang, saya akan mempertahankan hak kaum Kadazan.

Oleh kerana masa telah tiba untuk DAP dan semua orang mempertahankan hak semua rakyat Malaysia, bilakah Dewan yang mulia ini boleh mendengar pandangan Ahli Yang Berhormat dari UMNO untuk bukan sahaja mempertahankan hak orang Melayu, tetapi juga hak bangsa lain. UMNO satu parti politik yang

premier, premier political party, dengan izin, tulang belakang Barisan Nasional, tulang belakang Kerajaan.

Tuan Hashim bin Safin: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun. Masa Ahli Yang Berhormat sekejap lagi habis.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan sejauh mana, setakat mana dan sehingga ke mana kebenaran yang dikatakan bahawa DAP adalah pelakon drama yang terbaik di Malaysia di dalam isu-isu politik perkauman dan sejauh manakah DAP bertanggungjawab untuk mencetuskan Peristiwa 13 Mei, 1969 di dalam permainan drama yang telah dibuat dan sedang diperlakukan pada hari ini?

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, saya tak mahu menjawab tuduhan yang mischievous itu, dengan izin, kerana tidak berasas dan tak mahu buang masa dan saya mahu memohon kepada Tuan Yang di-Pertua memberikan satu masa injury kerana diganggu-ganggu dengan banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Sebenarnya Yang Berhormat tak patut beri kebenaran mereka itu mengganggu.

Tuan Sim Kwang Yang: Saya akan mengikut nasihat Tuan Yang di-Pertua. Dan persoalan sekarang ialah siapakah yang bertanggungjawab? Bukannya orang yang ditangkap-ditahan, sebaliknya rapat umum yang dibatalkan pada 1hb November yang bertanggungjawab. Jika sekiranya Yang Amt Berhormat Perdana Menteri dapat membatalkan rapat umum UMNO pada 1hb November itu.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat Tanah Merah bangun.

Tuan Sim Kwang Yang: Tak ada masa lagi, lain kali. Tanpa menahan dan menangkap semua orang itu, saya yakin keadaan yang aman, keadaan yang tenteram pun akan wujud dan tidak akan terus dengan iklim yang tegang itu dan persoalan selanjutnya jika Yang Amat Berhormat boleh menyelesaikan masalah itu dengan membatalkan rapat umum UMNO sahaja tanpa menangkap orang, kenapa dia mahu menangkap mereka? Saya yakin 'internal struggle in UMNO', dengan izin, jika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berbuat demikian, batalkan rapat umum UMNO, tidak menangkap orang, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedikit pun akan berada di dalam kesulitan menghadapi masalah, oleh kerana rusuhan perkauman pada tahun 1969, May 13 itupun telah menimbulkan satu perubahan dalam peringkat pemimpin di mana 'incumbent Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman' terpaksa meletakkan jawatannya.

Dan, Tuan Yang di-Pertua, persoalan lain ialah siapakah mereka yang ditahan—ditangkap itu? Mereka bukan komunis, mereka bukan orang yang merogol, merompak, membunuh orang. Mereka telah menyumbangkan jasa kepada negara dengan mengorbankan masa, tenaga, kehidupan mereka dan di dalam kes Ketua Pembangkang, beliau pun pernah ditangkap dan ditahan selama 18 bulan. Mereka tidak mempunyai apa-apa vested interest, dengan izin. Mereka tidak pernah dilantik sebagai Menteri atau sebagai Pengarah Badan-badan Berkanun, tidak ada chance untuk memainkan peranan dalam Kerajaan. Mereka tidak ada kepentingan sendiri sama sekali dan di samping itu mereka diberikan, dengan izin, international recognition, Tuan Yang di-Pertua.

Seperti Saudara Dr Chandra Muzaffar, beliau telah dijemput untuk menduduki badan-badan antara-bangsa mengenai hal-ehwal "human rights" dan sebagainya. Dosa tunggal mereka yang ditangkap—ditahan ialah oleh kerana mereka tidak bersetuju dengan Kerajaan dan mereka berani dan mereka 'care enough', dengan izin, untuk menyuarakan, membangkitkan isu-isu tertentu.

Adakah tindakan itu satu tindakan penjenayah? Bukan! Mereka hanya mengamalkan tanggungjawab berperlembagaan, mereka hanya mengamalkan hak asasi mereka. Kenapakan mereka berbuat demikian? Kerana mereka mencintai negara kita dan mahu menjadikan Malaysia sebagai suatu negara yang lebih baik. Dalam suatu peribahasa Bahasa Malaysia berbunyi seperti berikut:

Bertelau-telau seperti panas di belukar, mereka ditangkap,

Dan ayam putih terbang siang,

Hinggap di halaman,

Terang kepada orang ramai.

Mereka tidak bersalah tetapi mengapakah mereka ditangkap. Sebenarnya mereka belum dibuktikan bersalah.

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu bangun.

Tuan Sim Kwang Yang: Satu gangguan yang terakhir. Okay.

Tuan Zubir bin Embong: Itu peribahasa apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching, tolong beritahu peribahasa itu Bahasa Melayukah atau bahasa Cinakah atau bahasa Indiaukah?

Tuan Sim Kwang Yang: Kalau dia tak tahu pergi balik belajarliah. Saya tak ada masa menjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, mereka ditahan sudah menjadi "sacrificial lamb", dengan izin, kepada masalah UMNO dan cara mereka ditahan, ditangkap amatlah memalukan kepada negara kita. MP diburu, hunted down like wild animal, Tuan Yang di-Pertua. Pada waktu larut malam, pada pukul 3.30 pagi dalam kes Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya: begitu banyak policemen datang dalam tiga buah kereta, melompat dinding keluar, jumping. Seolah-olah seperti mereka memburu seorang penjenayah yang jahat dengan M16 "Rambo style". Ini salah!

Kalau pihak Polis tidak menghormati orang itu sebagai individu, sekurang-kurangnya menghormati orang yang ditangkap—ditahan itu sebagai Wakil Rakyat dalam institusi Parlimen ini yang terhormat, yang termulia.

Di samping itu seorang Setiausaha Parlimen pun ditangkap pada pintu keluar Parlimen ini. Ini satu tindakan yang tidak wajar sama sekali dan apabila mereka ditahan, mereka dihantar ke "solitary confinement", Tuan Yang di-Pertua, dalam satu bilik penjara yang kecil 20 x 6 kaki sahaja. Mereka diberi tindakan sebagai disorientation of space and time, dengan izin. Mereka tidak tahu apakah masa itu, mereka di mana tempat, seolah-olah mereka penganas komunis. Mahu break them, break their will supaya mahu sain "confession". Ini salah!

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, masa Ahli Yang Berhormat sudah habis.

Tuan Sim Kwang Yang: Okay, saya gulungkan, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Dan tindakan pihak Kerajaan untuk menarik balik lesen tiga buah suratkhobar; *Sin Chew Jit Poh, The Star dan Watan* pun tidak wajar dan kalau wajar pun mahu mempertahankan hak-hak Ahli Yang

Berhormat dari Barisan Nasional, termasuklah Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas. Saya tak bersetuju dengannya, dia selalu mengemukakan pandangan pelampau, tetapi untuk meminjam satu ayat daripada seorang pakar falsafah dari Peranchis, Voltaire yang berbunyi seperti berikut:

"I may disagree with him (Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas), but I will defend to the death his right to say his piece."

Oleh yang demikian, tahanan di bawah ISA tidak perlu. Kalau dia bersalah, tuduh dan hadapkan beliau ke mahkamah di bawah Seditious Act ataupun lain-lain Act. Dan yang terakhir saya ingin mengemukakan tiga cadangan sebagai menggulung:

- (1) Membiarkan *Sin Chew Jit Poh, The Star dan Watan* untuk mencetak semula, khususnya mengenangkan 1,500 orang-orang yang digaji ketiga-tiga suratkhobar itu; dan mereka adalah pihak yang tidak berdosa. Janganlah mereka menderita daripada tindakan kejam ini. Itu cadangan pertama;
- (2) Mereka yang ditahan itu dibebaskan dengan serta merta, dengan secepat mungkin. Kalau perlu hadapkan mereka ke mahkamah;
- (3) Apabila mereka ditahan, hendaklah memberi layanan yang "humane" kepada mereka supaya mereka tidak diberi solitary confinement ataupun mereka dinafikan lawatan oleh isteri-isteri dan sebagainya.

Inilah ketiga-tiga cadangan yang saya hendak kemukakan kepada Dewan yang mulia ini. Dan sebagai kesimpulan, saya ingin menyuarakan tidak ragu-ragu sama sekali bantahan pihak DAP dengan sekeras-kerasnya

terhadap tahanan dan tangkapan semua orang ini, termasuklah Ahli Yang Berhormat dari UMNO dan MCA. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Shah Alam.

4.11 ptg.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman (Shah Alam): Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, setelah lebih daripada seminggu Anggaran Belanjawan 1988 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, berbagai pendapat telah kita sama-sama dengar, berbagai reaksi telah kita dapat bersama-sama dari Ahli-ahli Yang Berhormat atau orang awam dan dengan itu saya juga ingin menyuarakan pendapat saya dalam membahaskan Anggaran Belanjawan ini.

Dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan semasa membentangkan Anggaran Belanjawan 1988, beliau telah menekankan keperluan untuk mengatasi, (resolve), dengan izin, masalah pokok yang dihadapi oleh negara hari ini dan menyeru supaya kita meningkatkan usaha dan commitment bagi memperbaiki kenaikan taraf ekonomi yang lembap hari ini.

Yang Berhormat Menteri itu telah mengenal pasti masalah pokok atau asas iaitu pertumbuhan ekonomi yang tidak memuaskan. Soal pengangguran dan kedudukan kewangan sektor awam yang begitu strain, dengan izin. Beliau menekan peri mustahaknya bagi sektor awam melabur dan mengambil peluang dengan cergas kepada insentif yang wujud supaya dapat mewujudkan pekerjaan dan tercapainya peningkatan ekonomi dari tahap 2.4% dalam tahun 1987.

Walaupun keadaan kewangan sektor awam pada tahun 1987

telahpun meningkat, Kerajaan terus berpendapat bahawa masalah itu masih lagi tidak memuaskan; apatah lagi dengan jumlah pengangguran dijangka bertambah 9.4% dalam tahun 1988. Strategi Anggaran Belanjawan 1988 adalah untuk:

- (1) Memperkukuhkan proses memulih keadaan ekonomi melalui penggalakkan pertumbuhan dan mewujudkan pekerjaan;
- (2) Meningkatkan efisyensi perindustrian;
- (3) Memperbaiki kedudukan kewangan sektor awam.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini saya tidak mahu menyentuh banyak perkara tetapi saya ada dua tiga perkara yang saya fikir belum lagi disentuh. Yang ini sudahpun ada yang bercakap iaitu excess profit tax, dengan izin.

Menyentuh berkenaan dengan cukai kelebihan hasil sebanyak 3%. Mengikut ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, penghapusan cukai kelebihan hasil akan mengakibatkan Kerajaan kehilangan sumber hasil sebanyak \$150 juta. Kenyataan implikasi kerugian hasil jelas menunjukkan bahawa cukai lebihan hasil sebanyak 3% yang pernah dikenakan adalah tertumpu kepada segelintir syarikat sahaja. Dan oleh itu, faedah dari penghapusan cukai tersebut adalah terbatas. Dan penghapusan cukai lebihan hasil hanya akan dinikmati oleh syarikat-syarikat yang pernah atau yang berkeupayaan membayar cukai tersebut. Jika strategi utama Belanjawan 1988 ialah untuk menggalak dan mempertingkatkan penyertaan sektor swasta sebagai catalyst, dengan izin, dalam pertumbuhan ekonomi dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan.

Memandangkan kadar pengangguran dijangka meningkat ke tahap 9.4%, saya berpendapat adalah lebih wajar dan pragmatik bagi Kerajaan menurunkan cukai syarikat (corporate tax). Kadar cukai syarikat di Malaysia sebanyak 45% adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan 18% di Hong Kong, 33% di Singapura dan 40% di Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang dasar penswastan. Saya menyokong dasar penswastan yang mempunyai antara objectifnya:

- (1) Mengurangkan bebanan kewangan dan pentadbiran Kerajaan;
- (2) Memupuk persaingan, mempertingkatkan kecekapan dan produktiviti;
- (3) Menggalakkan keusahawan sektor swasta dan mempercepatkan kadar pertumbuhan ekonomi;
- (4) Mengurangkan saiz dan penglibatan sektor awam dalam ekonomi;
- (5) Mencapai matlamat Dasar Ekonomi Negara.

Namun demikian, walaupun objektif-objektif yang digariskan begitu elok sekali, saya berpendapat perlaksanaannya adalah amat kurang memuaskan dan kadang-kadang tersimpang dari objektif yang disenaraikan.

Sebagai contoh yang pertama, apakah perkhidmatan atau aktiviti Kerajaan yang sepatutnya diswastakan. Dalam hal ini saya yakin Unit Perancang Ekonomi yang bertanggungjawab melaksanakan penswastan adalah sebanyak sedikit confused, denga izin. Dalam satu kertas kerja Unit Perancang Ekonomi yang dibentangkan di Asian

Development Bank Conference di Manila pada bulan Februari 1985 terdapat kenyataan seperti berikut:

“That the Government should be responsible for the provision of public goods. An example of public goods are education, hospital, highways, police and national defence.”

Highway atau Lebuhraya dikatakan barangan awam. Tetapi Lebuhraya Utara/Selatan yang diswastakan. Hospital dikatakan barangan awam tetapi Hospital Lady Templer telah diswastakan tetapi akibat ketidakcekapan pengurusan swasta yang mengendalikannya Hospital Lady Templer kini dikembalikan kepada Kerajaan dengan kos yang orang ramai tidak akan tahu.

Pertahanan negara dikatakan barangan awam serta keselamatan negara. Tetapi kini terdapat perbincangan untuk menswastakan Lumut Naval Dockyard dan Pentadbiran Penjara. Apa yang terjadi ini? Lain yang dicakap lain pula yang berlaku.

Yang kedua, sehingga hari ini dasar penswastan adalah didorong oleh prinsip atau priority kepada sesiapa yang dapat mengemukakan cadangan atau proposal untuk menswastakan mana-mana perkhidmatan atau aktiviti yang ingin diambil alih. Cara sedemikian adalah tidak adil dan corak pemilihan projek untuk diswastakan yang tidak baik dan berprinsip kerana hanya segelintir manusia yang mempunyai access, dengan izin, kepada maklumat mengenai perkhidmatan aktiviti Kerajaan sahaja berkeupayaan untuk mengemukakan cadangan-cadangan.

Contohnya, kes penswastan Pelabuhan Tanjung Bruas baru-baru ini oleh Unit Perancang Ekonomi. Akibat tidak berkepekaan kepada keadaan yang ada iaitu terdapat empat syarikat tempatan stevedoring

Bumiputera yang buat masa ini mengendalikan kerja-kerja stevedoring di Tanjung Bruas. Sebanyak empat syarikat bumiputera dan seramai 200 pekerja akan kehilangan sumber rezeki.

Ketiga, Tuan Yang di-Pertua, persaingan adalah kunci kepada mencapai kecekapan, dan oleh itu, penswastaaan, perkhidmatan aktiviti Kerajaan perlu dibuat dalam suasana persaingan. Pemulihan syarikat-syarikat untuk mengendalikan perlu dibuat secara tender dan bukan secara senyap-senyap, disembunyi di bawah perlindungan perkataan rahsia yang dicatatkan dalam fail merah Kerajaan atau atas prinsip "first come, first served". Prinsip sedemikian akan menjadi dasar penswastaaan sebagai mekanisme di mana ganjaran diberi kepada penyokong-penyokong orang-orang tertentu sepertimana Lesval mendefinisikan "Politics—Who get what, when and how", dengan izin.

Keempat, dasar penswastaaan sepatutnya tidak mewujudkan perubahan dari public monopoly kepada private monopoly, dengan izin. Sekiranya private monopoly berlaku, ia mungkin menjejaskan kepentingan awam terutama dalam menswasta public goods, seperti air, bekalan elektrik dan perkhidmatan telefon.

Kelima, dasar penswastaaan merupakan satu kaedah membiayai projek-projek pembangunan Kerajaan dengan menjual aset-aset Kerajaan. Kaedah membiayai ataupun financing, dengan izin, adalah bukan satu cara yang efficient untuk menguruskan sumber Kerajaan iaitu sebenarnya sumber orang ramai. Kita akan menjualkan perkhidmatan aktiviti yang menguntungkan seperti perkhidmatan Kontena di Lembaga Pelabuhan Kelang kepada syarikat swasta. Cara sedemikian seolah-olah menggadaikan masa depan negara kita

demi untuk menyelesaikan masalah kewangan negara, kerana akan kehilangan aset-aset yang penting dan lumayan kepada kita. Dalam soal ini dasar penswastaaan yang dikatakan akan menghasilkan revenue kepada Kerajaan dari segi corporate tax ke atas hasil dan pembayaran royalti. Di sini saya ingin memohon penjelasan dari Yang Berhormat Menteri Kewangan apakah kutipan royalti yang diperolehi dari TV3? Apakah formula yang dipersetujui dalam pengiraan royalti? Apakah syarat-syarat lain yang dipersetujui dalam mengendalikan penyiaran TV perdagangan ini?

Tuan Yang di-Pertua, ada seperkara lagi yang saya fikir walaupun ada beberapa rakan saya telah menyebutkan, tetapi rasanya terkilan bagi saya kalau saya tidak menyuarakan pada hari ini. Asas Perlembagaan Malaysia mengenai hak kebebasan akhbar berkisar di sekitar Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Beberapa bab dalam Perkara 10 inilah yang menjadi asas kepada kebebasan akhbar di negara ini. Perkara 10 itu yang berbunyi kebebasan bercakap, berhimpun dan menubuh persatuan. Bab 1 (a) dalam Perkara 10 ini ada menyebut tiap-tiap warganegara adalah berhak, bebas bercakap dan mengeluarkan fikiran. Dan lingkungan perkara inilah kebebasan akhbar itu sebenarnya ditakrifkan.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada peruntukan khusus atau explicit mengenai kebebasan akhbar dalam Perlembagaan kita. Seperti yang kita semua maklum walaupun kebebasan itu ada, tetapi empat perkara yang menjadi kepentingan ialah keselamatan atau ketenteraman awam tidak terlepas daripada kebebasan itu. Keempat-empat perkara itu ialah kedudukan Raja-raja Melayu, hak istimewa orang Melayu dan rakyat

keturunan asal di Sabah dan Sarawak, Kerakyatan dan kedudukan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan. Isu-isu sensitif ini mendapat perlindungan daripada bahagian 3 Perlembagaan seperti di bawah Perkara 152, 153 dan 181. Walaupun Perkara 10 (a) menjamin kebebasan akhbar di Malaysia, tetapi undang-undang biasa, ordinary laws seperti Akta Percetakan dan Penerbitan 1984, Akta Hasutan 1984, Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Pindaan) 1986 sedikit sebanyak mengancam kebebasan itu.

Satu perkara yang menarik di bawah Akta Percetakan dan Penerbitan 1984 ialah permit atau lesen yang diberikan oleh Menteri Dalam Negeri boleh diletakkan di bawah satu tempoh. Umpamanya, hanya untuk 12 bulan atau jangka masa lebih pendek sama ada melalui pergantungan atau pembatalan mengikut Seksyen 12 (1). Untuk menggantung atau membatalkan permit, Menteri berkuasa berbuat demikian, interalia, dengan izin, jika beliau berpuas hati bahawa sebarang percetakan untuk penerbitan atau akhbar didapati mempunyai bahan-bahan atau maklumat bersifat prejudice kepada ketenteraman awam atau keselamatan negara iaitu di bawah Seksyen 13 (1).

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini rakyat, termasuk saya dan mungkin rakan-rakan saya yang lain tahu sebab sebenarnya tiga akhbar tempatan sudah dibatalkan lesen mereka. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hanya mengatakan beberapa akhbar dan majalah sengaja menokok tambah hasutan-hasutan ini untuk memperluaskannya kepada seluruh rakyat. Saya ingin bertanya apakah tiga akhbar itu sengaja yang menjalankan kerja menokok-tambah ini yang melaga-laga antara pemimpin dengan yang dipimpin. Betulkah beberapa akhbar Melayu seperti

Berita Harian, Utusan Melayu, Utusan Malaysia dan akhbar berbahasa Inggeris seperti *New Straits Times* tidak menokok tambah?

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun, Yang Berhormat!

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Tidak payahlah, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk Yang Berhormat dari Tanah Merah. Sila teruskan.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Terima kasih. Apakah akhbar berbahasa Inggeris seperti *Straits Times* tidak menokok-tambah dalam banyak perkara untuk menyedapkan berita mereka? Ruang khusus di akhbar-akhbar tertentu, ruang pojok, rencana pengarang sering mengulas pedas walaupun di muka hadapan ada ayat-ayat Al-Quran untuk renungan supaya jangan bersifat hasad dengki, hasut-menghasut, fitnah-memfitnah. Tetapi penulis yang bergelar Kamikaze, Si-Kitol atau Abu Zar dalam akhbar berbahasa kebangsaan sudah awal-awal lagi mengeruhkan suasana dan perhubungan bukan sahaja Melayu dengan bukan Melayu, tetapi antara Melayu dengan Melayu, khususnya antara ahli-ahli UMNO. Apakah sebagai akhbar yang rata-rata diketahui orang bahawa UMNO yang mempunyai saham besar membiarkan akhbar itu memecah-belah sesama sendiri, boleh pula dikecualikan dari pembatalan permit.

Saya dukacita, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini berlaku.

Akhbar merupakan penghubung di antara Kerajaan dan rakyat dan sebaliknya hari ini sudah tidak dapat memainkan peranan ini dengan sepenuhnya kerana mungkin dikuasai

oleh orang-orang tertentu yang mengarahkan penulisan menyala-nyalakan perkauman dan kurang menekankan kepada perpaduan. Selepas Akta Rahsia Rasmi diluluskan di Parlimen, kita dapati pihak akhbar dan para wartawan begitu berhati-hati, malah oleh kerana terlalu berhati-hati hampir tidak ada langsung dikeluarkan kritik-kritik terhadap pemimpin-pemimpin serta kelemahan agensi-agensi Kerajaan, juga pelaksanaan pentadbiran Kerajaan.

Berikutan dengan ini kita berfikir masalah dengan akhbar tentu sudah selesai. Tidak ada lagi kritik, semua "bagus" top, everything is okay", dengan izin. Jadi kita memikirkan sudah tidak ada masalah di dalam negara ini tetapi bila kita menyebut kita manusia, maka ia tetap manusia. Ia mencari jalan keluar yang lain, mengatasi sekatan ini. Jalan yang dicari ialah memuja dan memuji pemimpin-pemimpin tertentu pula. Pada pendapat mereka inilah jalan yang paling selamat sekali. Oleh kerana terlalu ghairah memuji dan memuja, mereka terlupe yang mereka sudah terlebih puji kepada seseorang pemimpin tertentu sahaja dan terlupe pula ataupun sengaja dilupakan untuk memberikan publisiti kepada pemimpin-pemimpin yang lain yang juga dipilih oleh rakyat. Amalan berat sebelah ini adalah gejala kurang sihat dalam dunia kewartawanan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bolehkah gulung? Masa sudah cukup.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Terima kasih. Malang sekali, Tuan Yang di-Pertua, kita kongkong, kita desak, kita tahan, mereka wartawan-wartawan tempatan menulis perkara-perkara yang ada kepentingan kepada rakyat negara ini, tetapi wartawan luar bebas menulis.

Di dalam beberapa hari ini, dua hari sudah akhbar luar negeri menulis

cerita yang kita sendiri tidak tahu, kerana akhbar-akhbar di sini sudah ada tekanan-tekanan ini. Maka akhbar-akhbar luar negeri menulis. Bagaimanakah perasaan kita sekarang sebagai wakil-wakil Rakyat? Apakah kita mesti mendiamkan perkara ini? Saya berharap pihak-pihak tertentu pula menjadikan suasana pembatalan lesen kepada ketiga-tiga akhbar itu untuk menambah kepentingan perniagaan mereka di bidang persuratkhabaran. Hendaklah jangan ada pihak yang akan menanggung di air yang keruh berkaitan larangan penerbitan ke atas akhbar-akhbar itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus sedar larangan penerbitan kepada tiga akhbar-akhbar itu bukan menyebabkan pemegang saham menanggung kerugian. Kalau rugi pun, mungkin tidak banyak tetapi kesan yang lebih buruk lagi ialah kepada pekerja-pekerja yang tidak berdosa termasuk wartawan-wartawan yang pernah menginterview Menteri-menteri, Timbalan-Timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Parlimen, Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk saya. Yang hanya menjadi khadam dikenakan tahanan.

Adalah jelas bahawa kedudukan kebebasan bercakap dan mengeluarkan fikiran itu sebenarnya masih samar-samar dan, dengan izin, vague dalam keadaan sekarang ini. Dari segi undang-undang pula membabitkan kebebasan akhbar dan kebebasan bercakap memerlukan satu penyelidikan atau pemeriksaan bersungguh-sungguh demi memperolehi kebebasan sebenar dan penjelasan secukupnya sama ada melalui Perlembagaan atau peruntukan di bawah Akta Percetakan dan Penerbitan 1984.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini, akhir sekali, api sebagaimana juga dadah, kita mesti cegah sebelum parah. Tetapi soalnya, mengapakah

pihak berkuasa keselamatan tidak mencegah akhbar-akhbar tersebut sebelum ia menjadi begitu bahaya dengan memberikan amaran-amaran keras kepada ketua-ketua di akhbar tersebut dan sekiranya mereka engkar, ketua-ketua itu ditahan terlebih dahulu di bawah ISA. Kita yakin tidak semua wartawan akhbar tertentu yang diarahkan oleh Kerajaan agar ditutup itu melakukan kesalahan. Malahan paling tinggi 1-2 orang sahaja. Maksud saya, menahan 2 atau 3 orang yang bertanggungjawab dan akhbar berkenaan tidak payah ditutup. Bila sesebuah akhbar ditutup melibatkan begitu ramai keluarga para wartawan dan pekerja akhbar itu yang menderita. Cadangan ini adalah langkah awal sebelum api menjadi besar. Bila api sudah besar, saya pun bersetuju ditutup terus.

Isu penutupan akhbar di negara kita dieksploitasikan oleh musuh-musuh luar kita dan dikaitkan dengan situasi sekarang yang kononnya sangat gawat. Mereka mentafsirkan "freedom of the Press", dengan izin, sudah hancur di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta gulung ya!

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Tiga minit lagi. Saya mencadangkan ditubuh segera satu jawatankuasa yang dianggotai oleh pakar-pakar di dalam Parlimen ini untuk mengkaji kebebasan akhbar di negara ini dan sejauh manakah dasar liberal Kerajaan terhadap akhbar disalahgunakan. Jawatankuasa ini selain dari terdiri dari Ahli-ahli Parlimen yang mengetahui selok-belok akhbar dan kewartawanan, hendaklah dianggotai sama oleh tokoh-tokoh akademik, tokoh-tokoh wartawan dan beberapa golongan profesional yang lain. Tugas jawatankuasa ini ialah mengkaji dan memberikan pengesyoran mengenai di peringkat manakah amalan yang

sedang dijalankan oleh akhbar sekarang dan pada masa yang sama pula mengesyorkan pihak pemerintah agar mengetatkan skru-skru yang longgar sehingga boleh menjejaskan negara dan begitu juga mengesyorkan untuk melonggarkan mana-mana skru yang terlalu ketat yang mungkin boleh mendatangkan kesan tindak-balas yang negatif jika tidak disesuaikan.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Padas.

4.37 ptg.

Datuk Kadoh Agundong (Padas): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut mengambil bahagian di dalam perbincangan Belanjawan tahun 1988 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini iaitu pada 23-10-1987.

Pada tahun ini Persekutuan Malaysia telah mencapai usia yang ke 24 tahun. Sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat, kita telah mencapai kemajuan yang agak menggalakkan terutama sekali di bidang politik dan sosio-ekonomi. Dari segi kemajuan ekonomi misalnya, kita telah menikmati kadar pertumbuhan ekonomi antara yang tertinggi di rantau ini dalam jangka masa 15 tahun—jangka masa Rancangan Malaysia Kedua hingga Rancangan Malaysia Keempat.

Ekonomi Malaysia telah bertumbuh pada kadar 7% setahun. Dalam masa 2 tahun ini sememangnya adalah tahun-tahun di mana ekonomi kita meleset tetapi pengalaman ini bukanlah satu hal yang unik bagi Malaysia sahaja. Pada masa ini hampir ke semua negara di dunia merasakan kesan kemelesetan yang menyeluruh ini. Kejayaan negara kita dalam ekonomi digambarkan dengan jelasnya dari pencapaian kadar ekonomi dalam Dasar Ekonomi Baru.

Rancangan Malaysia Kelima menunjukkan bahawa pencapaian Dasar Ekonomi Baru dalam membasmi kemiskinan adalah yang menggalakkan dan kejayaan yang boleh dibanggakan juga berlaku dalam menyusun semula masyarakat kecuali pada masalah ketidakseimbangan pendapatan yang bertambah buruk dalam beberapa tahun yang kebelakangan ini. Misalnya, bagi Semenanjung Malaysia kadar kemiskinan telah menurun dengan jelasnya dari 49.3% pada tahun 1970 kepada 18.4% pada tahun 1984. Dalam jangka masa tahun 1970-1984, pendapatan minimum yang diterima oleh bumiputera dalam angka sebenar telah meningkat kepada kira-kira 30%. Pendapatan minimum sebenar bagi golongan bumiputera sebagai purata pendapatan isi rumah negara sebulan telah meningkat dari 65% iaitu kira-kira \$172 kepada 78% (\$384) dalam jangka masa yang sama. Ini menunjukkan pencapaian yang menggalakkan.

Dari segi kestabilan politik pula, kita digolongkan sebagai negara yang stabil di rantau ini. Ini adalah disebabkan oleh pucuk pimpinan yang ada pada negara kita sekarang dan juga kejayaan konsep Barisan Nasional dalam Kerajaan. Sesungguhnya kestabilan politik di Malaysia telah menyebabkan pertumbuhan ekonomi yang memuaskan pada tahun selepas 1970an. Hasil kestabilan politik yang telah dialami oleh negara, kerjasama dan persefahaman antara kaum, toleransi keagamaan dan interaksi budaya di kalangan kumpulan-kumpulan ethnic di Malaysia telah berkembang-dan maju ke tahap yang boleh dibanggakan oleh semua rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, penelitian yang telah saya buat itu telahpun diketahui umum terutama bagi mereka yang menghargai kesusahan

dalam membentuk sesebuah negara. Kita tahu bahawa proses membentuk negara itu adalah tugas yang berat. Proses pembentukan negara tidak berakhir dengan lahirnya sebuah negara sahaja. Proses ini tidaklah seperti sungai yang ada hulu dan hilirnya. Pembentukan negara adalah satu proses yang tidak ada akhirnya dan penglibatan dalam pembentukan itu adalah janji untuk kebahagiaan hari esok.

Dalam masa kita dan rakyat memandang ke hadapan untuk kebahagiaan hari esok, kita menyedari dan memahami bahawa terdapat banyak cabaran yang perlu dilalui oleh negara kita. Dalam masa yang suntuk ini, saya cuba ingin menekankan beberapa masalah dan cabaran tersebut. Walau bagaimanapun saya ingin menitikberatkan masalah-masalah dan cabaran-cabaran yang berhubung kait khasnya dengan pembangunan sosio-ekonomi negeri Sabah, masalah pendatang haram dan isu integrasi nasional.

Cabaran pertama ialah berhubung dengan tugas untuk membasmi kemiskinan. Seperti yang telah saya katakan di awal tadi, secara keseluruhan, Malaysia telah berjaya membasmi kemiskinan terutama di Semenanjung pada tahun 1976, 1980, 1984 adalah 36.90%, 29% dan 18.4%. Pada masa yang sama kes kemiskinan di Sabah adalah 58.3%; 41.1%; dan 33.1%. Secara keseluruhannya, perbezaan pada kadar yang tinggi dalam kemiskinan di Sabah adalah jelas jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia. Kadar ini lebih teruk lagi jika kita meneliti fenomena ini di sektor bandar dan luar bandar.

Pada tahun 1984, kemiskinan di sektor bandar dan luar bandar di Semenanjung adalah 8.2% dan 24.7%, sementara Sabah adalah 15.9% dan 36.1%. Angka ini

menunjukkan bahawa ketidakseimbangan pendapatan adalah lebih serius di Sabah dibandingkan dengan Semenanjung. Ini adalah akibat dari wujudnya sektor luar bandar yang kurang dibangunkan. Keadaan kemiskinan di Sabah jelas memerlukan lebih banyak usaha untuk mengenal pasti masalah ini. Penyelesaian kepada masalah ini memerlukan pelaksanaan program-program pembangunan luar bandar yang pelbagai dan dirancang dengan sempurna. Kerajaan Negeri Sabah berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana memberikan peruntukan dan grant sebanyak \$986.24 juta untuk pembangunan pertanian dan pembangunan luar bandar dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Pada hakikatnya ini mencerminkan kesediaan dari pihak Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat luar bandar di Sabah. Tetapi jika dilihat dengan lebih dekat lagi berkenaan dengan peruntukan tersebut, ianya telah melahirkan masalah yang lain lagi. Peruntukan menunjukkan bahawa dari sejumlah \$986.24 juta, lebih kurang 83% iaitu \$823.26 juta adalah peruntukan bagi FELDA untuk pembangunan dan pemuliharaan tanah di Sabah. Bagi Kerajaan Sabah ini adalah peruntukan yang kurang berkesan kerana kita tidak seharusnya mengisikan kepentingan mereka yang memerlukan pembangunan insitu atau pembangunan desa yang sedia ada yang lebih diperlukan dalam konteks negeri Sabah.

Sebenarnya jumlah yang akan mendapat faedah dari FELDA dengan jumlah peruntukan yang begitu besar adalah begitu sedikit dibandingkan dengan jumlah rakyat yang boleh dibantu sekiranya wang sebanyak itu digunakan untuk membantu penduduk desa yang sedia ada dengan cara memberi projek-projek

pembangunan dan penyusunan semula kampung-kampung terpencil. Masalah-masalah seperti ini berlaku kerana kegagalan pembuat-pembuat dasar dan perancangan di peringkat Kerajaan Persekutuan dalam memahami dan melihat keunikan masalah sosio-ekonomi yang wujud di sektor luar bandar di Sabah. Di masa akan datang Belanjawan Persekutuan akan dapat digunakan secara lebih berkesan sekiranya para perancang di Kuala Lumpur dapat memahami dan menghargai ciri-ciri unique persekitaran luar bandar di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membincangkan mengenai perkembangan sosio-ekonomi di negeri Sabah, saya ingin membawa perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada soal perkembangan keadaan kesihatan di Sabah. Memang tidak boleh dinafikan yang mutu dan penggunaan perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan terdapat di Sabah pada masa kini telah mencapai satu tahap yang dapat dibanggakan jika dibandingkan dengan tahun awal 60an. Pencapaian ini dapat dilihat daripada statistik-statistik yang pernah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Contohnya, dalam tahun 1983, kadar kematian kasar, crude death rate, dengan izin, di Sabah adalah 5.7% tetapi dalam tahun 1985 kadar ini telah turun kepada 4.1%. Begitu juga dengan kadar kematian, bayi, infant mortality rate, dengan izin, telah berkurangan daripada 49% dalam tahun 1983 kepada 16.8% dalam tahun 1985.

Dari aspek pembangunan infrastruktur kesihatan, Sabah telah memperolehi peruntukan daripada Rancangan-rancangan Malaysia untuk mempertingkatkan dan memperluaskan kemudahan-kemudahan kesihatan. Kerajaan Negeri melalui Yayasan Sabah juga telah memainkan peranan-peranan terhadap perkembangan sektor kesihatan dengan mengadakan

perkhidmatan doktor udara yang telah membawa manfaat kepada penduduk-penduduk luar bandar di kawasan pedalaman. Selain dari perkhidmatan doktor udara, Yayasan Sabah juga mengadakan perkhidmatan ambulans yang bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan bantuan kemalangan dan kecemasan yang cekap yakni perkhidmatan 24 jam sehari.

Walaupun terdapat pencapaian di dalam mutu kesihatan, Sabah masih dianggap sebagai sebuah negeri yang paling kurang membangun dari segi kemudahan kesihatan jika dibandingkan dengan negeri lain di Semenanjung. Kenyataan ini dapat digambarkan oleh statistik-statistik berikut:

Dalam tahun 1985, tahun akhir Rancangan Malaysia Keempat, Sabah menduduki tempat yang paling rendah di Malaysia dari segi bilangan doktor iaitu 1.6% bagi tiap-tiap penduduk.

Dalam tahun yang sama menduduki kedua tertinggi selepas Kelantan dari segi kadar kematian bayi iaitu 22.7% bagi tiap-tiap 1,000 penduduk.

Dari segi kadar kematian kanak-kanak, Sabah menduduki tempat ketiga tertinggi selepas Kelantan dan Terengganu iaitu 2.2% bagi tiap-tiap 1,000 penduduk.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada statistik-statistik ini, izinkan saya menimbulkan masalah yang dihadapi oleh sektor perubatan di Sabah. Dalam usaha meningkatkan mutu kesihatan penduduk Sabah, satu masalah serius yang dihadapi ialah dari segi kekurangan tenaga kerja terutama sekali doktor dalam pakar-pakar perubatan. Mengikut laporan tahunan 1983-1984 yang dikeluarkan oleh

Kemendean Kesihatan Malaysia, nisbah doktor kepada bilangan penduduk Sabah adalah 1:6,763 penduduk dibandingkan kepada kadar purata nasional iaitu 1:3,888 penduduk. Jumlah doktor yang terdapat di Sabah pada akhir bulan September, 1987 adalah 145 orang.

Anggaran penduduk di Sabah pada masa kini adalah sebanyak 1.3 juta. Ini bermakna yang nisbah doktor kepada bilangan penduduk adalah 1:8,965 orang penduduk. Nisbah yang semakin meningkat ini sudah tentu akan menggugat usaha Kerajaan untuk mempertingkatkan mutu kesihatan di Sabah. Bilangan pakar-pakar perubatan di Sabah juga perlu ditambah. Terdapat 3 hospital besar di Sabah iaitu di Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau. Memandangkan kedudukan geography dan faktor yang ketiga-tiga hospital besar ini terletak di pusat-pusat bandar yang utama, mereka memerlukan pakar-pakar perubatan yang tersendiri untuk menampung keperluan rakyat.

Saya harap beberapa jawatan penting untuk pakar-pakar perubatan yang masih belum dipenuhi akan dipenuhi. Contohnya di Kota Kinabalu, jawatan untuk pakar kulit (skin specialist), dengan izin, masih kosong. Selain daripada ini, di Tawau dan Sandakan terdapat keperluan untuk Pathologist, Anaesthetist, pakar Radiologist dan pakar ENT (Ear, Nose and Throat). Berkaitan dengan keperluan-keperluan ini, saya ingin menekankan terhadap kepentingan-kepentingan untuk menyelaraskan kelayakan doktor-doktor Anaesthetist ini yang terdapat di Semenanjung dengan di Sabah. Di Sabah hanya terdapat satu pakar Anaesthetist dan oleh yang demikian pembantu-pembantu hospital yang tidak mempunyai pengalaman atau latihan yang mendalam terpaksa memainkan peranan ini. Hal seperti ini harus dielakkan memandangkan peranan

penting yang dimainkan oleh seseorang Anaesthetist semasa menjalankan sesuatu pembedahan.

Bersabit dengan kekurangan tenaga kerja di beberapa hospital daerah, adalah masalah perancangan polisi yang lemah. Satu contoh kelemahan perancangan ini di Sabah dapat dilihat Hospital Daerah Beaufort dan Keningau. Hospital Daerah Beaufort mempunyai sebanyak 150 katil dua bilik pembedahan dan alat-alat perubatan yang serba moden tetapi tidak terdapat pun seorang pakar pembedahan atau specialist untuk menggunakan kemudahan-kemudahan ini. Sementara Hospital Daerah Keningau di mana terdapat pakar-pakar perubatan terdapat pula masalah kekurangan alat-alat perubatan yang lengkap. Kebanyakan daripada alat-alat pembedahan merupakan alat-alat yang telah digunakan oleh pegawai-pegawai perubatan Australia selepas perang dunia kedua. Walaupun pada masa kini terdapat usaha untuk mempertingkatkan alat-alat perubatan oleh Jabatan Perubatan, kedua-dua contoh membayangkan kelemahan pada pihak pentadbir dalam merancang polisi tenaga kerja dan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi pekara yang ingin saya sentuh ialah berkenaan dengan kewangan yang telah diperuntukkan kepada negeri Sabah di bawah Rancangan Malaysia Kelima ialah jumlah asal yang telah diperuntukkan kepada negeri Sabah untuk membangunkan sektor perubatan dan kesihatan adalah \$65 juta. Malangnya jumlah ini kemudiannya telah dikaji semula dan dikurangkan kepada \$49 juta.

Pengurangan peruntukan ini sudah tentu akan menghadkan usaha untuk membangunkan sektor ini dan hal yang demikian adalah tidak adil memandangkan Sabah adalah negeri

yang paling mundur dari segi kemudahan kesihatan. Jika dibandingkan dengan jumlah yang telah diminta oleh negeri Sabah dalam Rancangan Malaysia Kelima iaitu \$284.2 juta untuk perbelanjaan "recurrent" dan pembangunan, peruntukan \$49 juta itu adalah amat kecil.

Di sini saya ingin menekankan bahawa Sabah harus diberikan pertimbangan-pertimbangan khas disebabkan oleh pembangunan infrastruktur yang kurang maju yang menyukarkan perhubungan terutama daripada kampung-kampung pendalaman kepada pekan-pekan. Oleh yang demikian di Sabah pembangunan kemudahan-kemudahan kesihatan seperti dispensari-dispensari, pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik untuk ibu-ibu dan kanak-kanak harus dibina untuk mempertingkatkan lagi mutu kesihatan di kawasan-kawasan luar bandar. Langkah ini adalah selaras dengan matlamat yang termaktub di dalam Rancangan Malaysia Kelima.

Selain daripada pembinaan kemudahan-kemudahan kesihatan di kawasan luar bandar, negeri Sabah masih memerlukan pembinaan sebuah hospital di Daerah Sipitang yang pada masa kini merupakan satu pusat pertumbuhan disebabkan oleh projek, dengan izin, pulp and paper mill. Daerah ini meliputi satu kawasan yang seluas 1,055 batu persegi dan rumah sakit yang terdekat adalah Beaufort yang terletak lebih kurang 1½ jam dengan kenderaan daripada Sipitang. Daerah Sipitang adalah 153 kilometer daripada bandar Kota Kinabalu. Memandangkan bahawa jumlah penduduk di Sipitang telah bertambah dengan begitu banyak sejak pembukaan pulp and paper mill, saya ingin merayu kepada Menteri Kesihatan supaya rancangan untuk pembinaan hospital di Daerah Sipitang diberi keutamaan.

Sebenarnya peruntukan pembinaan sebuah Hospital Daerah Sipitang yang berjumlah sebanyak \$6 juta telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Malangnya projek ini telah dibatalkan walaupun \$1.25 juta telah dibelanjakan untuk membersihkan kawasan seluas 16.2 hektar di kilometer 2, Jalan Merapoh dalam tahun 1981. Saya berpendapat permintaan untuk pembinaan Hospital Daerah Sipitang ini adalah berasas dan patut, memandangkan bahawa rancangan untuk pembinaan Hospital Daerah Tuaran yang juga telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Keempat telah pun ditarik balik dan digantikan dengan sebuah poliklinik dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Satu perkara yang berkait rapat dengan pembangunan infrastruktur kesihatan adalah mutu jalan raya yang terdapat khasnya di kawasan luar bandar Sabah. Jenis pengangkutan utama yang digunakan untuk membawa pesakit-pesakit dari kawasan pedalaman ke hospital daerah yang terdekat adalah dengan jalan raya. Memandangkan bahawa lebih 90% daripada jalan raya di kawasan luar bandar adalah, dengan izin, gravel dan dalam keadaan yang kurang memuaskan perjalanan ke rumah sakit sudah tentu akan menambahkan penderitaan si pesakit itu. Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk merayu kepada Menteri Kerjaraya untuk memainkan peranannya dalam meningkatkan lagi mutu kesihatan di Sabah dengan memajukan sistem perhubungan luar bandar Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, ingin juga saya menekankan di sini bahawa masalah kekurangan tenaga kerja dan kekurangan kemudahan kesihatan di Sabah bertambah buruk disebabkan oleh masalah pendatang-pendatang haram terutama sekali pendatang Filipina. Di Queen Elizabeth

Hospital, Kota Kinabalu sahaja didapati kira-kira 30% daripada pesakit-pesakit luar adalah daripada pendatang-pendatang haram. Pendatang-pendatang haram ini merupakan satu ancaman kesihatan kepada penduduk Sabah. Oleh itu kawalan ketat ke atas kemasukan dan keluaran mereka dari Sabah harus diambil untuk memastikan supaya mereka tidak membawa penyakit yang boleh berjangkit.

Di dalam masa yang lampau pendatang-pendatang haram ini telah menjadi, dengan izin, points of focus, tumpuan untuk berlakunya penyakit berjangkit seperti cholera. Oleh yang demikian, tidaklah dapat dinafikan bahawa sebahagian daripada penyakit-penyakit yang berjangkit adalah berpunca daripada pendatang-pendatang haram. Ini bererti bahawa pendatang haram bukan sahaja satu ancaman kepada kestabilan dan keselamatan negara tetapi juga kepada kesihatan penduduk-penduduk tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membincangkan soal pendatang haram, izinkan saya membawa ke hadapan untuk perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat masalah-masalah lain yang berkait dengan pendatang haram. Kami di Sabah menganggap penyelesaian bagi masalah ini sebagai satu cabaran yang besar yang dihadapi oleh Kerajaan PBS dan kami mahu agar penyelesaian kepada masalah utama ini dikongsikan bersama dengan Kerajaan Persekutuan.

Masalah pendatang haram di Malaysia ini sememangnya bukan baru dan sememangnya lebih ketara di Sabah. Rakyat dari negara-negara jiran telah memasuki negeri Sabah semenjak beberapa dekad yang lalu kerana para pemimpin politik sama ada di Sabah ataupun di Semenanjung pada mada lalu berkecenderongan untuk tidak mengambil indah masalah tersebut.

Pada masa ini masalah pendatang haram di Sabah telah mencapai proposi yang mencemaskan. Awal tahun ini dilaporkan bahawa terdapat 330,000 pendatang haram Indonesia di Malaysia yang mana 130,000 terdapat di Sabah. Anggaran rasmi bagi bilangan pendatang haram dari Filipina berbeza tetapi anggaran Kerajaan Negeri Sabah adalah antara 350,000 ke 400,000. Angka-angka ini bila dicampurkan, menunjukkan bahawa sekurang-kurangnya setengah juta pendatang haram berada di Sabah yang mana jumlah penduduknya hanya 1.2 juta orang dan bilangan ini bertambah dari hari ke hari disebabkan senangnya datang dan pergi bagi mereka.

Saya ingin menyatakan kepada sahabat-sahabat saya Yang Berhormat di Dewan ini bahawa kewujudan pendatang haram adalah suatu ancaman besar kepada keselamatan negara kita. Pendatang haram yang saya maksudkan ini warganegara asing yang tidak mempunyai pas perjalan dan pekerjaan yang sah di Sabah ialah meliputi pelarian dan pekerja asing yang tidak mempunyai permit bekerja yang sah yang terdapat dalam kerja-kerja ladang dan pembinaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sila gulung.

Datuk Kadoh Agundong: Saya cuba, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. . . . sama ada sebagai penjaga kecil atau setinggian yang tidak bekerja dan meminta sedekah.

Kenyataan bahawa pendatang haram adalah ancaman kepada keselamatan negara kita tidak perlu dihuraikan lagi. Kita perlu mengimbas kembali kejadian tahun 1985 di Lahad Datu bila 20 lanun berpakaian seragam hijau merompak bank dan mengakibatkan beberapa orang mati dan cedera teruk. Kadar jenayah di

kawasan bandar pesisir pantai dengan cepat telah meningkat di tahun-tahun kebelakangan ini dan terdapat bukti bahawa pendatang haram adalah terlibat. Terdapat pandangan bahawa lambat-laun pendatang haram di Sabah yang setakat ini belum diketahui jumlah sebenarnya akan menjadi satu ancaman kepada aturan dan kehidupan masyarakat dan ini pasti membahayakan keselamatan negara. Ia juga menjadi ancaman kepada bidang sosio-ekonomi kerana pendatang haram ini nampaknya merampas peluang pekerjaan di ladang-ladang, pembinaan dan perniagaan kecil-kecilan. Mereka juga menjadi beban dalam penyediaan kemudahan seperti perumahan, kesihatan dan pelajaran. Sudah lama masalah pendatang haram di Sabah diambil ringan oleh pemimpin-pemimpin politik di Semenanjung.

Saya juga ingin mengajak Ahli-ahli Dewan ini yang dihormati untuk mengunjungi kawasan persisir pantai di Sabah dan melihat bagaimana seriusnya masalah ini. Untuk sekian lama kita cenderung untuk menerima pandangan bahawa pendatang haram memberi sumbangan sedikit sebanyak dalam pembangunan ekonomi terutama semasa kemelesetan ekonomi di mana rakyat mencari peluang ekonomi yang lebih baik. Kita juga menerima tanpa persoalan bahawa pendatang haram diperlukan untuk meneruskan ladang-ladang. Kita seharusnya berhati-hati untuk tidak mengorbankan keselamatan negara kita hanya untuk mementingkan ekonomi jangka pendek.

Memandangkan betapa seriusnya masalah pendatang haram di Sabah ini dan juga memandangkan pada hakikatnya bahawa belum terdapat data-data yang lengkap mengenai kedudukan sosio-ekonomi dan jumlah pendatang haram yang sebenarnya, Kerajaan Negeri Sabah telah

mengambil keputusan untuk membuat satu kajian secara besar-besaran ke atas masalah ini. Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan butir-butir lengkap terhadap pendatang haram ini melalui satu usaha pendaftaran di seluruh Sabah. Data-data dan maklumat-maklumat yang diperolehi daripada kajian tersebut akan membolehkan Kerajaan Sabah untuk mengenalpasti strategi-strategi khusus bagi mengatasi masalah tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa cukup, Yang Berhormat.

Tuan Kadoh Agundong:
cadangan-cadangan polisi ini akan dikemukakan kepada Kerajaan Pusat kelak untuk tujuan pelaksanaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah cukup.

Yang Berhormat dari Tebrau.

4.58 ptg.

Puan Zainabon binti Abu Bakar (Tebrau): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian di dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 1988.

Dalam Kerajaan merancang untuk mencapai matlamat pertumbuhan ekonomi negara tahun hadapan, mengurangkan pengangguran yang kian meningkat dan mengukuhkan kedudukan kewangan negara, beberapa ketetapan telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang mana ada di antaranya akan menguntungkan dan ada juga yang akan merugikan sama ada pihak Kerajaan ataupun beberapa pihak yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, peranan pendidik dalam konteks memupuk perpaduan negara telah banyak dipersoalkan dan juga dibincangkan. Berbagai kursus, ceramah, konvensyen dan seminar telah diadakan untuk membincang serta menganalisa masalah perpaduan dan pendidikan. Juga begitu banyaknya usul-usul yang telah dicapai dikemukakan kepada pihak-pihak berkenaan untuk tindakan.

Secara umumnya saya berpendapat masyarakat negara ini mengetahui dan sedar bahawa segala matlamat dasar-dasar dan strategi-strategi negara adalah untuk menuju ke arah perpaduan nasional.

Negara kita juga kini mempunyai tahap perpaduan yang kukuh, tetapi perlu sentiasa berhati-hati untuk mencegah unsur-unsur negatif yang boleh membawa perpecahan. Di akhir-akhir ini perpaduan negara kian tergugat apabila beberapa gejala yang tidak sihat telah meresap dalam masyarakat yang perlu disekat dan dibanteras. Masih ramai rakyat kita yang berfikir secara sempit dan menganggap perpaduan kaum sendiri dan taat setia kepada kaum sendiri lebih penting daripada perpaduan dan taat setia kepada bangsa dan negara. Jika perkara ini dibiarkan dan tidak dibendung, lama kelamaan akan menimbulkan kesulitan bagi negara mencapai perpaduan nasional yang diharapkan.

Keadaan masyarakat sekarang menunjukkan kurangnya penghayatan terhadap aspirasi Rukunegara yang sepatutnya menjadi pedoman dan pegangan hidup rakyat Malaysia. Prinsip-prinsip Rukunegara menekankan matlamat perpaduan sebagai matlamat utama. Para penggubal prinsip Rukunegara seperti Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan rakan-rakan mereka daripada kaum-

kaum lain pada awal tahun 70an telah mengasaskan perpaduan nasional kepada 5 nilai utama yang penting dan ini termaktub di dalam Rukunegara.

Saya ingin cadangkan supaya Kerajaan menghidupkan semula semangat Rukunegara dan mengatitkan strategi serta program-program untuk memberi fahaman intisarinya, aspirasinya untuk menerapkan amalan prinsip-prinsipnya dan penghayatannya oleh segenap lapisan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin di sini menyentuh di atas tindakan Kerajaan menghapuskan cukai keuntungan berlebihan 3% bagi syarikat. Memang negara memerlukan pelabur-pelabur dalam semua bidang ekonomi dan dalam hal ini perlu memberi galakan dan kelonggaran bagi tanaman modal secara meluas di kalangan pengusaha-pengusaha tempatan dan dari luar negeri untuk mempercepatkan proses pemulihan ekonomi. Dari pelabur-pelabur asing, dengan penghapusan cukai keuntungan berlebihan, adalah diharapkan Kerajaan akan mengawasi supaya keuntungan berlebihan dari operasinya yang tinggal dalam akaun mereka tidak akan dipindahkan ke negara yang lain. Pada masa ini syarikat-syarikat diberi kebebasan dalam menentukan pulangan keuntungan melalui bayaran dividen kepada pemegang-pemegang saham syarikat yang tinggal di dalam mahupun di luar negara. Sebelum terikat dengan apa jua peruntukan, pelabur-pelabur kebiasaannya perlu membuat perancangan terperinci mengenai beberapa faktor-faktor yang ada kaitan dengan kejayaan atau kegagalan projek mereka. Oleh itu adalah mustahak Kerajaan meyakinkan mereka bahawa galakan kelonggaran dan syarat-syarat lain yang diberikan kepada mereka tidak akan berubah dari masa ke semasa, dari tahun ke tahun. Walaupun

Menteri-menteri bertukar-ganti, continuity dan consistency, dengan izin, mesti dikekalkan untuk keyakinan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di samping Kerajaan mengalu-alukan pelaburan besar-besaran dari luar negara, kita tidak seharusnya lupa tentang peniaga-peniaga sederhana dan yang kecil dalam negara. Dalam keadaan ekonomi yang bersembuh-pulih kebanyakan perusahaan yang timbul adalah secara sederhana dan kecil. Buat masa ini kadar-kadar cukai masih tinggi memandangkan masih banyak syarikat-syarikat tempatan di mana keuntungannya adalah di bawah paras setengah juta. Saya harap Kerajaan akan terus mengkaji dan mengurangkan had kadar cukai syarikat, kerana jika syarikat-syarikat tempatan dibebankan dengan cukai yang tinggi, dengan cara tidak langsung menjejaskan kemampuan pengusaha-pengusaha ini untuk membantu Kerajaan dalam mengurangkan pengangguran di negara ini. Selain dari meringankan beban-beban cukai, perusahaan sederhana dan kecil juga masih perlu galakan, bantuan dari segi modal pusingan, kemahiran, butiran pasaran dan lain-lain bantuan teknik dan sebagainya untuk terus maju dan berkembang.

Dalam hal ini, ingin saya cadangkan supaya Kerajaan menubuhkan satu pusat atau agensi untuk mengawasi dan membantu industri sederhana dan kecil di seluruh negara kerana dengan cara ini akan menyenangkan pengusaha-pengusaha mendapat keterangan perkhidmatan dan arah panduan dari Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, usaha Kerajaan untuk terus memberi perhatian terhadap pembangunan dan kemajuan negara, terutamanya kawasan-kawasan luar bandar yang masih dalam serba kekurangan

amatlah dipuji dan sesuai dengan keadaan masanya. Apa yang diharapkan jumlah peruntukan sebanyak 6,885,000,000 yang diluluskan untuk pembangunan akan diagihkan dengan adilnya kepada semua kawasan tanpa pilih kasih. Sehubungan dengan ini saya harapkan Kementerian dapat memberikan peruntukan yang secukupnya untuk pembinaan sebuah masjid baru di Masai dalam kawasan Parlimen Tebrau. Hal masjid ini adalah cerita lama. Semenjak 3 penggal pilihanraya, satu papantanda diletak oleh pihak Kerajaan di tapak masjid lama dengan perkataan "Tapak Masjid Baru Masai", tetapi sehingga sekarang jawapan yang diberi kepada permohonan dari wakil-wakil rakyat ialah permohonan pembinaan masjid baru tidak boleh dipertimbangkan. Memandangkan bilangan penduduk Islam di pekan ini kian bertambah dan masjid yang ada sekarang sudah uzur, bocor dan sebagainya, bagi pihak rakyat di kawasan Tebrau, saya harap Kerajaan akan dapat memberi pertimbangan yang positif terhadap perkara ini di tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh ke atas undang-undang mengenai rogol. Kebelakangan ini negara kita gempar dengan kejadian rogol yang mengancam setiap wanita, tua atau muda, gadis atau janda. Perangkaan jenayah rogol semakin meningkat dari tahun demi tahun dan kini jenayah rogol sedang menjadi satu penyakit sosial yang sukar diubati dan dibendung dalam masyarakat kita.

Pada masa ini sesiapa yang melanggar undang-undang mengenai rogol akan dihukum dengan hukuman maksima 20 tahun penjara dengan denda ataupun sebatan. Pelaksanaan hukuman di bawah undang-undang ini biasanya kurang berat dan biasanya penjenayah diberi hukuman 2 tahun hingga 7 tahun penjara dengan

sebatan. Sehingga ini banyak memorandum, perutusan, cadangan telah diutarakan dan disuarakan oleh pertubuhan-pertubuhan wanita di dalam negara ini dan juga kepada Kerajaan untuk mewajibkan pelaksanaan hukuman yang berat. Oleh itu saya berharap Kerajaan akan meminda undang-undang yang ada sekarang dan melaksanakan hukuman yang lebih berat secepat mungkin seperti menjatuhkan hukuman penjara yang minima selama 5 tahun dengan 5 sebatan. Jika kita tidak boleh melaksanakan hukuman di bawah undang-undang Islam untuk perogol iaitu direjam dengan batu sampai mati ataupun digantung sampai mati, kita haruslah meminda Kanun Kesiksaan supaya hukuman yang lebih berat dikenakan ke atas perogol, semoga ini akan mencegah jenayah ini berlaku dengan berleluasa.

Seperti pendapat rakan saya Yang Berhormat dari Kluang, saya juga berharap Kerajaan akan mengkaji semula dan mengubah ataupun membatalkan Evidence Act, 1950, Clause 155 (d), dengan izin, yang selalu digunakan dalam perbicaraan Mahkamah di mana keperibadian mangsa-mangsa disoal siasat dan mereka terpaksa menghadapi penghinaan seperti ini di hadapan orang ramai.

Selain dari meminda undang-undang rogol yang ada sekarang, Kerajaan perlu memperhebatkan lagi usaha-usaha mencegah kejadian rogol seperti mengarahkan setiap sekolah mengadakan rancangan-rancangan untuk tujuan mempelajari cara-cara mengelak dan mencegah dari kejadian-kejadian rogol, menasihati murid-murid agar sentiasa berwaspada terhadap jenayah ini, menyebarkan risalah-risalah yang lengkap mengenai kejadian rogol dengan menerangkan sebab-sebab jenayah ini berlaku supaya masyarakat sedar masalah ini

boleh berlaku di mana-mana sahaja, bukan di kawasan sunyi sahaja. Menubuhkan pusat-pusat perlindungan bagi mangsa-mangsa rogol, kerana mangsa-mangsa ini selalunya menghadapi tekanan perasaan dan sukar untuk mengawal diri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengalu-alukan tindakan Kerajaan untuk menghapuskan cukai ke atas peralatan dan bahan-bahan keperluan bagi kegunaan pesakit-pesakit buah pinggang. Hari ini bilangan pesakit yang mengidap sakit buah pinggang telah meningkat bilangannya. Dengan penghapusan cukai ini lebih ramai pesakit buah pinggang mampu membeli mesin dialysis, dengan izin, sendiri untuk kegunaan di rumah. Mesin dialysis yang berharga antara \$20,000-\$25,000 sungguh diperlukan kerana pesakit buah pinggang adalah sakit seumur hidup. Selain dari itu kos kendaliannya adalah tinggi di antara \$500-\$700 sebulan. Walau bagaimana pun dengan penghapusan cukai yang diberi, masih sebilangan sahaja yang mampu mendapat rawatan sepenuhnya dengan alat-alat yang dibelinya sendiri. Memandangkan pesakit buah pinggang memerlukan perbelanjaan yang besar untuk rawatannya, maka bagi mereka yang tidak berkemampuan terpaksa menanggung derita yang berpanjangan.

Mengikut keterangan Yang Berhormat Menteri Kewangan seramai 750 orang pengidap sakit buah pinggang tiap-tiap tahun, tetapi hospital-hospital Kerajaan hanya mampu memberi rawatan sepenuhnya kepada 170 orang sahaja dan keutamaannya diberi kepada kakitangan Kerajaan. Dengan ini permohonan-permohonan untuk mendapat rawatan haemodialysis, dengan izin, dari pesakit-pesakit luar

yang tidak berkemampuan sering ditolak.

Saya berharap dengan penghapusan cukai ini agar Kerajaan mengambil langkah-langkah positif dalam usaha menambahkan lagi rawatan haemodialysis di hospital-hospital di seluruh negara, supaya dapat meringankan penderitaan mereka yang tidak berkemampuan untuk membeli dan mengendalikan mesin dialysis sendiri. Selain dari itu Kerajaan boleh juga memberi insentif dengan galakan kepada majikan-majikan yang menderma mesin dialysis kepada pesakit-pesakit buah pinggang dengan memberi seperti, dengan izin, double tax relief, semoga dengan perhatian yang lebih demi peri kemanusiaan dari Kerajaan dapat meringankan penderitaan yang ditanggung oleh mereka.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1988.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Tambun.

5.11 ptg.

Datuk Haji Yahaya bin Mohd. Shafie (Tambun): Bismillahir-rahmanir-rahim. Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana membenarkan saya mengambil bahagian di dalam perbahasan Belanjawan negara tahun 1988 ini. Inilah kali kedua saya mengikuti perbahasan Belanjawan di Dewan yang mulia ini.

Pada tahun ini Belanjawan negara adalah merupakan Belanjawan sederhana kerana ianya tidak membebankan mana-mana pihak. Banyak sektor ekonomi yang berasa lega dengan Belanjawan ini. Cuma agaknya yang rasa terkilan sedikit ialah pegawai-pegawai Kerajaan yang

menganggap bahawa gaji mereka tidak mungkin naik selagi ekonomi negara tidak pulih.

Strategi Belanjawan negara Tahun 1988 berkisar di sekitar mengukuhkan Proses Pemulihan Ekonomi, dan dengan itu mewujudkan peluang pekerjaan, meningkatkan kecekapan industri dan memperbaiki kewangan sektor awam.

Sebelum saya meneruskan perbahasan mengenai Belanjawan tahun 1988 ini, izinkan saya membangkitkan sedikit mengenai Kawasan Parlimen Tambun. Tambun memang terkenal dengan buah limau tambunnya. Bukan itu sahaja yang terkenal di Tambun ini, ada sebuah bandar yang juga begitu terkenal iaitu Tanjong Rambutan. Apabila Pekan Tanjong Rambutan disebut nescaya teringat pula kita kepada kemasyhuran bandar ini dengan sebuah hospital yang dinamakan sekarang ini Hospital Bahagia, Tanjong Rambutan.

Berkait dengan ini ingin saya menyentuh peruntukan yang telah diperuntukkan kepada Kementerian Kesihatan, di mana hospital ini adalah dalam bidangkuasa Kementerian itu. Peruntukan yang diberi sebanyak \$1.2 ribu juta adalah merupakan peruntukan Kelapan di dalam senarai peruntukan terbesar untuk tahun 1988.

Saya ingin menarik perhatian Kementerian yang berkenaan terhadap keadaan hospital ini terutama sekali tentang tempat kediaman pekerja-pekerjanya. Jika saya tidak salah, pekerja-pekerjanya terutama atendan-atendan berjumlah lebih kurang 1,800 orang. Rumah kediaman mereka masih tidak berubah sejak hospital ini dibina dalam zaman penjajah dahulu dan keadaan rumah-rumah ini adalah sangat mendukacitakan. Dengan peruntukan yang begitu besar

berharaplah saya agar nasib pekerja-pekerja di hospital ini tidak diabaikan.

Saya suka mengesyorkan agar rumah-rumah pangsapuri dapat didirikan di tapak rumah asal dan dengan itu tidak memerlukan tapak rumah yang baru. Begitu juga dengan hospital yang ada diharap mendapat perhatian daripada Kementerian yang berkenaan. Dalam keadaan ekonomi yang merosot ini mungkin ramai akan memerlukan hospital ini nanti, dengan itu patutlah persediaan dibuat lebih awal lagi.

Di dalam Kawasan Parlimen Tambun juga terdapat banyak kampung-kampung tersusun. Dari namanya kampung seperti ini sepatutnya semuanya tersusun termasuk kemudahan-kemudahan asas. Sayangnya yang agak tersusun ialah dari segi lot rumah dan rumah-rumah sahaja. Berkait dengan ini saya suka menarik perhatian kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar untuk memberi perhatian kepada kampung-kampung tersusun ini. Oleh kerana Kementerian ini telah diperuntukkan sebanyak \$968.73 juta, diharap sebahagian besarnya digunakan untuk memberi kemudahan-kemudahan asas seperti elektrik dan air dan juga jalan raya yang berturap. Dalam hal ini juga sistem perparitan yang memuaskan juga perlu diberi perhatian untuk mengelakkan banjir kilat.

Kampung-kampung tersusun yang berikut benar-benar memerlukan perhatian Kementerian yang berkenaan:

Kampung Tersusun Batu 8, Ulu Kinta;

Kampung Melayu Batu 8, Ulu Kinta;

Kampung Tersusun Batu 6, Ulu Kinta;

Kampung Tersusun Batu 5 Tambahan;

Kampung Tersusun Tanah Hitam, Chemor;

Kampung Tersusun Ulu Chepor Tambahan;

Kampung Tersusun Sri Ampang;

Kampung Binaria Rapat Jaya Tambahan;

Kampung Encik Zainal di Chemor;

Kampung Encik Zainal Tambahan Chemor;

Kampung Sungai Tapah;

Kampung Sungai Tapah Tambahan; dan

Kampung Seberang Sungai Tapah.

Kementerian Pertanian juga diberi peruntukan yang besar, iaitu \$1.4 ribu juta untuk tahun 1988. Dalam hal ini hanya saya ingin menyentuh mengenai Jabatan Parit dan Taliair.

Tuan Yang di-Pertua, bukan semua banjir disebabkan oleh, dengan izin, natural causes, ada juga banjir yang boleh dielak. Dalam hal ini, dalam Kawasan Parlimen Tambun pada bulan lepas sahaja dua kampung di tepi Sungai Pari telah dilanda tidak kurang daripada 5 kali banjir. Kampung-kampung itu ialah Kampung Manjoi dan Kampung Tengku Hussein Lama, dan ada juga kampung-kampung di pinggir Sungai Kinta yang lain yang mengalami nasib yang sama. Dengan peruntukan yang diberikan kepada Kementerian ini, JPT hendaklah diberikan peruntukan yang lebih agar dapat sama ada dikorek sungai-sungai ini atau ditinggikan lagi tebing-tebing sungai yang berkenaan. Inilah sahaja satu-satunya yang dapat menyelamatkan nyawa dan harta benda penduduk-penduduk yang tinggal di tebing-tebing sungai yang berkenaan. Oleh kerana saya juga adalah Ketua UMNO Bahagian Pasir Pinji dan Wakil Rakyatnya tidak ada di Dewan yang mulia ini, ingin juga saya menyatakan hal yang sama iaitu

kampung-kampung di tepi Sungai Pari dan Kinta iaitu Kampung Kuala Pari, Kampung Sri Kinta dan Kampung Chempakasari. Selagi kedua-dua sungai ini tidak dibetulkan, selagi itulah kampung ini akan dibanjiri jika hujan turun dengan lebat.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh hasrat Kerajaan untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dengan menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Adalah dianggarkan pengangguran akan meningkat kepada 9.4% pada tahun 1988. Jika dibandingkan dengan peratus sebelumnya, angka ini adalah tinggi. Di sini disenaraikan peratusan pengangguran dalam tahun 1982 hingga 1987:

	<i>Tahun</i>	<i>Peratus</i>
1982	4.7%
1983	5.6%
1984	6.3%
1985	7.6%
1986	8.5%
1987 (Anggaran)	..	9.1%

Peningkatan pengangguran telah meningkat begitu tinggi kerana kemerosotan aktiviti perniagaan dan juga kemasukan siswazah dalam labour force, dengan izin. Untuk membanyakkan peluang kerja, Kerajaan mestilah membantu industri yang labour-intensive. Salah satu dari industri labour-intensive ini ialah sektor pembinaan.

Beberapa tahun dahulu Kerajaan telah menyarankan agar dibina rumah-rumah kos rendah. Tujuan utamanya ialah untuk menempatkan rakyat yang berpendapatan rendah di rumah-rumah yang lebih selesa. Downstream effect, dengan izin, dari polisi ini ialah mencetuskan pembangunan ekonomi di mana bahan-bahan binaan dapat dijual dan juga pekerjaan diberi kepada bidang-bidang seperti tukang

kayu, tukang besi, tukang simen dan lain-lain dapat diwujudkan. Di dalam Belanjawan tahun 1988 tidak disebut tentang hal rumah murah ini malah 5% cukai jualan pula dikenakan ke atas beberapa bahan binaan. Ini sudah tentu menjejaskan industri perumahan dalam keadaan property market, dengan izin, yang begitu lembab dan akan lebih memudaratkan lagi sektor ini. Mengapakah agaknya polisi mendirikan rumah kos rendah ini kurang berjaya? Di pandang dari sudut syarikat-syarikat di bawah Perbadanan Iktisad Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri, banyak juga skim rumah murah ini telah dilaksanakan.

Tetapi di sektor swasta ianya agak lembab. Sebabnya banyak memadamkan dengan bahawa harga tanah mahal, mendirikan rumah murah di atas tanah yang sedemikian adalah tidak viable. Bukan ini sahaja, ada kalanya kelulusan tanah mengambil masa yang begitu lama. Setelah tanah diluluskan untuk mendapatkan kebenaran dari agensi-agensinya Kerajaan yang lain seperti LLN, Jabatan Bekalan Air, JKR, Penguasa Tempatan dan lain-lain lagi, ianya juga mengambil masa begitu lama sekali.

Saya merayu kepada semua yang berkenaan agar mengambil perhatian yang berat supaya polisi mendirikan rumah murah ini dapat dijayakan. Saya bersimpati dengan ramai pemaju-pemaju perumahan, jika skim mereka tidak dapat disiapkan mereka akan disenarai hitamkan di dalam Kementerian Perumahan. Saya merayu kepada Kementerian berkenaan agar lebih bertimbang rasa, tidak siapa yang mahu kerja mereka tergendala, tentu ada sebab-sebabnya.

Dipandang dari sudut bahawa industri perumahan boleh mewujudkan peluang kerja, saya berharap Kementerian Kewangan

dapat menimbangkan semula untuk menarik balik 5% cukai jualan yang dikenakan ke atas bahan-bahan binaan yang disenaraikan terutama roofing materials, dengan izin, kerana bahan ini bukan di dalam senarai Controlled items, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh peruntukan sebanyak \$4.89 ribu juta kepada Kementerian Pendidikan. Negara membangun selalunya memperuntukkan wang yang banyak untuk pertahanan tetapi negara kita menekankan, dengan izin, educational investment. Beradanya saya dan rakan-rakan yang sebaya dengan saya yang telah diberikan peluang untuk melanjutkan pelajaran adalah disebabkan oleh polisi educational investment ini. Tetapi ada juga yang lupa dan setelah menimba ilmu dengan perbelanjaan Kerajaan melawan Kerajaan pula, inilah yang anihnya ada juga yang mempunyai, dengan izin, short-memories.

Tugas Kementerian Pendidikan telah berjaya berasaskan siswazah-siswazah yang telah keluar dari universiti tempatan dan juga dari luar negeri tetapi success ini menimbulkan masalah lain pula iaitu siswazah menganggur.

Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan peluang pekerjaan termasuk untuk siswazah, izinkan saya membuat beberapa syor yang berkaitan dengannya. Selalunya siswazah mengharapkan mereka dapat diserapkan ke dalam sektor awam tetapi dengan banyak bidang yang akan dan sudah diswastakan nampaknya peluang ini sudah terhad, dengan itu siswazah tidak ada pilihan lain selain daripada berniaga ataupun berkebun.

Oleh kerana siswazah-siswazah ini mempunyai kelulusan dalam bidang mereka sendiri, mereka memerlukan hanya peluang. Dalam sektor

pertanian, saya mengesyorkan supaya tanah-tanah pertanian yang dipohon oleh siswazah-siswazah ini dapat diluluskan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dengan segera. Permohonan tanah dari pelabur-pelabur yang ingin melabur dalam sektor pertanian secara besar-besaran hendaklah juga diluluskan dengan segera. Ini bukan sahaja dapat menampung pekerjaan kepada siswazah tetapi juga kepada penganggur-penganggur yang lain.

Dalam usaha Kerajaan untuk mengurangkan pengangguran, saya berseru kepada Majlis Bandaraya, Perbandaran dan lain-lain agar jangan terlalu memikirkan keadaan ataupun keindahan bandar atau jalan-jalan, bersabit dengan penjaja-penjaja. Majlis-majlis yang berkenaan mestilah lebih bersimpati terhadap penjaja-penjaja ini. Pengeluaran lesen berniaga janganlah terlalu menekankan kerana kita bukan berada di dalam keadaan ekonomi yang ideal. Dalam masa ekonomi merosot ini beauty is a privilege, dengan izin, dan dengan itu janganlah menekankan kecantikan bandar atau jalan sangat.

Dalam ucapan Yang Berhormat dari Padang Terap yang telah mengemukakan nisbah jawatan Tingkatan Tertinggi berbanding dengan pegawai Tingkatan Biasa, Pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatiklah yang paling lumayan. Ada juga saya dengar bahawa ada pula pegawai-pegawai PTD ini yang ditempatkan di pool, dengan izin. Di dalam keadaan pengangguran yang begini dahsyat, saya ingin bertanya kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, berapa ramai mereka di dalam pool ini di akhir bulan Oktober 1987 dan apakah Tingkatan Tertinggi yang di dalam pool ini dan juga pegawai mana dan tingkatan gaji manakah yang lama sekali berada di dalam pool ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan negara tahun 1987 Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mempelawa yang berminat mengenai penswastaan Keretapi Tanah Melayu dengan harga \$1 tetapi hingga kini belum ada yang mahu ataupun yang berjaya. Soalnya mengapa? Tiap-tiap satu venture ianya mesti memperolehi keuntungan. Mungkin jika diambil-alih oleh pihak swasta, KTM tidak mungkin untung dengan keadaan sekarang ini. Dengan itu Kerajaan mestilah memikirkan insentif-insentif yang tertentu agar pengambilan-alih akan beruntung.

Saya suka mengesyorkan supaya semua bahan yang dibawa dengan lori sekarang ini dibawa dengan Keretapi dengan memberi insentif yang tertentu agar yang empunya barang akan untung jika dihantar melalui keretapi. Saya rasa ramai yang akan bersetuju atau menyokong cadangan saya ini, terutama sekali Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, kerana jalannya tidak akan rosak disebabkan oleh lori-lori itu. Jika kita melalui jalan-jalan raya di waktu malam berduyun-duyun lori berjalan, dengan itu bermakna ada barangan yang berulang-alik. Mengapakah KTM tidak memikat hati yang empunya barangan agar dibawa dengan keretapi? Jika melalui keretapi lebih efisien, saya percaya ramai yang akan menggunakannya.

Commuters, dengan izin, di Jepun dan di England menggunakan keretapi dan negara-negara itu mempunyai keretapi yang efisien. Mengapa kita tidak boleh?

Tujuan Kerajaan menswastakan agensi atau syarikat kepunyaannya ialah untuk mengurangkan bebanan kewangan dan juga pentadbiran. Dengan itu adalah diharapkan perkhidmatan kepada rakyat akan dapat dipertingkatkan dengan adanya penswastaan.

Penurunan peruntukan Kementerian Perusahaan Awam dari \$399.1 juta pada tahun 1987 kepada \$116.7 juta dalam tahun 1988 adalah berasaskan supaya badan-badan berkanun agar self-financing, dengan izin. Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam kenyataannya juga telah mencadangkan penutupan beberapa buah syarikat bagi tujuan ini. Ini akan mengurangkan beban kewangan Kerajaan dari segi subsidi, pinjaman dan lain-lain.

Kerajaan juga berhasrat tidak akan menubuhkan syarikat-syarikat baru yang boleh dijalankan oleh sektor swasta. Saya menyokong hasrat ini dan menyokong juga supaya penswastaaan ini dipercepatkan. EPU patut mengadakan Master Plan, dengan izin, mengenai penswastaaan ini supaya ianya berjalan dengan licin.

Penswastaaan ala Telekom adalah baik dipandang dari sudut tidak ada yang dibuang kerja, tetapi terlalu awal bagi kita untuk mengetahui efficiencynya kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang peruntukan Kementerian Pertanian, sebanyak \$1.4 ribu juta adalah merupakan yang ketujuh dari peruntukan yang terbanyak.

Banyak yang telah diperkatakan di dalam Dewan yang mulia ini tentang usaha dan pencapaian Kementerian ini. Saya tidak bercadang mengulang pandangan-pandangan itu. Sering kedengaran mengenai usaha Kementerian untuk menggalakkan tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran secara besar-besaran. Ini adalah bertujuan sebagai import substitute, dengan izin, kerana berjuta ribu ringgit digunakan untuk mengimport barang-barang makanan. Tidak lama dahulu heboh diperkatakan mengenai pisang emas. Memang diakui pisang emas kita adalah the best in the world, dengan

izin, dalam kelasnya. Ramai orang telah pun menanam pisang emas secara besar-besaran. Orang kampung pun telah menanamnya. Tetapi sekarang ini kurang terdengar kerana beberapa sebab. Dari segi penerimaan pisang emas kita di luar negeri memang diterima tetapi yang susahnyalah ialah pengeksportnya. Di negara-negara luar terutama Jepun memerlukan standard pisang yang tinggi dan dengan itu pihak pengeksport mestilah berhati-hati dari segi packaging and handling, dengan izin. Itu pun boleh kita atasi.

Apakah sebabnya kita tidak dapat mengeksport pisang kita itu secara komersil? Tidak lain, tidak bukan ialah kerana masalah pengangkutan. Saya ingin bertanya kepada Menteri berkenaan berapa tan seminggu yang boleh dibawa oleh MAS sebagai kargo buah-buahan tempatan untuk dieksport? Apakah prioriti MAS terhadap buah-buahan tempatan berbanding dengan kargo-kargo yang lain? Jawapannya ada kena mengena dengan eksport pisang emas itu kerana bukan sahaja kapasiti ruang untuk buah-buahan terhad tetapi harga "freight charges" adalah terlalu tinggi. Mungkin ada yang mengatakan, bawa sahaja dengan kapal. Ini boleh asalkan pisang tidak busuk di perjalanan. Pisang emas dibawa belayar. busuk semuanya. (Ketawa)

Pihak MARDI ada membuat kajian untuk menahan pisang supaya jangan masak sehingga, kalau tak salah saya, 21 hari. Dengan itu bermaknalah pisang emas kita boleh belayar tidak lebih dari tiga minggu. Fikirkanlah sendiri negeri mana kapal kita boleh sampai dalam masa tiga minggu. Itulah hadnya pisang kita boleh dieksport.

Saya suka mengesyorkan "banana boat system" diadakan bertujuan untuk bukan sahaja untuk pisang

tetapi juga untuk buah-buahan yang lain untuk dieksport. Tidak guna kita menggalakkan penanam pisang emas, jika ianya tidak boleh dieksport dengan jalan yang paling murah.

Oleh kerana masa tidak mengizinkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat, boleh gulung.

Datuk Haji Yahaya bin Mohd. Shafie: Sebagai penutup, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan pegawai-pegawainya kerana begitu berjaya membentangkan Belanjawan yang sederhana dan tidak membebankan mana-mana pihak. Sekianlah, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Lubok Antu.

5.32 ptg.

Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu): Tuan Yang di-Pertua, kira-kira lebih satu minggu kita membahaskan Anggaran Belanjawan 1988. Banyak pendapat dan pandangan sudah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memberikan pandangan dan cadangan supaya Belanjawan ini akan dapat menguntungkan semua pihak.

Anggaran Belanjawan 1988, pada pendapat saya adalah sederhana memandangkan keadaan kewangan negara sekarang dan langkah Kerajaan mengagihkan lebih daripada dua-pertiga daripada Anggaran Pembangunannya kepada sektor luar bandar adalah dialu-alukan, memandangkan rakyat luar bandarlah yang paling miskin di negara kita ini.

Walau bagaimanapun, saya bercadang bahawa Kerajaan akan

lebih berhati-hati mengagih-agihkan peruntukan itu tidak kira bangsa, rupa dan agama.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita tahu bahawa masalah ekonomi kita ialah kekurangan permintaan di dalam negeri dibandingkan dengan pengeluaran di negara kita. Pada pendapat saya, ini adalah akibat kebanyakan rakyat di negara kita adalah miskin.

Bagaimanakah mereka dapat membeli barang-barang yang dikeluarkan oleh kilang-kilang dan industri-industri kecil, jika mereka tidak mampu ataupun jika mereka tidak ada wang? Sudah tentulah apa-apa usaha Kerajaan hendak membangunkan industri-industri kecil di negara ini akan menghadapi masalah jualan barang-barang mereka oleh kerana industri-industri kecil itu biasanya mengeluarkan barang-barang, khasnya untuk golongan miskin. Jika kebanyakan wang di negara kita adalah di tangan segelintir orang kaya sahaja, maka tentulah mereka tidak mampu membeli barang-barang yang tidak murah itu.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan usaha Kerajaan untuk menambah peruntukan kepada Rancangan Malaysia Kelima lebih kurang 2 billion itu tentulah menaikkan lagi tingkat pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan dan juga menyusun semula masyarakat.

Saya syorkan bahawa pembahagian kekayaan yang lebih adil di negara ini adalah penting. Sudah tentulah langkah ini akan menambahkan lebih permintaan dalam negeri dan ini adalah penting oleh kerana selama ini negara kita adalah sangat bergantung kepada ekonomi antarabangsa dan apa yang terjadi terhadap ekonomi di negara maju akan memberi kesan yang buruk kepada negara kita.

Oleh yang demikian, saya cadangkan supaya usaha dapat dibuat di mana ekonomi kita lebih berdikari dan kurang dipengaruhi oleh ekonomi luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang supaya Kerajaan akan berhati-hati membelanjakan wang, khususnya untuk projek-projek yang mewah. Kita tidak dapat menanggung projek mewah itu sekarang. Sudah tentulah projek-projek seperti itu akan melibatkan wang yang banyak dan golongan miskin tidak akan dapat menikmati projek-projek tersebut dan selalunya projek mewah itu adalah dibuat oleh syarikat-syarikat asing. Dengan yang demikian itu akan lebih memburukkan imbalan bayaran negara kita yang sedang mengalami defisit.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau boleh, saya bercadang supaya usaha kita adalah lebih tertumpu kepada lebih penggunaan barangan dan perkhidmatan dalam negeri. Selain daripada menggalakkan eksport dan mengurangkan import dan juga barangan keluaran tempatan dikeluarkan dengan lebih bermutu supaya ianya dapat bertanding dengan barangan buatan luar negeri dan dengan demikian sudah tentulah barangan-barangan tersebut akan dapat permintaan dari luar negeri. Supaya lebih memperbaiki imbalan bayaran negara kita dan akaun semasa, saya mencadangkan supaya ekonomi kita lebih dipelbagaikan. Kita mempunyai tanah yang luas dan saya mencadangkan supaya tanah-tanah yang luas itu diusahakan. Kajian yang teliti mestilah diadakan supaya projek-projek pembangunan tanah di negara ini dapat lebih berjaya.

Selama ini kebanyakan projek pembukaan tanah seperti di Sarawak yang diusahakan oleh Sarawak Land Development Board (SLDB), contohnya di Melugu Scheme, di

Sekerang Scheme dan di Meradong Scheme dan sebagainya menghadapi kegagalan.

Projek-projek tersebut gagal pada pendapat saya oleh kerana beberapa faktor. Satu daripadanya, kajian yang teliti tidak diadakan terlebih dahulu. Dengan demikian, pihak pemerintah tidak begitu pasti atas sikap dan keadaan cara pemikiran kaum-kaum tertentu di dalam satu-satu kawasan.

Contohnya, skim Sekerang, skim Melugu dan skim Meradong gagal oleh kerana Kerajaan tidak mengambilkira kemudahan perumahan jangka panjang kepada penduduk-penduduk di skim-skim tersebut. Misalnya jika seseorang itu ada 5 anak dan kelima-lima anak itu sudah berkahwin, sekarang skim tersebut tidak mengadakan perumahan untuk kelima-lima anak itu. Jadi, walaupun sudah kahwin mereka terpaksa tinggal dalam satu rumah. Oleh yang demikian kebanyakan penghuni skim tersebut terpaksa mencari tempat di luar skim ataupun pulang ke tempat asal dari mana mereka datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang supaya sikap dan keadaan alam sekitar patut dikaji terlebih dahulu apabila Kerajaan hendak membuka tanah. Mungkin di Semenanjung Malaysia konsep skim itu dapat dipakai. Tetapi dari pengalaman yang sudah-sudah mungkin kesemua resettlement scheme, dengan izin, di Sarawak gagal. Ini disebabkan kaum Dayak di luar bandar dan kaum-kaum yang lain mempunyai sifat-sifat yang tertentu yang selama ini tidak diketahui oleh pihak pemerintah. Misalnya kaum Dayak lebih suka tinggal di tempat di mana kawasan tanah yang luas dan dikelilingi oleh hutan-hutan di mana mereka masih dapat memburu dan memancing ikan. Memancing ikan dan memburu merupakan salah satu daripada game yang mereka suka

untuk memenuhi masa lapang mereka. Jadi, apabila orang ini ditempatkan di sesuatu resettlement scheme, sudah tentulah tempat untuk memburu dan memancing itu adalah terhad. Oleh yang demikian, ini adalah satu sebab penghuni-penghuni skim di Sarawak suka keluar dari skim tersebut supaya tidak lagi terikat kepada kawasan-kawasan yang terhad itu.

Jadi apa yang kita harus buat? Saya lebih suka supaya pembukaan tanah adalah bukan secara berskim. Saya lebih suka supaya pembukaan tanah tertumpu kepada insitu type of development, dengan izin. Saya rasa di Sarawak jika insitu type of development dibuat sudah tentulah pendapatan rakyat di luar bandar dapat ditingkatkan lebih lagi. Contohnya pada 1hb Oktober, 1987 Kerajaan Negeri Sarawak sudah mengisytiharkan bahawa pendapatan bulanan kebanyakan rakyat yang ada kebun koko dan lada hitam adalah dianggarkan sebanyak \$1,900 sebulan dan yang tinggal di skim-skim hanya \$300 sebulan. Jika yang demikian saya tidak melihat lojiknya mengapa konsep skim itu harus diteruskan.

Oleh yang demikian saya menyeru supaya Kerajaan mengadakan lebih subsidi untuk membeli baja dan racun dan Kerajaan juga boleh menolong dari segi pemberian kredit seperti yang diberikan oleh Bank Pembangunan Malaysia dengan menolong mereka dari segi jualan dan membaiki lebih infrastruktur yang ada di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkhidmatan kesihatan, saya harap supaya perkhidmatan tersebut dapat diperluaskan lagi dan juga diperbaiki. Di kawasan saya, saya telah diberitahu Hospital Bandar Seri Aman sekarang tidak mempunyai sebuah ambulans pun. Saya harap Kementerian Kesihatan dapat memberi peruntukan kepada Hospital Bandar Seri Aman dengan seberapa segera supaya

mbolehkan hospital tersebut dapat membeli sekurang-kurangnya 3 buah ambulans.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan hidro Batang Ai yang kita tahu, saya harap pihak Kerajaan dapat mempercepatkan lagi bayaran pampasan kepada penduduk-penduduk yang terlibat. Sekarang ini Kerajaan masih terhutang kira-kira \$4 juta kepada penduduk-penduduk di kawasan hidro itu. Saya menyeru supaya pampasan tersebut dibayar kepada orang-orang yang terlibat dengan seberapa segera.

Berkenaan dengan keadaan politik masa sekarang, Tuan Yang di-Pertua, saya bercadang supaya semua pihak dan kaum di negara ini bersikap dengan lebih moderate sederhana. Janganlah terlalu lebih mementingkan kaumnya sendiri tetapi lebih berusaha untuk menjadikan negara kita lebih selesa untuk semua kaum. Tidak ada sebabnya kita harus bersandiwara dengan satu sama lain. Tetapi saya bercadang supaya usaha dan kebolehan kita lebih tertumpu kepada usaha untuk memulihkan keadaan ekonomi kita. Janganlah kita katakan saya adalah kaum Dayak, kaum Kadazan, kaum Cina atau kaum India tetapi yang penting ialah semua kita ialah manusia dan mahu hidup dengan selesa dalam dunia ini.

Akhirnya saya juga ingin sentuh kepada peruntukan Ahli-ahli Parlimen khasnya bagi Ahli-ahli PBDS. Peruntukan saya \$200,000 bagi kawasan Lubuk Antu telah disekat oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Sehingga hari ini satu sen pun belum dikeluarkan dari peruntukan tersebut. Saya tidak tahu kenapa dan apa sebabnya. Saya pembangkangkah duduk di sini? Asalkan polisi-polisi Kerajaan Negeri Sarawak khususnya pembangunan, saya tidak kira siapa beri duit siapa; parti Dayak boleh beri duit asalkan membangun rakyat. Saya

menyeru supaya Perdana Menteri akan mengambil sikap yang tegas terhadap Kerajaan Negeri Sarawak supaya duit itu dapat dikeluarkan, agar dapat menolong membangunkan kawasan luar bandar dan orang-orang luar bandarlah yang lebih mementingkan peruntukan tersebut. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Labuan.

5.48 ptg.

Tuan Abdul Mulok Awang Damit (Labuan): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberikan peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara dijangka akan bertambah baik dan berkemungkinan untuk mencapai perkembangan yang positif pada tahun-tahun yang akan datang dengan kenaikan harga barangan dan prestasi eksport akan terus kukuh.

Angka tunjuk ekonomi menunjukkan pertumbuhan yang baik di beberapa sektor, di antaranya Keluaran Negara Kasar (KNK) menunjukkan pertumbuhan sebanyak 1.7% pada tahun 1987 dan diramalkan akan meningkat kepada 3.2% pada tahun 1988. Eksport barangan dan perkhidmatan meningkat kepada 7% manakala Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) juga turut meningkat kepada 4%.

Di samping itu sektor-sektor lain juga menunjukkan pertumbuhan yang positif. Hasil daripada ini nilai ringgit turut stabil dan rizab luar negara dijangka turut kukuh. Momentum kadar inflasi yang tinggi dapat dibendung ke paras yang rendah semenjak beberapa tahun di kebelakangan ini. Ini menunjukkan usaha Kerajaan memerangi inflasi

berjaya. Kedudukan paras inflasi yang rendah ini sedikit sebanyak dapat mempengaruhi penurunan kadar faedah di negara ini.

Pencapaian pembangunan ekonomi negara pada tahun 1987 membayangkan kepada kita bahawa kedudukan ekonomi pada tahun 1988 kelihatan cerah.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun demikian saya ingin merakamkan rasa kebimbangan bahawa kita tidak akan dapat mencapai apa yang kita harapkan. Ini adalah disebabkan arah aliran ataupun trend perkembangan ekonomi dunia pada akhir-akhir ini sungguh membimbangkan. Kejatuhan pasaran saham dunia bukanlah satu krisis yang boleh dianggap ringan kerana ianya mempunyai pertalian langsung pada ekonomi negara ini. Kejatuhan pasaran di seluruh dunia yang dikatakan banyak dipengaruhi oleh anggaran belanjawan Amerika Syarikat yang dianggarkan mengalami defisit yang besar dan spekulasi penurunan nilai dollar adalah menjadi faktor-faktor utama dalam krisis ini.

Para economists menganggarkan bahawa kerugian yang dialami yang disebabkan oleh kesusutan nilai saham di seluruh pasaran saham di Amerika Syarikat adalah hampir sama banyaknya dengan hutang negara ketiga. Kewujudan defisit Belanjawan Amerika Syarikat akan merubah corak dan haluan perbelanjaan negara itu dengan negara lain. Kejatuhan pasaran kali ini adalah yang paling buruk semenjak 60 tahun yang lalu. Kejatuhan pasaran saham yang dialami oleh Amerika Syarikat pada tahun 1929 adalah juga menjadi titik permulaan kemelesetan ekonomi dunia dan kadar pengangguran yang paling tinggi.

Saya khuatir sejarah akan berulang di saat-saat negara baru melangkah setapak dalam era pembangunan. Kejatuhan pasaran saham dunia akan

mengakibatkan ramai pelabur, usahawan dan bank akan mengalami kerugian yang besar. Ramai memegang saham yang tidak mempunyai nilai, malah ada pula yang terpaksa menggulung tikar. Kejatuhan pasaran saham, kadar defisit yang tinggi, penurunan nilai dollar dan kadar pengangguran yang tinggi di Amerika Syarikat akan merubah dasar kewangan negara itu. Langkah yang lazim yang diambil untuk menstabilkan pertumbuhan ekonomi dan untuk memperbaiki defisit adalah dengan cara meningkatkan cukai dan kadar faedah, mengurangkan import dan mengetatkan lagi tahap perlindungan negara itu. Kedudukan ini amat penting terhadap kedudukan ekonomi negara ini kerana Amerika Syarikat adalah merupakan rakan dagangan Malaysia yang rapat. Dengan pengurangan import dari Malaysia yang disebabkan permintaan berkurangan serta harga import yang lebih tinggi dan tidak competitive, ini bermakna hasil pendapatan eksport negara ini akan berkurangan.

Sehubungan dengan ini, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan akan melipatgandakan usaha untuk memasarkan barangan Malaysia ke negara-negara lain dan negara-negara yang bukan rakan perdagangan tradisi kita. Ini adalah bertujuan untuk memperluaskan skop eksport barangan kita. Di samping itu, kita harus juga mempertingkatkan eksport negara ini dalam bentuk barangan siap dan barangan separuh siap. Ini adalah bertujuan untuk menjamin hasil negara ini terus berkembang dan menjamin ekonomi negara ini dalam keadaan stabil.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kita ke dalam aspek lain dalam Belanjawan ini, kita dapati bahawa pengangguran adalah merupakan satu masalah ekonomi yang paling serius sekiranya Kerajaan tidak mengambil langkah-langkah yang sesuai dan efektif untuk

membendung ianya dari meningkat. Pada tahun ini pengangguran adalah dianggarkan sebanyak 9% dan akan terus meningkat kepada paras 9.4% pada tahun hadapan. Ini menunjukkan satu paras yang sungguh membimbangkan. Peratusan sebenar mungkin lebih tinggi kerana ada ramai lagi yang mungkin tidak termasuk dalam pengiraan ini. Di mana-mana jua negara pun seperti negara ini, kita dapati dua komponen pengangguran yang terbesar. Yang pertamanya ialah yang berbentuk cyclical, dan yang keduanya berbentuk structural, dengan izin. Pengangguran bukan sahaja menyebabkan kehilangan daya pendapatan atau menjadi kos kelembapan ekonomi yang berterusan, tetapi ia juga akan menyebabkan kebimbangan dan tekanan emosi kepada mereka yang menganggur dan kepada mereka yang khuatir akan kehilangan pekerjaan dalam keadaan di mana peluang pekerjaan semakin berkurangan. Gejala pengangguran ini juga mempunyai pertalian dengan status kesihatan, masalah psikologi dan juga kesusutan daya kemahiran seseorang apabila lama meninggalkan alam pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pengangguran di kalangan belia merupakan masalah yang dihadapi di semua negara dan negara ini tidak terkecuali. Di Malaysia, kita dapati sebilangan besar penganggur adalah dari golongan belia yang berusia di antara 16 hingga 26 tahun. Pengangguran secara zahirnya mendatangkan kesusahan pada belia. Ianya memberikan kesan tekanan ekonomi yang agak berlainan dari orang dewasa. Sebilangan besar dari mereka ini adalah lepasan sekolah atau institusi pendidikan yang lain dan yang rata-rata keluar mahu mendapat pekerjaan atau sebarang pekerjaan. Ramai yang masih tinggal dan bergantung pada ibubapa untuk

mendapatkan bantuan kewangan. Penyelidikan telah menunjukkan bahawa sebahagian daripada belia yang mengalami pengangguran yang berlanjutan akan memperolehi pendapatan yang rendah apabila dewasa. Mereka yang mempunyai kemahiran yang rendah akan terus memperolehi pendapatan yang rendah di sepanjang hayat mereka. Dan terdapatnya kelembapan pasaran tenaga kerja di peringkat awal kehidupan juga menyebabkan kekurangan daya pendapatan apabila dewasa.

Ini memberi gambaran kepada kita betapa pentingnya bagi Kerajaan untuk merangka satu dasar bagi mempertingkatkan peluang-peluang pekerjaan bagi mereka ini terutamanya bagi mereka yang telah lama menganggur. Berbagai Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan yang lain telah sedikit-sebanyak menyumbangkan ke arah mengurangkan kadar pengangguran di kalangan belia. Antaranya ialah Projek Belia Niaga, Belia Tani, Perniagaan Kecil, Industri Kampung, Revolusi Mesin, Siswazah Tani, Skim Khidmat Sementara dan banyak lagi. Yang paling terbaru iaitu skim untuk memajukan tanah terbiar di ibu kota oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur merupakan satu langkah membuka mata kepada siswazah menganggur. Semoga langkah dan usaha yang sama dapat dipanjangkan ke kawasan-kawasan lain di negara ini.

Di samping itu, kita tidak harus melupakan belia-belia lain yang mempunyai kemahiran tertentu. Apa yang penting dalam usaha ke arah ini ialah kita harus memberi khidmat bimbingan dan bantuan terutamanya bantuan untuk mendapat sumber kewangan kerana kita tahu mereka yang baru memasuki pasaran pekerjaan tidak atau hanya mempunyai sedikit pengalaman dan

belum lagi financially independent, dengan izin. Usaha ini perlu sekiranya kita mahu mencapai objektif untuk mengurangkan pengangguran di kalangan belia dan melahirkan lebih ramai lagi entrepreneurs di negara ini.

Langkah Kerajaan untuk menurunkan gaji pada masa permulaan pekerjaan patut diberi pujian sekiranya langkah ini betul-betul boleh memberikan peluang yang luas dengan menyediakan lebih banyak jawatan-jawatan bagi pemohon baru.

Saya ingin menyarankan pada Kerajaan untuk mempertimbangkan penubuhan satu pakatan rasmi di antara industri swasta, sektor awam dan industri latihan Kerajaan, bertujuan untuk merancang, merangka satu latihan yang dibiayai oleh Kerajaan bagi belia-belia yang betul-betul memerlukan bantuan. Ini termasuk mereka yang tidak mempunyai kemahiran dan mereka yang kehilangan pekerjaan ataupun displaced workers, dengan izin. Sistem latihan ini juga akan memberi khidmat kepada individu yang tidak boleh menggunakan latihan formal mereka yang diperolehi dari institusi tradisional seperti sekolah vokasional, institusi latihan, universiti dan majikan.

Latihan yang saya maksudkan ini akan memberi peluang kedua bagi mereka yang mempunyai masalah untuk memasuki pasaran pekerjaan. Program latihan ini akan dihalakan bersesuaian kepada keperluan kemahiran yang dikehendaki atau yang diperlukan oleh majikan dan keperluan tenaga pekerjaan setempat. Dari itu bentuk kordinasi juga haruslah berbentuk setempat dan diselenggarakan mengikut arah aliran keperluan tenaga pekerja tempatan itu sendiri. Di samping segala usaha yang dijalankan oleh pihak Kerajaan, kaum belia juga harus diberi peringatan supaya jangan terlalu memilih

pekerjaan dan jangan hanya memilih pekerjaan yang senang sahaja. Negara kita mempunyai skop penyediaan asas pekerjaan yang luas yang boleh dicabuli atau diterokai. Apa yang penting ialah kita harus berusaha mempunyai azam yang tinggi dan dedikasi ke atas apa jua yang kita lakukan. Insya Allah, kita akan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk memberikan gambaran tentang pembangunan di kawasan yang saya wakili. Labuan kini sudah lebih tiga tahun di bawah pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Semenjak merdeka pada tahun 1963, ianya merupakan sebuah pulau yang paling dinamik kerana ia telah tiga kali bertukar pentadbiran—dari Kerajaan Negeri Sabah kepada Kementerian Wilayah Persekutuan apabila Labuan dijadikan Wilayah Persekutuan, kedua di Malaysia dan kini ianya di bawah pentadbiran Bahagian Pembangunan Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri. Walaupun demikian keadaan sektor ekonomi masih di bawah ekspektasi. Sungguhpun terdapat beberapa projek pembangunan yang dijalankan seperti pembinaan pembesaran landasan lapangan terbang, pembinaan bangunan-bangunan Kerajaan di samping operasi kilang-kilang yang sedia ada, tetapi sumbangannya kepada pertumbuhan dan pemesatan pembangunan sektor ekonomi Labuan adalah terlalu kecil.

Tuan Yang di-Pertua, pada keadaan semasa fungsi Labuan sebagai pusat pentadbiran dan perdagangan bagi Pulau Labuan keseluruhannya, ciri-ciri utama yang ketara ianya mempunyai pelabuhan dalam dan baik berbanding dengan pelabuhan-pelabuhan di sekitarnya. Pelabuhan ini adalah bebas cukai dan terlindung dari angin monsoon. Kedudukan penubuhan Pelabuhan Bebas Cukai tidak digunakan sepenuhnya di mana

jumlah barangan diimport adalah terlalu sedikit sedangkan ianya tidak dikenakan cukai, kecuali rokok, petroleum, mancis dan minuman keras. Daripada analisa saya dapati bahawa kegiatan pelabuhan ini tidak menggalakkan kerana duti yang dikenakan terhadap barangan yang dibawa keluar dan barangan tertentu yang dibawa masuk tidak setimpal dengan taraf yang dikenali sebagai Pelabuhan Bebas Cukai. Tiadanya insentif-insentif menyebabkan Pelabuhan Labuan tidak berfungsi sepenuhnya.

Dengan berasaskan kedudukan kewangan negara yang genting dan tidak keupayaan bagi Kerajaan untuk mengagihkan satu peruntukan yang boleh memberikan makna kepada pembangunan ekonomi Pulau Labuan, saya ingin menyarankan kepada Kerajaan supaya memberi Labuan satu status "absolute free port", dengan izin, tanpa mengenakan apa-apa cukai ke atas barangan yang diimport dari Labuan. Saya percaya dengan adanya status yang saya maksudkan tadi Pulau ini akan berkembang dan maju sebagai sebuah pusat dagangan dan pelancongan yang besar di rantau ini.

Selain daripada itu, sektor perkapalan juga akan turut berkembang sekiranya permintaan barangan meningkat, maka jumlah kapal keluar masuk di antara Pelabuhan Labuan dan lain-lain pelabuhan terlibat akan meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, perdagangan timbal-balas ataupun "barter-trade" yang telah menjadi nadi kepada ekonomi Labuan semenjak 27 tahun dahulu kini telah mula terancam dan kegiatannya semakin berkurangan. Peniaga-peniaga dari Kepulauan Filipina yang memang menjadi rakan dagangan kini telah mula meningkatkan aktiviti mereka ke Singapura. Ini bukanlah kerana

barangan yang ditawarkan lebih murah dan mempunyai banyak pilihan kerana kalau dicampurkan dengan kos pengangkutan dan insurans, harga yang ditawarkan di Labuan adalah competitive.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sila gulung. Sudah? Yang Berhormat dari Arau.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Yang di-Pertua, berapa minit?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak lebih 20 minit.

6.04 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih dan saya akan berhenti pada 6.30.

Saya bangun untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan, 1988 sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini. Di atas kesuntukan masa, saya tidak akan membaca teks ini, saya akan menyentuh beberapa perkara yang telah ditimbulkan oleh kawan-kawan.

Yang pertamanya, ucapan dari rakan saya dari Sik yang telah menyentuh berhubung dengan pelancongan. Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat berkenaan bahawa kita menghadapi dilemma. Dilemma dalam keadaan di mana Kerajaan berusaha untuk menjayakan pelancongan, dalam masa yang sama kita juga memperkenalkan perkara-perkara yang saya jangka boleh menyekat keadaan tersebut. Saya sebagai penyokong Kerajaan yang setia sentiasa menyokong dasar-dasar penerapan nilai-nilai Islam dan saya telah bertanya kepada Yang

Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang lepas bahawa tidak ada timbal-balik di antara Kementerian yang berkenaan dan juga Kementerian Pelancongan. Tetapi dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, kita mestilah realistik dan juga praktikal dalam melaksanakan kehendak ini.

Saya bukan berkata kalau sekiranya kita menjalankan penerapan nilai-nilai Islam maka keadaan pelancongan ini akan berkurangan. Tetapi yang saya hendak bertanya sekarang, mengapa orang-orang Arab, sebuah negeri yang mengamalkan dasar-dasar Islam 100% melarikan diri dari negeri mereka dan sebaliknya melancong ke luar negeri, ke Thailand dan juga lain-lain lagi? Dan mengapa ramai orang-orang kita yang melancong ke luar negeri, untuk tujuan apa?

Ini persoalan yang tersemat, hari ini saya hendak buka. Mengapa, sama ada penyokong Kerajaan ataupun DAP melancong ke luar negeri. Tetapi semua orang tidak mahu bercakap, sebab perkara pelancongan ini adalah soal peribadi, kerana mengikut istilah saya kalau sekiranya kita hendak melancong ini, tujuan kita untuk berehat, untuk memberi kesihatan rohani dan juga jasmani. Untuk kesihatan rohani maka kita mempunyai fahaman dan juga pegangan masing-masing, kita ada orang Islam, Buddhist dan lain-lain lagi. Untuk kesihatan jasmani kita dibenarkan untuk exercise dan lain-lain lagi dan semua ini adalah dicantumkan, dirangkumkan supaya kesihatan rohani dan juga jasmani ini dapat direhatkan.

Jadi persoalan ini timbul, kita hendak tarik orang datang dan orang luar juga sedang menarik kita pergi ke negeri mereka. Dalam hal ini kita lihat imbalan pelancongan di mana walaupun orang kita tidak berapa ramai yang pergi ke luar tetapi dari

segi wang keluarnya adalah lebih daripada wang yang masuk.

Soal peribadi yang saya sebutkan tadi yang mana setengah orang melancong dengan tujuan-tujuan sendiri.

Sebagai contohnya, mengapa orang suka pergi ke Thailand? Kebanyakan orang akan ketawa, orang pergi ke Thailand jawapannya ialah "dot, dot, dot. . . ." seperti kata Wakil dari Tambun tadi. Tetapi soalnya, mengapa orang suka pergi ke Thailand? Semua orang tahu jawapannya. Mengapa kita tidak menjawab? Setengah orang menjawab: Orang yang pergi ke Thailand kerana melakukan dosa. Baik, apakah yang kita buat sekarang ini tidak berdosa? Apakah kita mengadakan kasino, kita membenarkan kelab malam, kita membenarkan perjudian itu tidak berdosa? Apakah kalau sekiranya kita benarkan kasino di Genting Highlands, maka kalau kita buat di tempat lain, dia berdosa. Ini persoalan saya supaya kita lebih realistik dan praktikal, sebab yang hendak masuk ini bukan orang Islam.

Jadi, saya ingat Ahli dari Sik ini seorang yang praktikal dan mempunyai fikiran masa depan yang jauh apabila beliau mencadangkan apakah tarikan-tarikan lain yang sepatutnya dibuat di Langkawi. Saya tertarik hati dan selalunya, Tuan Yang di-Pertua, bila dia sebut perkara ini maka secara tidak langsung dia mencadangkan bahawa kita harus mengadakan tarikan-tarikan tersebut. Saya tidak mahu sebut, sebab nanti orang kata—pemberita akan berkata, saya yang buat cadangan, jadi saya teruk dipukul, tetapi sebenarnya dalam keadaan realistiknya kita harus fikir betul-betul. Kalau kita buat dosa di Genting Highlands, kita juga boleh buat dosa di tempat lain, kalau tidak jangan benarkan.

Saya setuju dengan cadangan Ahli dari Batu Berendam, dia juga memberi cadangan yang praktikal bahawa sekarang ini Kerajaan menghadapi masalah. Menteri Kewangan dalam akhbar *The Star* yang telah ditutup, pada 10hb Julai yang lepas dia memberi jawapan kepada soalan daripada DAP bahawa Kerajaan tidak dapat mengutip cukai sebanyak \$5 billion tiap-tiap tahun, \$5 ribu juta. Jadi apakah kita mahu berpura-pura dalam hal ini, bagaimana kita hendak kutip hasil ini dan hasil ini adalah hasil perjudian—maaf, saya terlupa sebut tadi, saya bercakap fasal perjudian dan juga pelancongan. Kawan saya dari Batu Berendam, sekiranya kita fikir bahawa \$5 billion ini dengan memberi lesen-lesen judi ini kita masih lagi tidak dapat mengutip \$5 billion, \$5 ribu juta, apakah cara yang sepatutnya boleh kita buat untuk kita mengutip \$5 ribu juta ini. Tidak lain dan tidak bukan ialah persoalannya kita mesti realistik dan praktikal. Saya ingat Menteri yang berkenaan dapat menjawab bagi pihak saya, itulah yang saya maksudkan.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Berendam, saya lihat laporan akhbar telah dibuat secara tersilap, saya tidak tahu apa maksudnya, dia mencadangkan supaya kasino, kelab malam dan lain-lain lagi ditutup. Ini bermakna Kerajaan tidak akan dapat mengutip \$10 billion, sebab perjudian haram ini akan berjalan terus dengan apa cara sekalipun, kecuali kita membuat hukuman pancung dan sebagainya, barulah boleh kita menyelesaikan masalah tersebut. Tetapi sampailah kita ke arah tersebut?

Saya beri contoh. Baru-baru ini dalam lawatan singkat saya ke Cairo, ada seorang kawan saya di Al-Azhar telah memberitahu saya bahawa di Cairo ada 10 kasino. Kita sedia maklum bahawa Universiti Al-Azhar

ini 1,000 tahun umurnya iaitu yang tertua di dunia dan banyak pemimpin-pemimpin kita, pemimpin negara, seperti Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Ustaz Haji Abdul Hadi dan lain-lain lagi semuanya belajar di universiti tersebut. Tetapi di kawasan tersebut ada 10 kasino. Ini bukan saya mengatakan bahawa Kerajaan Egypt telah melakukan dosa, tetapi saya rasa Kerajaan Egypt adalah praktikal. Kerajaannya memikirkan orang Islam tidak payah masuk kasino tersebut. Yang 10 biji ini adalah untuk orang yang bukan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ke arah ini saya minta supaya Kerajaan Malaysia praktikal, kalau kita hendak tutup, tutup semua. Biarlah kita tidak mengutip \$10 billion ataupun \$20,000 juta kita tidak payah kutip. Kalau tidak, kita mesti praktikal. Jangan benarkan perkara-perkara ini berleluasa dan jangan benarkan orang Malaysia yang suka melancong ke luar negeri menjalankan hobby mereka dan lain-lain lagi yang saya rasa boleh merugikan daripada segi pertukaran wang asing. Saya mencadangkan ini untuk tujuan pelancongan kepada Kementerian yang berkenaan supaya kita membuat dua bentuk, dan sekarang ini sudah dijalankan, tetapi kita buat ini dengan cara terbuka bahawa pelancongan ini ada dua.

Nombor satu, pelancongan terbuka. Terbuka untuk orang-orang Islam oleh kerana sebagai sebuah negara Islam yang menjalankan penerapan nilai-nilai Islam, ini terbuka. Maksudnya pelancongan terbuka ini untuk kita orang Islam, sebagai sebuah negara Islam yang menjalankan penerapan nilai-nilai Islam, ini terbuka. Maknanya kita tidak menghadapi masalah sekiranya kita pergi ke tempat-tempat terbuka.

Keduanya, pelancongan tertutup. Tertutup ini saya tidak mahu senaraikan. Ini saya harap

Kementerian berkenaan sedia maklum. Saya sedia maklum, semua orang sedia maklum, fikir betul-betul apa yang harus kita buat dengan yang saya maksudkan pelancongan tertutup. Di antara pelancongan tertutup sekarang ialah orang Islam tidak dibenarkan untuk masuk ke kasino dan juga lain-lain pusat perjudian yang dibenarkan. Ini di antara yang tertutup. Yang lain-lain itu saya pulangkan kepada Kementerian yang berkenaan untuk memikirkan supaya kita dapat mengutip \$5 billion ini. Kalau tidak, kita harus mencadangkan kepada Jabatan Perdana Menteri untuk mengadakan undang-undang khusus untuk menyekat 100%. Tetapi yang ruginya apabila kita sekat 100% supaya mereka tidak menjalankan perjudian haram dan sebagainya, mereka pergi ke luar negeri. Daripada orang kita membuang wang di luar negeri dan sebagainya, kita patutlah membuat sesuatu untuk memastikan bahawa perkara ini dijalankan dengan secara praktikal dan juga realistik. Dengan itu terbukalah hati saya untuk meluahkan perasaan saya oleh kerana perkara ini banyak pihak bercakap lain tetapi buatnya lain, seperti kata orang tua-tua, "seperti ayam jantan, mulutnya berkokok, punggungnya penuh dengan tali". Sekiranya kita hendak bercakap, biarlah bercakap dengan betul. Saya sebagai seorang yang memegang kuat dengan agama Islam, saya meluahkan rasa hati saya untuk menyelamatkan keadaan Kerajaan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, yang keduanya, saya hendak menyentuh fasal kedudukan Kerajaan sekarang. Semua pihak bercakap fasal perpaduan. DAP bercakap fasal perpaduan, ada rakan-rakan dalam Barisan Nasional juga bercakap fasal perpaduan, sekarang ini perpaduan sudah jadi kelam-kabut. Fasal apa? Sebab semua orang bercakap

perpaduan bersyarat. Kalau hendak berpadu, ini dia syaratnya. Kalau bersyarat, perpaduan macam mana? Kalau di rumah pun, kalau kita hendak berpadu dalam rumah bersyarat, teruklah kita. Kalau sekiranya kita hendak membuat perpaduan mesti cara terbuka, fikiran kita mesti terbuka, hati kita mesti terbuka, baru boleh. Ini kita tumbuk muka kawan kita sekali, "ah! kalau awak hendak berbaik dengan aku" Jangan, kita jangan beri syarat kalau hendak berbaik. Kita mesti kata, "sekarang ini oleh kerana kita telah bergaduh dan aku telah menumbuk muka kamu sebiji, sekarang ini mari kita berbaik-baik, berpadu". Tetapi jangan sebut syarat, syarat itu datangnya kemudian.

Kebanyakan kawan-kawan kita di pihak Pembangkang telah membuat syarat, bahawa syarat perpaduan ini, ini, ini. Jangan tangkap pemimpin dan lain-lain lagi, walaupun pemimpin mereka membuat perkara-perkara yang berbau perkauman dan lain-lain lagi. Ini merupakan syarat-syarat yang tidak realistik.

Lagi satu perkara yang tidak realistic, dengan izin, telah dicadangkan oleh semua pihak dan saya tidak bersetuju dan saya mencadangkan supaya sekiranya kita hendakkan perpaduan, perpaduan yang terbuka. Ada kawan-kawannya yang menganggap bahawa sebab-sebabnya berlaku perkara-perkara ini oleh kerana mungkin Kerajaan sekarang ini adalah Kerajaan yang telah bergerak ke arah Kerajaan fascist, Kerajaan yang mengamalkan tindakan-tindakan secara kekerasan dan sebagainya lagi.

Kalau saya menjadi Perdana Menteri, saya rasa tindakan saya lebih keras, 100 kali lebih keras, sebab sekarang kita dalam masyarakat majmuk, kita tidak ada pilihan. Kalau sekiranya semua masyarakat ingin

mengemukakan tuntutan masing-masing, kalau pemimpin kata, kaum ini datang terima semua, kita terpaksa pecah jadi seperti Lebanon. Masalah Lebanon ini, sebab tidak ada dalam bentuk yang orang boleh hormat. Dia tidak boleh buat cara kekerasan di Lebanon, sebab dia ada dua puak sekarang. Keadaan di Malaysia ini akan menjadi seperti tersebut kalau sekiranya pemimpin tidak tegas. Saya menyokong sepenuhnya tindakan pemimpin untuk menjamin keamanan.

Kalau sekiranya Kerajaan lambat untuk mengambil tindakan, saya rasa kita tidak dapat elak berlakunya sekali lagi pergaduhan kaum yang saya rasa semua orang memikirkan jangka pendek. Jangka pendek memang semua orang seronok, sebab kadangkadangkad kalau lama tidak bergaduh, dia seronok bergaduh. Kalau lama dia tidak bersuka, dia seronok bersuka. Demikian juga orang yang ingin melepaskan perasaan dengan cara yang lain, kalau sekiranya mereka fikir jangka pendek, mereka boleh bergaduh dan mereka boleh menang, maka terjadilah cerita perang Iran/Iraq di mana Iraq fikir dia boleh menghapuskan Iran dalam masa 48 jam. Sampai hari ini perkara ini tidak selesai. Demikian juga akan terjadi di Malaysia di mana walaupun Ketua Pembangkang baru-baru ini mengatakan, dia quote daripada Timbalan Perdana Menteri, dia kata, "kalah jadi abu, menang jadi arang". Tetapi kita harus ingat, orang-orang yang mempertahankan hak masing-masing berfikir, "lebih baik mereka mati daripada hidup berkalangan bangkai". Jadi kalau semua orang mempertahankan bahawa mereka sahaja yang benar, maka soal perpaduan ini tidak dapat dicapai.

Saya juga menentang keras, kepada kawan-kawan saya yang telah bercakap bahawa Kerajaan sekarang

bergerak ke arah tersebut, bergerak ke arah fasisme, kuku besi dan lain-lain perkataan yang telah dilemparkan kepada pihak Kerajaan. Yang mana mereka hendak? Mereka hendak pergaduhan atau mereka hendak tindakan yang tegas? Saya rasa tindakan Kerajaan sekarang adalah tindakan yang tegas.

Saya sebagai seorang ahli sejarah, saya mengetahui sangat oleh kerana minat saya kepada Hitler dan juga Mussolini ini terlampau lebih, maka saya banyak membuat kajian mengenai kedua-dua pemimpin yang berkenaan. Janganlah kita sampai terlanjur untuk menyamakan pemimpin sekarang sama seperti yang berlaku kepada Hitler dan Mussolini. Kalau sekiranya kita berfikir kepada peringkat tersebut, maka sebenarnya kita tidak membaca sejarah. Kepada orang yang membaca sejarah akan memikirkan bahawa tindakan pemimpin kita adalah tindakan yang terbaik sekali dalam sejarah dunia, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat lihat sendiri. Kedudukan pemimpin sekarang adalah di antara pemimpin yang terbaik dalam erti kata sejak kemerdekaan, kita masih dapat memupuk keadaan perpaduan kaum daripada berbagai kaum yang ada di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak orang kita yang mendapat didikan Barat, yang pergi ke negara Barat akan melihat sendiri bahawa perkauman itu cukup berleluasa. Kadang-kadang kalau kita pergi ke Eropah, kita lihat kita seorang berlainan daripada orang lain dan mereka akan memandang rendah kepada kita. Tidak berlaku keadaan tersebut di negara ini, tidak berlaku keadaan tersebut di Malaysia dan negara-negara Barat dan juga negara-negara lain yang memperjuangkan anti-perkauman dan sebagainya, sebenarnya mereka lebih kuat, lebih perkauman daripada kita.

Jadi, kita patut bersyukur dan kita patut berterima kasih kepada pihak Kerajaan yang telah dapat mengekalkan keadaan keazaman seperti yang ada sekarang.

Kepada mana-mana Ahli Yang Berhormat yang menganggap bahawa kedudukan Kerajaan sekarang sebagai Kerajaan kuku besi, dia boleh buat pilihan. Dia hendak beri Kerajaan benarkan kita terus bertempik, benarkan Pembangkang maki pihak Kerajaan dengan tanpa had, tanpa syarat dan melihatkan pula pihak Kerajaan mempertahankan dengan tanpa syarat, tidak payah di luar; saya rasa di Parlimen ini pun juga akan berlaku pergaduhan. Saya bersyukur kerana pihak Kerajaan telah bukan sahaja menyelamatkan keadaan tersebut di luar tetapi juga di dalam Parlimen ini. Kita akan sampai ke satu tahap yang tidak boleh mengawal perasaan, sampai ada setengah Ahli Barisan Nasional sendiri pun terpaksa bergaduh sesama sendiri oleh kerana permainan DAP dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kesal kepada rakan saya yang mengeluarkan kenyataan yang menyamakan kedudukan Kerajaan sekarang sama seperti Hitler dan "Mussolini". Saya rasa eloklah kita balik baca buku sejarah Tingkatan V anak-anak kita, Tingkatan II pun ada, kita balik baca, tengok apa bentuk sejarah yang ada di zaman Hitler dan "Mussolini" dibandingkan dengan Kerajaan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh sedikit tentang kedudukan Belanjawan yang telah dibentangkan. Yang pertamanya mengenai rogol. Saya menyokong Ahli dari Tebrau dan juga Ahli dari Keluang yang menyentuh mengenai rogol. Rogol ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja rogol kepada perempuan, rogol juga berlaku kepada orang lelaki. Terdapat orang-orang lelaki—dalam metosnya orang

lelaki tidak dapat dirogol tetapi sebenarnya kadang-kadang lelaki juga dirogol oleh lelaki. Ini kedudukan yang sebenarnya.

Sekarang ini kita bercakap mengenai mangsa-mangsa rogol. Mangsa-mangsa rogol kebanyakannya orang perempuan, wanita dan sebagainya, tetapi malangnya kita susah untuk mendapat orang-orang yang boleh bercakap bagi pihak perogol itu sendiri, sebab saya rasa semua Ahli-ahli Yang Berhormat di sini tidak pernah terlibat dengan perkara yang berkenaan, jadi mereka tidak dapat bercakap bagi pihak orang-orang yang terlibat.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan cadangan supaya hukuman yang keras dikenakan kepada perogol-perogol tetapi pihak Jabatan Perdana Menteri, pihak yang akan membentangkan Rang Undang-undang mengenai rogol ini nanti harus berfikir bahawa kenapa berlakunya perogolan, kenapa perogol-perogol ini suka merogol sebab mengikut angka-angka yang telah diberikan bahawa 80% daripada kejadian rogol adalah rogol yang telah dirancang.

Kalau sekiranya rogol ini adalah rogol yang telah dirancang, bermakna orang yang merogol itu ialah orang yang rasional. Jadi, haruslah ada di antara Yang Berhormat di sini yang boleh bercakap. Saya hendak bercakap boleh tetapi masa tidak ada. Bagi pihak orang-orang yang merogol kenapa berlaku perogolan yang demikian rupa. Jadi, pihak Kerajaan harus meneliti perkara-perkara ini supaya apabila kita membentangkannya semua pihak menerima dengan adil.

Saya bersetuju dengan hukuman secara Islam supaya ini menjadi contoh dan teladan kepada orang lain, iaitu kalau sekiranya rogol ini kita

baling dengan batu, tanam sekerat pinggang; itu yang lebih baik supaya menjadi contoh. Perogol-perogol pun takut tetapi masalahnya perogol-perogol sekarang ini yang pertamanya, dia tak takut tentang hukumannya. Yang keduanya, kedudukan masa mereka merogol itu mereka terlupa tentang hukuman.

Tuan Tan Kok Wai: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, Yang Berhormat dari Sungai Besi.

Tuan Tan Kok Wai: Masa yang diperuntukkan telah cukup.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya dia tanya, masa ini kira masa.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Sungai Besi, duduk! Yang Berhormat dari Arau, sila gulung.

Tuan Shahidan bin Kassim: Dalam masa lima minit ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai Belanjawan. Tadi saya sebutkan bahawa Belanjawan yang sederhana ini dapat kita jalankan dengan baik kalau sekiranya pegawai-pegawai atau mana-mana pihak dapat menjalankan peruntukan ini kepada pihak-pihak yang telah ditetapkan dengan baik.

Saya beri contoh, Tuan Yang di-Pertua, kita mestilah meletakkan pegawai-pegawai yang berdedikasi tepat kepada jawatan mereka. Kita juga harus tetapkan bahawa pegawai-pegawai tersebut mesti mengikuti arahan-arahan yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya hendak gulung sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Tak boleh, Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Tasik Chenderoh.

6.26 ptg.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Tasik Chenderoh): Bismillahir-rahmanir-rahim.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah dan keizinanNya saya berpeluang mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan 1988 yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Di samping itu, saya tidak lupa mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan kepada semua pihak yang terlibat dengan penyediaan Rang Undang-undang ini kerana telah berjaya mengemukakan suatu Anggaran Belanjawan yang saya kira amat sederhana dan berpatutan serta selaras dengan iklim ekonomi dunia yang lembap di samping mengambil-kira keadaan pertumbuhan ekonomi negara yang perlahan. Pada umumnya Anggaran Belanjawan bagi tahun 1988 ini diterima baik oleh semua lapisan masyarakat di negara ini kecuali pihak Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, di tengah-tengah keghairahan Ahli-ahli Yang Berhormat membincangkan Anggaran Belanjawan 1988 ini, negara telah dilanda oleh ribut perkauman yang boleh membahayakan keselamatan rakyat dan negara seluruhnya. Namun demikian, saya dengan perasaan tulus ikhlas amat menghargai kebijaksanaan

Kerajaan, cekap bertindak sebelum terlambat, syukur Alhamdulillah.

Saya juga menghargai kecekapan polis, kecekapan Pasukan Polis kita yang berusaha memulihkan keamanan tanpa mengira penat dan lelah demi kesejahteraan rakyat dan kestabilan negara. Saya ucapkan syabas.

Dalam hubungan ini adalah tidak adil dan tidak berasas tuduhan yang dilemparkan kepada Pasukan Polis, terutama oleh beberapa orang anggota DAP di Dewan ini, kononnya tindakan polis itu ialah untuk melemahkan parti Pembangkang.

Lihatlah, bacalah senarai mereka yang ditahan itu. Adakah terdiri daripada anggota DAP sahaja. Bukankah terdapat nama dari berbagai kumpulan, termasuk penyokong-penyokong kuat Kerajaan khususnya tiga orang Ahli Exco Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia. Di manakah lojiknya tuduhan itu.

Tuan Yang di-Pertua, atas sifat peri kemanusiaan, saya tetap bersimpati dengan kesulitan yang dialami oleh keluarga mereka yang ditahan, mereka bukan sahaja telah terputus kasih sayang, malah akan terpaksa memikul tanggungjawab untuk menguruskan sendiri segala masalah keluarga sehingga mereka yang ditahan dilepaskan dan kembali ke pangkuan keluarga masing-masing. Saya berharap pihak yang berkuasa akan memberi layanan yang sempurna guna meringankan tekanan batin yang dialami oleh keluarga yang tinggal. Saya juga berharap dan berdoa semoga ketiga-tiga Ahli Exco Pergerakan Pemuda yang selama ini dikenal sebagai patriot bangsa akan segera dilepaskan untuk balik ke pangkuan keluarga yang dikasihi.

Tuan Yang di-Pertua, kita hairan memandangkan beberapa orang

anggota DAP di Dewan ini nampaknya mereka telah hilang sabar. Sebenarnya, mereka ini digodai oleh penyakit kecewa yang dialami selepas keputusan Pilihanraya Kebangsaan diumumkan pada 3hb Ogos, 1986 yang lalu.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:
. . . . hakikat ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat boleh sambung esok.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:
Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Majlis Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.